

Bil. 1

**Isnin
8 Mei 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH:	(Halaman 1)
- Y.B. Tuan Wan Nordin bin Che Murat	
- Y.B. Tuan Ahmad bin Husin	
- Y.B. Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin	
- Y.B. Tuan Ir. Hiang A Li	
PEMASYURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
- Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru	(Halaman 1)
- Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman 2)
- Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 2)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 3)
UCAPAN TAKZIAH:	
- Ucapan Takziah Atas Kembalinya Ke Rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba, Bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia	(Halaman 3)
- Ucapan Takziah Atas Kembalinya Ke Rahmatullah Allahyarham Y.B. Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad	(Halaman 4)
PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT	(Halaman 4)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 4)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 5)
USUL-USUL:	
- Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 20)
- Ucapan Takziah Atas Kembalinya Ke Rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba, Bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia	(Halaman 21)
- Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee</i>	(Halaman 34)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
9. “ Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
10. “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
11. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
12. “ Datin Naomi Chong Set Mui (Dilantik)
13. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
14. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
15. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
16. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
17. “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
18. “ Ir. Hiang A Li (Pahang)
19. “ Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
20. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
21. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
22. “ Tuan Ismail Kasim (Perlis)
23. “ Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
24. “ Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
25. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
26. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
27. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
28. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
29. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
30. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
33. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)

33. Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
34. " Datuk M. Ratnam (Dilantik)
35. " Tuan M. Saravanan (Dilantik)
36. " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
37. " Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
38. " Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
39. " Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua*
40. " Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
41. " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
42. " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
43. " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
44. " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
45. " Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
46. " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
47. " Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
48. " Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
49. " Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
50. " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
51. " Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
52. " Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin
53. " Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. " Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55. " Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56. " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
57. " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
58. " Dato' Dr. S. Vijyaratnam (Dilantik)
59. " Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
60. " Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
61. " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
62. " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
63. " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
64. " Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
65. " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI**

Azhari bin Hamzah
Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Nur Liyana binti Ahmad
Yoogeswari a/p Muniandy
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Suriyani binti Mohd. Noh
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Mohd. Hanafi bin Abdul Mutalib

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Azmir bin Mohd. Salleh
Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Zaidazuriani binti Mohd. Zamli
Nor Hamizah binti Hassan
Azanariah binti Mohd. Yunan

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA**

Isnin, 8 Mei 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- (i) Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin;
- (iii) Yang Berhormat Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd Zabidin;
dan
- (iv) Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li.

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin, Yang Berhormat Puan Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin dan Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li, sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara. Saya juga mengalu-alukan pelantikan semula Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat sebagai Ahli Dewan Negara.

Seperti mana yang dilafaskan dalam sumpah sebentar tadi, sebaik sumbangan yang boleh Yang Berhormat berikan kepada negara, bermula dari Yang Berhormat berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, bersyukur, generasi kita dapat menjadi saksi terhadap pemantapan proses demokrasi di negara tercinta, sedangkan hampir keseluruhan negara-negara jiran masih lagi belum selesai untuk menghayati prinsip-prinsip pokok dalam sistem demokrasi tersebut. Dalam suasana keterbukaan yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa kini, peranan dari Yang Berhormat bukan sahaja lebih mencabar, namun sekali gus juga lebih memberangsangkan.

Selamat Bertugas!

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam, Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:-

Pada 23 Disember 2005:

1. Yang Berhormat Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh; dan
2. Yang Berhormat Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie.

Pada 16 Februari 2006:

1. Yang Berhormat Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi

Pada 22 Februari 2006:

1. Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarajnam a/l S. Seevarajnam;
2. Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng; dan
3. Yang Berhormat Datuk Chew Vun Ming.

Pada 26 April 2006:

1. Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee; dan
2. Yang Berhormat Datuk Soon Tian Szu

TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 13 Mac 2006, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilampirkan]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:-

1. Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005;
2. Akta Bank Islam (Pindaan) 2005;
3. Akta Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005;
4. Akta Perbekalan Tambahan (2005) 2005;
5. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2005;
6. Akta Perbekalan 2006;
7. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2005;
8. Akta Timbang Tara 2005;
9. Akta Warisan Kebangsaan 2005;
10. Akta Kewangan 2005;
11. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006; dan
12. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2006.

UCAPAN TAKZIAH

**UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH
ALLAHYARHAM TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA,
BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

dan

**UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH
ALLAHYARHAM Y.B. DATUK DR. HAJI MOHD FUAD BIN HAJI AHMAD**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Yang Amat Berbahagia Tuan Abdul Ghafar Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, telah kembali ke Rahmatullah pada pukul 7.35 pagi, hari Ahad bersamaan 23 April 2006.

Dan pada keesokan harinya kita semua telah dikejutkan lagi dengan kehilangan seorang anggota Dewan ini iaitu Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad yang telah kembali ke Rahmatullah pada hari Isnin bersamaan 24 April 2006 jam 5.30 pagi di Hospital Pakar Damansara, Petaling Jaya.

Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan dan pihak Parlimen seluruhnya mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada seluruh anggota keluarga kedua-dua Allahyarham. Kita berdoa moga-moga Allah S.W.T akan mencucuri rahmat ke atas rohnyanya dan menempatkan mereka di antara orang-orang yang soleh.

Sekarang saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua hadirin sekalian bangun. Kepada yang beragama Islam diminta menghadaiahkan Al-Fatihah kepada kedua-dua roh Allahyarham dan kepada yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit.

Al-Fatihah... *[Semua Ahli bangun]*

[Ahli-ahli yang beragama Islam membaca surah Al-Fatihah]

[Ahli-ahli yang bukan beragama Islam bertafakur selama satu minit]

Terima kasih.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membaca Perutusan]

“4 Mei 2006

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah keberkesanan Unit Pengaduan Awam, (UPA) Badan Kehakiman Malaysia yang diwujudkan sejak bulan Januari 2006. Apakah tindak balas orang ramai terhadap UPA setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk bagi pihak kerajaan mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang baru dilantik dan telah pun dilantik semula.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pengaduan Awam ataupun UPA diwujudkan untuk mempertingkatkan ketelusan dalam pelaksanaan keadilan. UPA diselia oleh Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia yang bertanggungjawab terus kepada Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara. Skop UPA ini adalah menerima segala aduan mengenai pentadbiran keadilan Badan Kehakiman di seluruh negara.

Objektif UPA adalah untuk menangani segala pengaduan dari orang awam dengan cara cepat. Semenjak penubuhan UPA, sambutan daripada orang ramai adalah menggalakkan di mana secara purata sebanyak 5 hingga ke 10 panggilan telefon dan surat-surat diterima pada setiap hari. Umumnya aduan adalah mengenai kelewatan penetapan tarikh-tarikh bicara dan kelewatan pengeluaran dokumen-dokumen.

Bagi aduan mengenai kelewatan penetapan tarikh-tarikh bicara, sebaik sahaja aduan diterima, mahkamah tersebut telah dihubungi dan tarikh bicara telah diberikan manakala bagi aduan mengenai kelewatan pengeluaran dokumen pula, sebaik aduan diterima, mahkamah tersebut dihubungi dan dokumen-dokumen tersebut telah dikeluarkan secepat yang mungkin. Keberkesanan dapat dilihat apabila tindakan-tindakan diambil. Pengadu tidak lagi menghubungi pihak UPA untuk aduan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd Puad.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, apakah kes-kes kelewatan perbicaraan itu apabila diselesaikan ataupun aduan itu diterima berdasarkan kepada prioriti ataupun keutamaan kes itu ataupun diselesaikan mengikut secara umum atau pun *first come first serve*, dengan izin. Dan yang kedua saya ingin tahu, apakah pejabat UPA ini wujud di daerah-daerah juga? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ia tidak mengikut keutamaan tetapi ia diselesaikan secara *first come first serve*. Tarikh dengan izin, *the next available time* itulah yang digunakan untuk menetapkan tarikh perbicaraan ini.

Buat pada masa ini, kita hanya memberi talian telefon sahaja kepada mereka yang mahu mengadu dan kita tidak mempunyai apa yang dikatakan di setiap daerah kita ada tempat pengaduan kerana ia boleh dilakukan secara aduan telefon atau pun menerusi menulis surat. Namun oleh kerana di setiap negeri itu ada Pejabat Pendaftar Mahkamah, maka sudah tentulah surat yang dihantar kepada Pendaftar Mahkamah Negeri itu akan dihalakan kepada UPA.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah. Tadi tak nampak bangun. Ya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setakat fungsinya UPA, adakah sebarang kelemahan ataupun masalah yang telah dikenal pasti yang perlu dipertingkatkan pada masa akan datang dan setakat ini berapakah kakitangan yang terlibat dalam mengendalikan UPA ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya jawab sebentar tadi, iaitu setakat hari ini keberkesanan itu dapat dilihat

apabila tindakan telah diambil dan pengadu tidak lagi menghubungi. Jadi maknanya ia berkesan.

Dan berkaitan dengan soal tenaga kerja ataupun kakitangan, ia tidak perlu wujud satu unit yang baru kerana pegawai-pegawai di bawah Ketua Pendaftar itu telah mencukupi untuk menyelesaikan masalah ini. Lagi pun seperti mana kita semua tahu puratanya pada setiap hari cuma lima ke sepuluh aduan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi satu komponen dalam jentera *delivery system* pemerintah yang baru wujud sejak bulan Januari, belum lagi setahun jagung, sudah timbul di dalam Dewan yang mulia ini, dan telah diselesaikan persoalan-persoalan terhadapnya. Saya ucapkan tahniah mahupun bagi pihak yang menyoal ataupun kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini akan dijawab oleh rakan kita Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam, dan saya ucapkan syabas.

2. **Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, apakah galakan-galakan yang akan diberikan untuk membolehkan lebih ramai rakyat menggunakan Envo Diesel.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayaratnam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Dr. Chin Fook Weng. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat penggunaan Envo Diesel telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Mac 2006.

Untuk peringkat permulaan, kerajaan memperkenalkan penggunaan adunan 5% minyak sawit proses iaitu RBD *Palm Olein*, dengan izin, dengan 95% diesel petroleum secara sukarela oleh Kementerian Pertahanan, DBKL, Jabatan Kerja Raya serta agensi-agensinya di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Pada masa yang sama, kementerian dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia iaitu MPOB sedang mengenal pasti stesen-stesen minyak yang boleh membekalkan Envo Diesel kepada orang awam untuk dicuba secara sukarela. Penggunaan Envo Diesel secara mandatori untuk orang awam dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2007. Untuk menggalakkan orang awam menggunakan Envo Diesel, kementerian sedang mengkaji cadangan pengurangan cukai jalan bagi kenderaan yang menggunakan Envo Diesel dan jika sesuai, cadangan ini akan diperakukan untuk pertimbangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Dato', orang kampung. Cantik kalau Yang Berhormat beri peluang soalan tambahan sekarang.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Okeylah Tuan Yang di-Pertua. Saya ikut nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dr. Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun produk ini begitu baru, tetapi nampaknya sudah ada satu kempen di dunia untuk merosakkan penggunaan minyak kelapa sawit kita. Apakah persediaan kerajaan dalam mengatasi kempen seperti ini? Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng atas soalan itu. Memang benar ada kempen khususnya di negara-negara Barat. Berkenaan dengan ladang-ladang minyak sawit oleh kerana tuduhan mereka ialah kita memotong hutan dan rimba di negara ini untuk tanam kelapa sawit dan oleh kerana demikian, hidupan-hidupan liar terutama contoh yang disebut oleh mereka ialah orang utan, tempat hidup orang utan dibinasakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi khususnya MPOPC (*Malaysian Palm Oil Promotion Council*) dengan izin, pun menjalankan kempen untuk membanteras tuduhan-tuduhan daripada negara-negara Barat dan NGO-NGO, di mana kita mengutamakan bahawa kita tidak akan melebarkan kawasan tanaman kelapa sawit jika meluaskan kawasan, sedikit sahaja tidak lebih daripada 3% atau 4%...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat berpuas hati dengan jawapan?

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Ada sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Apa yang diutamakan ialah kita menggalakkan syarikat-syarikat besar kelapa sawit meningkatkan produktiviti ataupun *yield*, dengan izin daripada ladang-ladang mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas itu Puan Wan Ubaidah.

Tuan Lee Sing Chooi: Soalan tambahan saya untuk menggalakkan penggunaan minyak kelapa sawit dalam Envo Diesel, saya hendak tahu keefektifan, *combustion* minyak kelapa sawit ini dalam ...

Tuan Yang di-Pertua: Keberkesanan.

Tuan Lee Sing Chooi: Keberkesanan, *combustion* minyak kelapa sawit dalam Envo Diesel dan juga apa kesannya ke atas enjinnya, kuasa keretanya dan juga alam sekitar. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi. Envo Diesel iaitu adunan 5% RBD *Palm Olein* dengan 95% petroleum diesel, adalah ditetapkan mengikut spesifikasi piawaian Malaysia untuk minyak diesel iaitu, MS 123 1993 dan ini boleh berbanding lebih kurang sama taraf dengan diesel petroleum penuh.

Selebih daripada Tuan Yang di-Pertua, apa yang baik di atas kegunaan Envo Diesel ialah pengeluaran asapnya lebih bersih dan gas rumah hijau atau *green house gas* kurang jika dibandingkan dengan kegunaan diesel biasa seperti karbon dioksida, karbon monoksida, sulfur dioksida dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Setakat ini dipastikan kalau tambah 5% itu ada perubahan, adalah lebih baik.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Ya.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah Envo Diesel ini lebih murah daripada diesel biasa dan adakah operator-operator bas dalam negara ini diberi galakan supaya menggunakan Envo Diesel ini memandangkan kesannya lebih baik kepada persekitaran. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah. Berkenaan dengan harganya pada masa ini oleh kerana minyak itu digunakan secara suka rela oleh agensi-agensi kerajaan sebagai ujian maka tidak ada harga. Kita bagi percuma sahaja tetapi saya difahamkan bahawa harganya bila dikomersialkan, tiada beza dengan harga diesel biasa pada setakat ini, oleh kerana ini mengikut harga minyak sawit dan harga petroleum. Minta maaf soalan satu lagi?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Galakan kepada operator bas untuk menggunakan Envo Diesel.

Dato' Dr. S. Vijayaratham: Setakat ini kementerian tidak ada apa-apa galakan khas hanya yang telah saya sebutkan tadi ialah dicadangkan mengurangkan cukai untuk kenderaan-kenderaan tersebut yang menggunakan Envo Diesel.

3. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bilangan kumulatif pekerja yang diberhentikan dari Januari 2001 sehingga Disember 2005 dan jumlah majikan yang terlibat. Apakah sebab-sebab utama pemberhentian pekerja-pekerja ini dan di sektor-sektor manakah yang paling banyak melibatkan pemberhentian pekerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari 2001 sehingga Disember 2005, seramai 118,470 pekerja telah diberhentikan kerja yang melibatkan 3,692 majikan. Punca utama majikan memberhentikan pekerja mereka adalah disebabkan kekurangan pasaran produk mereka yang melibatkan 1,438 majikan iaitu 39% bagi tahun 2001 hingga 2005.

Di samping persaingan dengan produk daripada luar negara dari aspek harga dan kuantiti yang ditawarkan khususnya di negara China yang menyumbang kepada masalah ini, ini mengakibatkan permintaan produk tempatan berkurangan. Keadaan ini turut disokong oleh faktor globalisasi yang menyaksikan persaingan ekonomi tanpa sempadan di mana produk-produk luar bersaing dengan produk tempatan tanpa sekatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab kedua yang menyumbang kepada pemberhentian pekerja adalah penyusunan semula syarikat yang melibatkan 923 majikan ataupun 25%. Banyak syarikat telah mengemukakan alasan penstrukturan semula syarikat sebagai alasan untuk memberhentikan para pekerja. Lantaran itu pihak majikan terpaksa menjalankan proses pengecilan saiz operasi, pengurangan jumlah tenaga kerja dan mengehadkan kos operasi syarikat.

Terdapat juga majikan yang menggunakan alasan penggulungan syarikat yang melibatkan 553 majikan atau 15% kerana syarikat tidak lagi mampu untuk meneruskan *survival* operasi syarikat untuk bersaing dengan syarikat yang lain. Syarikat-syarikat yang tidak mampu menampung kos operasi, perbelanjaan yang melebihi pendapatan dan gagal melaksanakan strategi defensif akan mengambil langkah terakhir iaitu penggulungan syarikat ataupun penutupan keseluruhan operasi.

Antara sebab-sebab lain yang dikenal pasti dalam pemberhentian pekerja adalah penjualan syarikat serta kos pengeluaran yang tinggi yang melibatkan 778 majikan atau pun 21%.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, sektor yang paling banyak terlibat dalam pemberhentian pekerja adalah sektor pembuatan yang melibatkan seramai 75,391 pekerja ataupun 64%. Manakala sektor-sektor lain seperti pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan, pembinaan, perkhidmatan kewangan, insurans harta benda dan peniaga tidak menunjukkan angka yang amat ketara berbanding sektor pembuatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pun sama fikiran dengan saya. Datuk Hajah Azizah, kemudian Datuk Yaakob.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan banyak majikan kita yang membuang pekerja-pekerja tempatan dan digantikan dengan pekerja asing. Adakah boleh dilaksanakan dan juga bagaimana pula penyampaian pelaksanaan notis dan pampasan yang diberikan pekerja-pekerja yang diberhentikan dengan kadar-kadar mengikut kadar kerajaan dan juga cuti-cuti yang belum dipakai, adakah ia hilang begitu sahaja? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sesebuah syarikat tidak boleh membuang pekerja tempatan dengan hasrat untuk mengambil pekerja asing. Mana-mana syarikat yang membuang pekerja tempatan dan berhasrat untuk mengambil pekerja asing, syarikat berkenaan akan di *blacklist*. Mereka mestilah mengutamakan pekerja tempatan daripada pekerja asing.

Mengenai dengan notis yang patut diikuti oleh majikan dalam soal memberhentikan pekerja, mereka mestilah mengikut Seksyen 12, Akta Pekerja 1955 di mana kalau sekiranya pekerja itu kalau bekerja kurang daripada dua tahun, notis yang perlu diberikan ialah selama empat minggu dan faedah penamatan ialah selama sepuluh hari setiap tahun.

Bagi pekerja yang bekerja di antara dua tahun tetapi kurang daripada lima tahun, notisnya ialah selama enam minggu dan faedah penamatan 15 hari bagi setiap tahun. Bagi pekerja yang genap lima tahun tetapi lebih daripada lima tahun, notisnya selama lapan minggu dan faedah penamatan 20 hari bagi setiap tahun. Kalau mereka ingkar untuk mengikuti notis-notis dan faedah perkhidmatan ini, majikan boleh didakwa dan mereka boleh didenda sehingga RM10,000. Begitu juga kepada baki perkhidmatan yang mana pekerja itu masih mempunyai baki perkhidmatan sedangkan pekerja berkenaan yang telah diberhentikan maka baki itu perlu diambil kira dalam mengira dari segi pampasan dan faedah-faedah lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob dan selepas itu Tuan Chua.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada fakta yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan, mereka yang diberhentikan itu mengikut kategori kaum dan jumlah majikan yang bertaraf bumiputera. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Majoriti mereka yang diberhentikan kerja adalah kaum bumiputera, dan dari segi kategori majikan ialah majikan yang bersifat kecil dan sederhana. Terima kasih.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan, berapa peratusan telah mendapat pampasan dan berapa ramai telah mendapat pekerjaan baru. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat tidak ada angka-angka tersebut, Yang Berhormat boleh mohon notis.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat ada angka-angka tersebut? Belum lagi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedar bahawa angka-angka tersebut sulit diperolehi.

4. Tuan Tan Bon You minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, sama ada nombor talian aduan LPKP yang ditampalkan di atas kenderaan awam dan kenderaan berat masih berfungsi. Jika tidak, apakah sebab ia dihentikan. Jika yang, apakah keberkesannya dan berapakah kes yang berjaya diselesaikan sejak ia diperkenalkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah membangunkan sistem aduan kenderaan perdagangan dengan tujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai mengenai kualiti perkhidmatan dan salah laku pemandu kenderaan perdagangan.

Bagi mencapai tujuan tersebut, kementerian telah menyediakan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) nombor 39900 dan talian bebas tol 800-88-960 sebagai saluran utama di dalam memastikan perkhidmatan kenderaan perdagangan sentiasa memenuhi kehendak pengguna selaras dengan sistem yang digunakan. Kementerian telah mewajibkan pemilik kenderaan perdagangan mempamerkan nombor aduan LPKP pada setiap badan kenderaan perdagangan yang berkuat kuasa mulai 25 Januari 2004.

Semenjak dilancarkan pada tahun 2004, sistem tersebut didapati berkesan di dalam meningkatkan tahap kesedaran pengusaha kenderaan perdagangan untuk mematuhi peraturan pelesenan dan memberi perkhidmatan yang lebih berdisiplin kepada pengguna. Sistem ini juga telah memberikan peluang kepada orang ramai untuk menyalurkan hak mereka sebagai pengguna di dalam mendapatkan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan selesa.

Di samping itu maklum balas yang daripada sistem ini membolehkan Kementerian merangka dasar-dasar pelaksanaan yang lebih mantap dan seterusnya mengambil tindakan undang-undang terhadap pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan yang terbukti melakukan kesalahan, termasuklah menggantung dan membatalkan lesen mereka. Nombor talian mengenai soalan tadi, nombor talian aduan bebas tol masih berfungsi dengan baik dan memuaskan.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan sistem pesanan ringkas masa ini akan dikaji semula berikutan dengan keputusan kerajaan untuk mewujudkan satu sistem aduan bersepadu mengenai pengangkutan yang akan dibangunkan di bawah pengendalian bersama oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memantapkan lagi sistem aduan yang sedia ada.

Keberkesanan sistem aduan dapat diukur melalui petunjuk maklum balas yang diterima dan tindakan yang telah diambil. Mengikut maklum balas yang diterima sistem tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Sebaik sahaja sistem tersebut dibangunkan pada tahun 2004, maklum balas yang diterima meningkat kepada 15,141 berbanding dengan 694 pada tahun sebelumnya. Maklum balas tersebut didapati telah menurun kepada 5,248 pada tahun 2005 yang menunjukkan keberkesanannya di dalam meningkatkan kesedaran pengusaha untuk mematuhi peraturan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Di samping itu, petunjuk tindakan undang-undang yang meningkat daripada 693 kes pada tahun 2003 kepada 1,723 kes pada tahun 2004 dan seterusnya meningkat kepada 3,709 kes pada tahun 2005. Pada pendapat kita ini menunjukkan bahawa sistem aduan tersebut adalah berkesan. Terima kasih.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapakah lamanya tempoh yang diperlukan untuk melakukan sesuatu tindakan susulan selepas terimanya aduan, dan adakah pengadu dipanggil bagi memberi bukti dan maklumat selanjutnya semasa siasatan, dan adakah beliau akan diberitahu tentang keputusannya? Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Sebaik sahaja kita menerima, tugas LPKP menerima aduan maka tindakan segera akan diambil termasuklah tindakan-tindakan yang diambil iaitu amaran, menggantung dan juga pembatalan lesen. Bagi kes-kes yang diterima ialah pengadu hendaklah menyatakan masa, tempat dan di mana keadaan itu berlaku. Biasanya setelah Kementerian tidak menerima lagi aduan, maka kita berpendapat bahawa pengadu telah pun berpuas hati dan aduan telah diambil tindakan. Sekiranya masih tidak berpuas hati maka tindakan susulan boleh diambil tindakan oleh pengadu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, selepas ini saya akan teruskan kepada soalan yang berikut.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berdasarkan kepada aduan-aduan tersebut, kesalahan apa sebenarnya yang diambil tindakan oleh LPKP? Dan, apakah bentuk hukuman yang dikenakan kepada mereka yang didapati melakukan kesalahan tersebut? Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, beberapa kesalahan yang dilakukan oleh pengusaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sama ada teksi, bas ataupun lori, adalah teksi ia hanya tidak berpakaian sopan seperti merokok dan tidak mengambil penumpang. Begitu juga dengan tindakan di mana bagi bas yang beroperasi di luar daripada kawasan yang telah ditetapkan dan tidak mengenakan kadar bayaran yang lebih daripada yang telah ditetapkan.

Bagi tindakan-tindakan yang diambil tindakan ialah kompaun, amaran, gantung dan batal lesen. Dalam statistik yang kita ada, iaitu perbandingan tahun 2004, yang telah dikenakan kompaun 887 dan amaran 789, gantung enam dan batal 41 yang melibatkan kesalahan yang banyak dilakukan oleh teksi dengan pembatalan sebanyak 11 lesen, kereta sewa enam dan lori 11. Sementara bagi kesalahan-kesalahan yang digantung, kesalahan yang serius dan sementara yang di kompaun atau yang diberi amaran – teksi juga mencatatkan angka yang begitu tinggi iaitu 608 yang dikenakan kompaun, amaran 410 dan batal lesen 11.

Bagi tahun ini sahaja, 2006 sehingga April, iaitu teksi masih mencatatkan kesalahan yang banyak iaitu: kompaun, 353; amaran, 29; dan batal, satu; gantung, satu. Ini diikuti dengan bas ekspres iaitu: 109 kompaun; 18 amaran; gantung 14; dan batal, 3.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa peka kepada aduan-aduan yang diterima oleh pengadu dan untuk itu maka kerjasama yang bersepadu dijalankan dengan kerjasama....

Tuan Yang di-Pertua: Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, kita sudah dapat kesan bahawa kementerian memang peka. Cukuplah. Terima kasih.

5. Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah sistem pendekatan yang akan diguna pakai bagi memudahkan para pelajar sekolah rendah memahami mata pelajaran khusus terutamanya Sains dan Matematik bagi meningkatkan minat serta pengetahuan terhadap mata pelajaran khusus tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan mengenai usaha meningkatkan minat serta kefahaman murid-murid dalam pembelajaran Sains dan Matematik yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu pada 8 Mei 2006, hari ini, dan 9 Mei 2006. Izinkan saya menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa menjalankan kajian, tinjauan dan pemantauan terhadap pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ataupun PPSMI secara ringkas di semua sekolah sama ada bandar dan luar bandar. Pemantauan yang dijalankan bertujuan untuk mengumpul maklumat secara menyeluruh termasuk amalan pengajaran dan pembelajaran ataupun PMP di bilik darjah dan pengurusan PMP.

Melalui inisiatif pemantauan ini sekolah-sekolah turut diberi bimbingan untuk mengatasi masalah atau memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti. Berpandukan hasil pemantauan pula, kementerian juga telah merangka tindakan-tindakan intervensi untuk meningkatkan keberkesanan PPSMI. Kajian tahap kefahaman yang dijalankan setiap tahun adalah bertujuan untuk menilai tahap kefahaman Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di kalangan murid.

Diagnostik pula dilaksanakan untuk mengenal pasti kelemahan murid dalam memahami kandungan pelajaran. Beberapa strategi serta pendekatan sedang dilaksanakan bagi menarik minat murid mempelajari Matematik dan Sains khususnya dalam pelaksanaan PPSMI. Antaranya:

- (i) menggunakan pelbagai jenis peralatan ICT seperti televisyen, komputer, LCD dan sebagainya;
- (ii) menggunakan konsep pembelajaran *mastery*, *conceptual* dan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis;
- (iii) menggunakan carta bergambar serta peta minda.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya terdengar jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada media malam tadi, yang mana beliau menggunakan perkataan pedagogi. Adakah ini perkara pedagogi?

Puan Komala Devi: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Pedagogi secara PNP dalam bilik darjah dan luar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menjawab seolah-olah Yang Berhormat sudah faham apa dia pedagogi ringkas-ringkas sahaja.... [*Ketawa*]

Puan Komala Devi: Saya minta izin untuk habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Komala Devi: Terima kasih. Dan, akhirnya untuk menambah bahan-bahan bacaan termasuklah peluasan penggunaan ensiklopedia dan pelbagai alat bantu mengajar. Berdasarkan usaha-usaha yang dijalankan, Kementerian Pelajaran menaruh sepenuh keyakinan bahawa pelaksanaan PPSMI mampu melahirkan pelajar yang cemerlang seperti mana yang kita semua harapkan. Terima kasih.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian bercadang untuk menambahkan masa PNP kepada kedua mata pelajaran ini memandangkan kesukaran yang dihadapi oleh murid-murid terutama lambat untuk memahami sesuatu unit pembelajaran itu. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak ada apa-apa cadangan untuk menambahkan masa untuk PPSMI, tetapi kita juga ada program-program sampingan untuk memperluaskan penggunaan Inggeris seperti bacaan ekstensif, bacaan awal dan sastera kontemporari, dan juga kita dari semasa ke semasa akan mengubah suai latihan kemahiran bahasa Inggeris agar sesuai untuk semua pelajar memahami Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah soalan pedagogi.

6. Datuk M. Ratnam minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sama ada kementerian bercadang untuk mewujudkan penanaman buah-buah tropika secara komersial supaya kita dapat mengeksportnya ke seluruh dunia sejajar dengan hasrat menjadikan negara kita sebagai hab pertanian di rantau ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang telah merancang untuk mewujudkan penanaman buah-buahan tropika secara komersial melalui pelaksanaan pelanimbangan perdagangan ataupun *balance of trade*.

Dalam perancangan pelan perdagangan, sebanyak 11 jenis buah-buahan telah dikenal pasti untuk diberi tumpuan termasuk belimbing, betik, jambu batu, nanas dan mangga. Pemilihan buah-buahan ini adalah berdasarkan kepada permintaan pasaran dan daya saing hasil tanaman tersebut dalam bentuk segar atau diproses di pasaran antarabangsa. Dalam pembangunan industri buah-buahan, pendekatan yang digunakan adalah pembangunan mengikut zon atau *cluster*, dengan izin. Pembangunan ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor seperti kesesuaian tanah dan iklim untuk tanaman berkenaan.

Adalah menjadi hasrat kementerian ini di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mengeksport buah-buahan tropika secara komersial ke luar negara seiring dengan perancangan untuk mengimbangi perdagangan Malaysia yang positif. Sasaran pelanimbangan perdagangan bagi buah-buahan ialah meningkatkan pengeluaran buah-buahan daripada 1.586 juta tan pada 2005 kepada 2.555 juta tan pada 2010.

Dengan peningkatan pengeluaran tersebut, nilai eksport buah-buahan dijangka meningkat daripada 471 juta pada 2005 kepada 2.153 bilion pada 2010. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Bangun*]

Datuk M. Ratnam: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Datuk M. Ratnam dan Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah satu negara yang beriklim tropika dan banyak jenis buah-buahan dan tanaman lain boleh dikeluarkan. Kerajaan juga telah menyediakan satu peruntukan yang besar untuk sektor pertanian. Soalan saya ada sedikit panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pendekkan Yang Berhormat.... [Ketawa]

Datuk M. Ratnam: Kita semua tahu bahawa kerajaan-kerajaan negeri tidak dapat keluarkan tanahnya kepada individu ataupun syarikat untuk wujudkan satu pertanian dengan skala besar-besaran. Jadi, tanpa tanah macam mana rancangan pertanian besar-besaran akan dilaksanakan. Bolehkah kerajaan-kerajaan negeri mula usahakan keluaran pertanian dengan *joint venture*, dengan izin, dengan individu ataupun syarikat yang berminat tanpa keluarkan tanah kepada individu ataupun syarikat.

Bolehkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bincang perkara ini dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya pertanian *joint venture* ini boleh digalakkan? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam ingatan saya, Yang Berhormat, jawapan telah diberi dalam satu sidang Dewan oleh kementerian kerana soalan tersebut dilihatkan satu pendekatan baru terhadap kementerian sendiri memperoleh tanah secara besar-besaran telah diumumkan dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya serahkan kepada Yang Berhormat untuk – apakah respons kementerian?

Datuk M. Ratnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang Tuan Yang di-Pertua kata, tetapi sekarang saya tanya sama ada *joint venture* boleh dijalankan dengan syarikat atau individu oleh negeri-negeri di Semenanjung supaya

Tuan Yang di-Pertua: Faham! Bolehkah syarikat *joint venture*. Itu soalnya.

Tuan Mah Siew Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat nafi bahawa ada pengusaha yang menghadapi masalah dana di beberapa negeri dan juga ada yang telah membuat aduan kepada kementerian kita. Seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyarankan negeri-negeri mengadakan lebih kawasan pertanian untuk membuat *joint venture* dan juga untuk memberi kepada pengusaha pertanian.

Walaupun bagaimanapun kementerian kita telah mewujudkan satu inventori tanah kebangsaan sebab kita dapat mengenal pasti tanah yang bersesuaian dan kos pembangunan. Selepas berkumpul, kita akan berunding dengan pengusaha-pengusaha.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah meluluskan peruntukan RM200 juta untuk membeli tanah dari kerajaan negeri, sebab dengan pembelian tanah dapat mempercepatkan proses pembukaan tanah dan ini adalah hasrat untuk mengadakan secara *joint venture* dengan syarikat-syarikat yang ada minat dalam pertanian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Ikhwan Salim, saya hendak teruskan sekurang-kurangnya dapat saya kemukakan soalan yang kesembilan bagi menghormati Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang baru dilantik dan hadir bersama kita. Sila teruskan.

7. **Dato' Ikhwan Salim bin Dato Sujak** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan di dalam menentukan pembayaran kepada kontraktor sama ada secara berperingkat ataupun sekali gus bagi kerja-kerja kelas 'A' sehingga kelas 'F' dilaksanakan mengikut jangka masa yang dipersetujui. Ini adalah kerana perjalanan perniagaan pembinaan memerlukan aliran tunai yang terancang di dalam memberi keyakinan kepada kontraktor bumiputera lebih-lebih lagi

yang kecil ataupun yang baru hendak bermula untuk melakukan kerja sendiri dengan baik serta memberi peluang untuk mendapatkan kemudahan kredit jika perlu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, aturan Perolehan Kerajaan telah menetapkan bahawa bayaran kemajuan hendaklah dibayar kepada setiap peringkat kemajuan projek yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam dokumen kontrak. Bil-bil tuntutan bayaran yang lengkap dengan dokumen-dokumen berkaitan hendaklah dijelaskan tidak lewat daripada 30 hari daripada tarikh ia diterima ataupun apa-apa tempoh yang dipersetujui dalam kontrak.

Bagi mempercepatkan bayaran tersebut, kerajaan juga telah menetapkan bahawa 50 peratus daripada bil tuntutan bayaran oleh kontraktor hendaklah dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh tuntutan diterima. Dan itu jika terdapat bil-bil tuntutan yang telah disahkan, tetapi tidak dapat dibayar keseluruhannya atas sebab-sebab tertentu ianya juga hendaklah dibayar 50 peratus daripada jumlah tuntutan dalam tempoh 14 hari. Kerajaan sentiasa membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh kontraktor. Kontraktor yang menghadapi masalah kelewatan bayaran boleh membuat aduan kepada Unit Aduan Bayaran Lewat, Bahagian Kawalan dan Pemantauan, Kementerian Kewangan dan segala aduan tentang kelewatan bayaran akan disusuli oleh unit ini bagi mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dan mengambil tindakan yang sewajarnya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Ikhwan Salim.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, oleh sebab kontraktor kelas 'F' sebagai contoh adalah mereka yang baru bermula dan kekurangan kapital. Jadi jangka masa bayar *on time* ini amat penting, dengan izin, kepada mereka. Walaupun ada dasar-dasar tertentu kerajaan saya dapati bahawa dari segi praktiknya ia tidak digunakan dan kontraktor-kontraktor ini tidak mahu kompelin, tidak mahu adu kerana takut akan di *blacklist* kan oleh agensi-agensi tertentu. Jadi adakah kerajaan boleh wujudkan mungkin satu badan, atau satu unit untuk menerima aduan-aduan ini supaya dapat dasar ini dilaksanakan dengan baik. Terima kasih.

Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut dalam jawapan saya tadi bahawa Unit Aduan telah pun diwujudkan di peringkat Kementerian Kewangan dan kontraktor yang ada masalah boleh membuat aduan, tetapi sebenarnya selain itu Tuan Yang di-Pertua, memang kemudahan telah pun diwujudkan contohnya wang pendahuluan 25 peratus daripada harga kontrak juga diberi, bermakna belum lagi dimulakan kerja dan dia telah pun mendapat wang pendahuluan 25 peratus daripada harga kontrak. Ini juga masalah memang timbul banyak, tetapi hari ini pun bank-bank pun sudah melonggarkan syarat mereka dan banyak bank yang telah memberi kemudahan seperti Bank Rakyat, misalnya ataupun SME Bank sendiri pun memberi pendahuluan segera ataupun pinjaman segera untuk kontraktor-kontraktor kelas 'F' dan lain-lain juga Tuan Yang di-Pertua.

Bagi kontraktor-kontraktor, sebenarnya pihak kontraktor juga boleh buat *assignment*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kepada bank-bank ataupun *assignment* kepada pembekal-pembekal dan juga tidak timbul masalah pembekal-pembekal tidak dapat bayaran ataupun bank-bank tidak dapat bayaran, mereka akan dapat bayaran melalui *assignment* oleh pihak kontraktor Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

8. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bilangan syarikat penerbangan asing yang mendarat di KLIA setiap tahun sejak ianya beroperasi dan berapakah pula hasil yang diterima oleh KLIA hasil daripada penggunaan tersebut. Berapakah pula hasil yang diterima daripada MAS.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak KLIA dibuka pada tahun 1998 secara keseluruhannya sebanyak 74 syarikat penerbangan yang telah ataupun pernah mendarat di KLIA, sehingga April 2006 terdapat sejumlah 46 syarikat penerbangan yang beroperasi di KLIA. Hasil yang diperoleh daripada caj-kej yang dikenakan kepada syarikat-syarikat penerbangan dari tahun 2002 hingga 2005 adalah sebanyak RM1.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, MAS menyumbang sebanyak RM625.6 juta. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kos penggunaan KLIA ...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu Dato' Omar.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Adakah kos penggunaan di KLIA untuk syarikat-syarikat penerbangan asing itu setimpal dengan kos lapangan terbang serantau seperti Changi di Singapura contohnya. Apakah usaha-usaha daripada pihak kerajaan untuk menarik lebih banyak syarikat penerbangan asing untuk menggunakan KLIA? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang kita ketahui bahawasanya caj-kej yang dikenakan kepada syarikat-syarikat penerbangan luar negara kalau dibandingkan antara kita dengan Singapura, bahkan kita lebih murah dan untuk menarik minat penerbangan asing datang ke KLIA kita telah memberi sedikit kemudahan kepada mereka iaitu dengan mengetepikan caj-kej dalam masa yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun usaha ini telah kita teruskan untuk menarik minat penerbangan-penerbangan asing untuk datang ke KLIA, tetapi ini adalah kempen-kempen kita dan penerbangan-penerbangan asing ini mereka ada strategi-strategi yang tersendiri, tetapi kita akan sentiasa berusaha untuk menarik minat mereka untuk datang ke KLIA. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah caj yang dikenakan ke atas penerbangan-penerbangan asing ini berbeza dengan caj yang dikenakan ke atas MAS dan Air Asia, dia punya *rate* nya.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sudah tentu Yang Berhormat kita punya caj kepada syarikat penerbangan kita ini sudah tentunya sudah kurang sedikit daripada yang dikenakan syarikat penerbangan asing ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Dr. Lee Chong Meng, sekali gus saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan kita yang baru dan Dewan Negara mengharapkan beliau sentiasa tolong kita, silakan Yang Berhormat.

9. Datuk Dr. Lee Chong Meng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk menyiapkan projek-projek mega yang terbengkalai di Pusat Bandaraya terutamanya Bukit Bintang sebagai contohnya projek Plaza Rakyat di Pudu, Bandar Wawasan di Jalan Sultan Ismail dan Projek Lay Foong di Changkat Tambi Dollah.

Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan Rafique]: Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas persetujuan bagi lanjutan masa untuk menjawab soalan nombor 9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek yang dinyatakan iaitu projek Plaza Rakyat ialah projek penswastan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan teruskan sehingga 11.20 atau lebih, sebab kita mengambil masa dalam Upacara Angkat Sumpah tadi.

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih. Projek penswastan di antara DBKL dengan Plaza Rakyat Sdn. Bhd. sebagai pemaju, manakala yang satu lagi ialah projek Bandar Wawasan, projek Lay Foong yang mana merupakan projek persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan projek Plaza Rakyat mengikut perjanjian di antara DBKL dan pemaju yang dimeterai pada Disember 1992, projek ini berkonsepkan *bill listed* dan *transfer*. Projek ini terbengkalai disebabkan pemaju menghadapi masalah kewangan. Daripada kegawatan ekonomi pada tahun 1997, kerana pelaksanaan projek ini

tidak berjalan sehingga tahun 2002, telah mengklasifikasikan projek ini sebagai terbungkalai.

Memandangkan projek Plaza Rakyat ini melibatkan DBKL yang mana merupakan agensi di bawah kementerian ini. Kementerian melalui jawatankuasa menangani isu-isu projek-projek terbungkalai yang terdiri daripada Unit Perancang Ekonomi, Bank Negara, Perbendaharaan Malaysia, Peguam Negara, DBKL, Jabatan Pemeliharaan Harta dan juru-juru perunding telah mengambil inisiatif untuk memulihkan projek berkaitan, mengadakan beberapa siri rundingan dengan pemaju bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pemaju berkenaan. Oleh sebab pemaju menyedari bahawa konsep *bill listed and transfer* didapati tidak lagi *viable*, pemaju membuat cadangan kepada kementerian supaya konsep ini ditukarkan kepada konsep penjualan secara terus, *direct sale* dengan izin, bagi unit-unit yang dibina kepada pembeli-pembeli. Atas cadangan ini DBKL telah memaklumkan kepada pemaju prasyarat-prasyarat yang perlu dipatuhi oleh pemaju. Sehingga kini pihak kementerian masih belum menerima maklum balas dari pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan projek Bandar Wawasan di Jalan Sultan Ismail yang dimajukan oleh RHB, Daewoo Sdn Bhd dan projek Lay Foong di Jalan Changkat Tambi Dollah yang dimajukan oleh Empayar Legasi Sdn. Bhd. Kedua-dua projek tersebut adalah merupakan projek persendirian. Setelah Kementerian Wilayah Persekutuan menyedari projek berkaitan didapati terbungkalai, telah pun mengatur beberapa siri percubaan dengan pemaju-pemaju yang berkaitan untuk mendapatkan penjelasan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Ini adalah bertujuan untuk kementerian ini atau agensi di bawahnya membantu menyelesaikan masalah mereka yang mana ada hubung kait dengan kementerian ini atau agensi di bawahnya. Setakat ini kementerian tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pemaju disebabkan masalah dalaman syarikat pemaju sendiri yang mana merupakan tindakan di luar kawalan kementerian ini atau agensi-agensi di bawahnya, terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah apakah tindakan sewajarnya telah diambil atau akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengelakkan masalah ini berlaku lagi kerana mengikut laporan daripada menteri, projek Plaza Rakyat bukan tidak ada wang. Mereka telah kutip berjuta-juta ringgit dan pembeli premis itu masih berminat dan mereka meminjam wang daripada bank-bank dan sekarang semua pembeli masih membayar murah dan insurans kepada bank-bank berkenaan. Jadi kita nampak di Bukit Bintang banyak pelancong dari negara-negara asing nampak projek terbungkalai jadi satu *eyesore*, sakit mata. Lagipun sepanjang Jalan Pudu sesak. Jadi kalau pihak DBKL sebagai hak milik tanah projek rakyat boleh atau tidak kita ambil tindakan dan mengambil alih projek ini dan memajukan serta menyiapkan projek ini dengan syarikat lain. Saya difahamkan syarikat ini...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah itu Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bahagian pertama pertanyaan tadi, adalah pada pandangan saya di luar bidang tugas Yang Berhormat. Bahagian keduanya bolehkah DBKL ambil alih dan itu mungkin jadi tumpuan kepada jawapan Yang Berhormat.

Dato' Zulhasnan Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mengulas sedikit sebanyak kepada soalan yang pertama tadi sebelum saya pergi ke soalan yang kedua.

Soalan pertama tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita telah... 38 projek-projek yang terbungkalai di seluruh Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan. Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi telah menemui semua sekali pemaju. Pada masa itu saya jadi Timbalan Pengerusi dan sekarang saya jadi Pengerusi dan juga kita telah menyelesaikan majoriti projek-projek itu. Projek-projek majoritinya ialah projek persendirian, bermakna di luar kawalan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Di antara projek yang di bawah kawalan Kementerian Wilayah Persekutuan ini ialah Plaza Rakyat. Plaza Rakyat ini tadi, saya sebutkan telah ditukarkan konsepnya kepada *outright sale*, dan konsep ini kita dapati boleh memajukan projek ini tetapi syarat-

syarat yang dikeluarkan oleh kementerian perlu dipatuhi dan dipersetujui oleh pemaju dan insya-Allah pada masa yang akan datang kita mengharapkan ini dapat diteruskan. Daripada segi pelancong-pelancong dan juga pembeli-pembeli, kita ada 212 pembeli-pembeli Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini oleh sebab projek ini tidak dapat diteruskan mereka akan di *compensate* kan dengan izin, di masa yang akan datang, tetapi apa yang penting ini ialah kementerian melalui jawatankuasa yang saya sebutkan tadi sedang memajukan projek ini dengan secepat mungkin. Terima kasih.

[Soalan No. 10 – Y.B Datin Naomi Chong Set Mui tidak hadir]

11. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Pertahanan menyatakan, setakat manakah keberkesanan program-program latihan peralihan yang telah dijalankan sehingga kini dapat menyediakan anggota-anggota tentera yang bakal bersara dari perkhidmatan ATM di dalam aspek jati diri dan sosioekonomi bagi menghadapi cabaran setelah bersara.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator, berdasarkan kepada perintah Majlis Angkatan Tentera Bil. 6 tahun 2000, kita telah menubuhkan satu badan yang dipanggil PERHEBAT dan PERHEBAT telah menjalankan satu pendekatan latihan kepada anggota-anggota bekas tentera ataupun bakal menjadi bekas tentera. Latihan-latihan ini mendapat sambutan yang baik dan dalam masa yang sama, kita juga menggalakkan anggota tentera kita kalau tidak ada kepakaran, minat, jati diri, mereka sepatutnya meneruskan khidmat dalam angkatan tentera kerana peraturan seorang anggota tentera mestilah menghabiskan masa dalam perjawatan di antara 18 dan lebih daripada 20 tahun untuk mendapatkan bayaran pencen.

Sekiranya mereka tidak mendapat ini, menjadi kesusahan kepada mereka untuk mendapat pekerjaan di luar. Sebab itu, mana-mana anggota yang ingin berhenti ataupun akan tamat, kita menggalakkan mereka mengambil latihan-latihan ini. PERHEBAT telah diberi tugas untuk mengendalikan kursus-kursus yang kita anggap boleh memberi peluang kepada mereka dan banyak kursus yang telah diberi. Cuma, yang timbul masalah, mereka mengambil kursus sebelum berhenti, tetapi apabila sesudah berhenti, mereka membuat pekerjaan lain. Maka, agak susah bagi kita untuk mempertemukan latihan dengan pekerjaan di luar daripada masa berkhidmat dalam angkatan tentera.

Yang Berhormat Senator sebagai Yang di-Pertua bekas angkatan tentera, boleh meminta anggota tentera ini supaya benar-benar mencari jodoh dan kahwin, jadi panjang. Jangan mencari jodoh, kahwin sekejap. Kemudian, hendak minta kahwin lain. Menjadi susah kepada kita untuk menyalurkan kemudahan separuh kepakaran ataupun kursus kepakaran. Ini yang menjadikan anggota tentera bertanya, apakah kerajaan lakukan. Jadi, kerajaan juga bertanya kenapa pilihan begitu. Kita suruh pencen, tidak mahu pencen, hendak bekerja. Kita bagi latihan bekerja, pilih kursus lain, minta pekerjaan lain. Ini juga menjadi sebahagian daripada lambakan pemegang-pemegang lesen kelas 'F' di dalam pasaran pekerjaan, lesen kelas 'F' di dalam negara kita.

Saya berharap supaya bahawa dengan adanya gerakan, usaha yang dibuat oleh PERHEBAT dan kerjasama daripada Persatuan Bekas Angkatan Tentera, boleh mengurangkan beban dan menambahkan anggota tentera mahir dan boleh membuat pekerjaan yang baik. Terima kasih.

12. Tuan Lee Chee Keong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, sebab-sebab wanita asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia payah sekali diberi status pemastautin tetap di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, pemberian taraf penduduk tetap

atau *permanent resident* kepada seseorang pemohon dari warga asing merupakan satu penganugerahan atau pengurniaan kerajaan dan bukanlah satu hak yang boleh dituntut. Oleh yang demikian, dalam pemberian taraf penduduk tetap, kerajaan sangat berhati-hati, supaya ia hanya dikurniakan kepada mereka yang betul-betul layak. Mengikut peraturan imigresen, *Prohibition of Entry Order 1963* dengan izin, Jadual, para tiga, empat dan lima yang berkuat kuasa selepas hari Malaysia, salah satu daripada syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang pemohon untuk mendapat status penduduk tetap adalah seperti berikut:

- (i) isteri yang sah kepada warganegara Malaysia yang telah tinggal bersama suaminya di negara ini secara berterusan selama lima tahun atau lebih atas pas lawatan jangka panjang; dan
- (ii) sosial, kerja sementara atau pas pengajian.

Selepas tinggal selama lima tahun berterusan, barulah seseorang warga asing seperti yang saya sebutkan tadi layak untuk memohon permit masuk dan seterusnya mendapat taraf atau status penduduk tetap. Permohonan untuk mendapat permit masuk boleh dibuat dengan mengisi borang IM 4 (Pindaan) 1/93 yang boleh didapati di Jabatan Imigresen Malaysia. Permohonan permit masuk dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

- (i) *within category*; dan
- (ii) *not within category*, dengan izin.

Permohonan yang termasuk dalam kategori pertama adalah terdiri dari isteri yang berkahwin dengan warganegara Malaysia dan yang kedua anak kepada warganegara yang memohon di bawah umur enam tahun. Kuasa menimbang bagi permohonan ini adalah di bawah kuasa Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia. Manakala, permohonan selain daripada yang saya sebutkan tadi iaitu *not within category* dengan izin, kuasa menimbang adalah di bawah kuasa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Permohonan yang di bawah pertimbangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ialah permohonan yang ditolak di peringkat Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi kes-kes ini, rayuan boleh dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam tempoh 30 hari dari surat penolakan selaras dengan seksyen 10, subseksyen 3 Akta Imigresen 1959/63 Akta 155.

Selain daripada kelulusan seperti kategori yang disebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh meluluskan untuk kategori berikut:

- (i) orang yang mempunyai kepakaran dan kelulusan profesional yang dikehendaki oleh negara;
- (ii) orang yang mempunyai sijil yang dikeluarkan oleh Menteri mengesahkan kemasukannya memberi faedah ekonomi kepada negara;
- (iii) mana-mana orang atas dasar belas kasihan.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jadi saksi memang benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi sebab isteri saya mengambil masa lapan tahun... [*Ketawa*] Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Soalan tambahan saya. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa yang masuk ini adalah isteri-isteri asing yang terdiri, setahu sayalah, terdiri daripada dua golongan iaitu yang berstatus profesional bak kata wakil kementerian kita.

Yang kedua, golongan wanita asing yang berstatus suri rumah tangga. Pada saya, kedua-dua golongan ini memberi sumbangan kepada negara kita. Sekurang-kurangnya, kumpulan suri rumah tangga ini dapat membantu kita menuju ke hala....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan bahas. Tanya.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih... *[Ketawa]* Jadi soalan saya, adakah beza dari segi pertimbangan bagi kedua-dua golongan ini. Adakah *different authority* macam itu? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya ada perbezaan untuk dua kumpulan ini. Kumpulan isteri kepada warganegara mengambil masa seperti mana yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Untuk golongan profesional, kita telah menubuhkan Unit Penggajian Pekerja Asing di Jabatan Imigresen dan proses untuk mereka ini mengambil masa yang singkat, dalam tempoh satu bulan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid. Soalan terakhir.

13. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Menteri Pengangkutan menyatakan, mengapakah sesetengah stesen LRT di bawah tanah tidak dijaga dengan baik, keadaan lampu tidak terang, bau hancing dan paparan iklan kurang menarik seperti stesen LRT KLCC yang menyebabkan pelancong sering merungut. Apakah Syarikat Prasarana Negara tidak mampu menguruskannya dengan baik. Kenapa tidak diswastakan sahaja stesen-stesen LRT di bawah tanah ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya teruskan tadi, sebab saya tahu ada pihak yang mahu dimudahkan, ada pihak yang mahu disusahkan.... *[Ketawa]* Banyak wanita umumnya kata jangan senang-senang bagi.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, syarikat pengendali aset LRT iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) telah mengambil langkah mempertingkatkan kemudahan di stesen-stesen LRT bawah tanah seperti menambah kemudahan tandas serta memastikan kebersihan tandas sentiasa dipantau dan dijaga. Seharusnya, syarikat tersebut juga turut merancang untuk mengubahsuai kesemua stesen bawah tanah termasuk membaiki panel siling stesen, mengecat dan menambah pencahayaan lampu yang akan bermula pada jangka waktu terdekat.

Berhubung dengan bau hancing di stesen KLCC yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, pihak syarikat sentiasa memastikan kebersihan stesen dijaga demi keselesaan pengguna. Bau hancing tersebut berkemungkinan datang daripada laluan jalan kaki dari stesen ke Suria KLCC dan Jalan Ampang di mana kawasan tersebut adalah di bawah tanggungjawab pengurusan Suria KLCC.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan supaya stesen-stesen LRT diswastakan. Kerajaan belum lagi boleh mempertimbangkannya. Ini disebabkan aset dan operasi LRT telah diletakkan di bawah tanggungjawab syarikat hak milik kerajaan iaitu SPNB sebagai pengendali aset LRT, Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. ataupun Rapid KL.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi belum lagi boleh dipertimbangkan? Cukuplah Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.28 pagi

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua,

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik daripada Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Usul disetujui.

USUL

**UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH
ALLAHYARHAM TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA,
BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

11.29 pagi

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu usul mengikut Peraturan Mesyuarat 26(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini,

merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri pada 23 April 2006;

Negara telah kehilangan seorang Negarawan dan pejuang yang tidak dapat dihitungkan jasanya kepada masyarakat dan tokoh seperti Allahyarham sukar dicari ganti. Allahyarham memperlihatkan kematangan dan

sentiasa menyampaikan suara keseimbangan terutamanya dalam perkara-perkara yang sensitif yang menyentuh agama, kaum, budaya dan bangsa. Allahyarham adalah pemimpin yang sentiasa komited untuk berkhidmat pada rakyat dan negara tanpa mengira penat, lelah, agama, bangsa dan status sosial. Semoga Allah S.W.T sentiasa mencururi rahmat ke atas rohnyanya dan meletakkannya bersama-sama dengan orang yang beriman; dan

Menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya”.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pada 23 April, 2006 negara diselubungi berita hiba bahawa Tun Abdul Ghafar bin Baba telah kembali ke Rahmatullah pada jam 7.35 pagi di Pusat Perubatan Gleneagles Kuala Lumpur. Padamlah satu srikandi negara yang sepanjang hayatnya menyalakan cahaya untuk menerangi kehidupan bangsanya.

Allahyarham lahir dalam keluarga miskin tapi kemiskinan tidak menghalangnya mencipta kejayaan malah kemiskinan itu menjadi sumber kekuatan yang menjadikan Allahyarham kaya dengan pengalaman dan kukuh dengan keazaman hingga sampai ke peringkat yang diiktiraf sebagai seorang negarawan. Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba seorang tokoh negara dan tokoh bangsanya..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mohon izin sebentar sebab saya terpaksa turun dari kerusi sebentar lagi dan saya susah hati saya tidak berpeluang menyatakan satu dua perkara untuk mencelah dan menyampuk ucapan Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi saya, Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Ghafar Baba merupakan demokrat saya. Sepatutnya pun beliau menjadi seorang Perdana Menteri negara tapi apakan daya, kes politik dan perkembangan perkataan sejarah telah tidak membolehkan beliau menjadi Perdana Menteri negara, dan bagi saya sebagai rakyat Malaysia menghargai segala usaha kerajaan selaku pemerintah membolehkan beliau disemadikan di Makam Pahlawan dan mengadakan usul-usul di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini sebagai tanda kesungguhan kita untuk menebus kembali, walaupun ada apa-apa kesilapan kita dalam kita berkecimpung dalam arus politik negara.

Saya berterima kasih pada Yang Berhormat kerana mengizinkan saya menyampuk ucapan usul Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya percaya kerajaan, rakyat dan keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba menerima baik sumpukan daripada Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setiap tanggungjawab yang diamanahkan dipenuhi dengan penuh komitmen, dilaksanakan secara gigih. Allahyarham adalah anak Melayu dari sebuah perkampungan Melayu tetapi memiliki pemikiran terbuka hingga diterima keikhlasannya sebagai pemimpin oleh setiap warga Malaysia dari pelbagai agama dan kaum.

Di kalangan orang Melayu, Allahyarham dikenali sebagai suara Melayu yang sentiasa menjadi juru bicara. Meluahkan denyut nadi dan denyut hati insan Melayu terutama di kalangan rakyat miskin, dari kalangan petani dan nelayan di desa serta dari kalangan pekerja dan rakyat biasa di bandar.

Allahyarham dikenali sebagai suara yang sentiasa peka menyampaikan pandangan rakyat biasa dan rakyat bawahan. Perdana Menteri kedua Malaysia Allahyarham Tun Abdul Razak pernah mengatakan bahawa suara dan pandangan

Allahyarham merupakan maklum balas mewakili konstitusi Melayu luar bandar serta rakyat golongan bawahan terhadap program-program yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan.

Namun kasih sayang dan perhatian Allahyarham kepada insan Melayu tidak pula menjadikannya seorang yang bersifat ekstrem. Allahyarham antara pemimpin yang menerima realiti akan komposisi warga di negara ini terdiri daripada berbagai agama, kaum, budaya dan bangsa. Allahyarham sentiasa bersuara sederhana, suara perimbangan yang menjadi *stabilizer* memperlihatkan kematangan dan sifat rasional dalam pendiriannya begitu juga ketika menangani isu-isu sensitif menyentuh agama, kaum, budaya dan bahasa.

Untuk itu Allahyarham telah dapat memenuhi tanggungjawab sebagai Setiausaha Barisan Nasional secara berkesan, diterima dan dihormati oleh semua komponen parti dari pelbagai agama dan pelbagai kaum malah ketika MCA menghadapi krisis kepimpinan pada tahun 1985, Allahyarham walaupun bukan keturunan Cina telah diterima untuk memimpin parti tersebut dalam satu tempoh transisi. Allahyarham Tun Ghafar bin Baba dilahirkan pada 18 Februari 1925. Mula aktif dalam politik sejak berusia 15 tahun dengan menyertai Persatuan Melayu Muda Melaka dan kemudiannya menyertai UMNO pada tahun 1951.

Dalam tempoh hayatnya, Allahyarham pernah menjawat jawatan Ketua Menteri Melaka di antara tahun 1959 hingga Ogos 1967 dan merupakan Pengerusi MARA yang pertama pada tahun 1967. Sebagai Pengerusi MARA, Allahyarham tekun berusaha merealisasikan impian Allahyarham Tun Abdul Razak untuk melahirkan kumpulan profesional dan teknokrat Melayu dengan mengasaskan penubuhan Kolej MARA yang kemudiannya menjadi Institut Teknologi MARA dan pada hari ini telah ditingkatkan ke taraf Universiti Teknologi Mara.

Kepekaan Allahyarham terhadap kemiskinan terutama di kalangan rakyat luar bandar membuatkan Allahyarham sentiasa memilih untuk memimpin kementerian berkaitan pembangunan luar bandar antara tahun 1969 hingga tahun 1976 sebelum memilih berundur diri dari menjadi anggota Jemaah Menteri.

Pada 9 Mei 1986, Allahyarham menerima tanggungjawab sebagai Timbalan Perdana Menteri sekali gus memegang portfolio Menteri Pembangunan Luar Bandar sebelum memilih meletakkan jawatan berkuat kuasa pada 16 Oktober 1993. Allahyarham memberikan perkhidmatan kepada negara, bangsa dan parti semasa senang dan semasa susah baik ketika memegang jawatan penting di dalam kerajaan dan parti mahupun ketika menjadi ahli biasa dan tidak memegang sebarang jawatan.

Kesetiaan Allahyarham ialah kepada perjuangan dengan memberi khidmat secara konsisten. Dalam menghulurkan khidmat, Allahyarham sentiasa berpegang kepada falsafah orang semenda "Dijemput, datang. Disuruh pergi, pergi". Ketika tidak lagi memegang jawatan dalam kerajaan, Allahyarham terus menyokong dan taat kepada parti dan kepada kerajaan dan bersedia memberikan pandangan dan nasihat apabila diperlukan.

Itulah sifat Negarawan yang telah dibuktikan oleh Allahyarham yang wajar dijadikan contoh ikutan bagi kita semua. Negara dan bangsa telah kehilangan Negarawan bernama Abdul Ghafar bin Baba yang pernah menjadi anggota Dewan yang mulia ini selama 35 tahun dan terakhir, mewakili kawasan Parlimen Batu Berendam dari tahun 1959 hingga ke tahun 2004.

Jasa dan khidmat baktinya akan terpahat di dalam sejarah negara. Dewan ini merakamkan penghargaan setinggi-tingginya atas jasa, khidmat dan bakti yang telah Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba sumbangkan kepada negara dan bangsa. Semoga segala pengorbanan dan perkhidmatan Allahyarham diterima oleh Allah S.W.T sebagai amal yang diberikan ganjaran, dan semoga juga Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan para solihin, di kalangan orang-orang yang soleh yang banyak berjasa dan beramal.

Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, dengan rasa penuh hiba saya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. Negara dan rakyat amat berterima kasih dan terhutang budi kepada ahli-ahli keluarga Allahyarham kerana pengorbanan mereka.

Mereka relakan Allahyarham memperuntukkan sebahagian besar dari usia dan kehidupan untuk berkhidmat kepada negara dan bangsa. Kita sama-sama berdukacita dan bersimpati atas kesedihan dirasakan oleh ahli-ahli keluarga mengikuti saat-saat akhir hayat Allahyarham dan akhirnya menerima dengan rela takdir Ilahi.

Saya mendoakan semoga keluarga Allahyarham diberikan ketabahan, kesabaran dan ketenangan menghadapi ujian Ilahi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Siapa yang menyokong? Usul perlu disokong dahulu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu terbuka untuk dibahaskan.

Silakan Yang Berhormat Tuan Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi.

11.37 pagi

Tuan Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Negara sekali lagi bersedih kerana kehilangan seorang tokoh negarawan yang terbilang iaitu Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba. Jasa Tun Abdul Ghafar adalah begitu besar beliau adalah seorang tokoh nasionalis yang daripada awal lagi sudah melibatkan dirinya dalam perjuangan untuk menuntut kemerdekaan.

Daripada awal lagi, daripada umur mudanya beliau terlibat di dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM) tetapi Tun Ghafar tidak pernah terpengaruh dengan tokoh-tokoh nasionalis yang ekstrem yang cuba memerdekakan negara dengan cara republik. Beliau berhujah bahawa negara perlulah merdeka dengan caranya sendiri. Negara tidak perlu merdeka melalui penyertaannya di dalam Gagasan Melayu Raya ataupun Indonesia Raya.

Bagi beliau, orang Melayu sendiri boleh memerintah negerinya. Bagi beliau, rakyat Malaysia sendiri boleh memerintah negerinya tanpa menyertai kemerdekaan bersama dengan Indonesia. Beliau adalah seorang tokoh kemerdekaan yang terbilang, beliau juga turut mengisi kemerdekaan yang sudah dicapai, beliau juga pernah menjadi pemimpin ketika Malaysia ingin menjadi sebuah negara yang moden.

Sumbangannya adalah begitu banyak, sumbangannya adalah begitu lama. Tun Ghafar harus dilihat sebagai *role model* kerana beliau lahir daripada *grass root*, kerana beliau adalah seorang pemimpin yang bukan naik kerana wang dengan cara mengampu dan sebagainya. Beliau lahir sebagai seorang pemimpin yang penuh kesederhanaan dan beliau pergi dengan penuh kesederhanaan. Sebagai contoh Tun Ghafar lebih dikenali sebagai Encik Ghafar dan hanyalah setelah beliau bersara beliau mendapat gelaran Tun dan ini membuktikan bahawa beliau adalah seorang pemimpin yang tidak mengejar glamor, tidak mengejar kemasyhuran nama dan sebagainya.

Beliau adalah seorang pemimpin yang *humble*, naik secara *humble* dan turun secara *humble*. Beliau adalah tokoh yang disenangi oleh semua kaum dari segenap lapisan masyarakat. Jasanya ketika memastikan UMNO dibawa ke Sabah telah menjadikan Sabah menjadi sebuah negeri yang benar-benar duduk dalam integrasi nasional yang kukuh sehingga ke hari ini. Ketaatan beliau kepada perjuangan juga tidak boleh dinafikan. Beliau tidak pernah mengambil pendekatan konflik sebagai seorang pemimpin.

Kalaupun beliau tidak berpeluang menjadi Perdana Menteri, tetapi beliau tidak pernah menentanginya dengan penuh konflik, tidak pernah mengajak rakyat untuk turun ke jalan raya melakukan demonstrasi dan sebagainya. Beliau adalah seorang tokoh veteran yang terbilang dan jasanya harus dikenang hingga ke hari ini.

Tun Ghafar adalah tokoh yang komited kepada perjuangan khususnya kepada perjuangan luar bandar dan isu-isu kemiskinan, isu FELDA, isu petani, isu nelayan dan sebagainya. Keutamaannya beliau ialah untuk memajukan kawasan-kawasan luar bandar dan itulah Tun Ghafar. Kepada generasi muda, beliau harus dilihat sebagai tokoh yang perlu diingat hingga ke akhir hayat. Kepada generasi muda perlu diingatkan bahawa Tun Ghafar adalah tokoh yang harus dijadikan sebagai *role model* kerana beliau adalah pemimpin yang bukan sahaja tahu erti untuk mewarisi kepimpinan tetapi juga tahu erti untuk mewarisi perjuangan.

Beliau tidak merebut-rebut kepimpinan dan apabila beliau mendapatkan amanah dan tanggungjawab sebagai pemimpin, beliau juga tahu erti perjuangan iaitu perjuangan untuk mengangkat martabat bangsa. Di atas jasa-jasanya itu, kita merasakan bahawa Tun Ghafar harus dikenang bukan sahaja nama FELDA ditukar kepada nama FELDA Tun Ghafar, bukan sahaja wujud muzium seperti Muzium Tun Ghafar di Melaka, tetapi juga harus diingat dengan cara-cara yang lain kerana sumbangannya yang besar itu.

Saya ingin memetik beberapa kata-kata yang pernah dikatakan oleh Tun Ghafar sebagai seorang tokoh nasionalis Melayu. Tun telah mentafsirkan bahawa setiap yang bersifat kebangsaan dan bersifat nasional berakar kepada Melayu dan kemelayuan. Tun juga pernah mengatakan sebagai tokoh veteran UMNO bahawa UMNO bertanggungjawab menjaga dan memelihara orang Melayu. UMNO memegang amanah masa depan bangsa Melayu. Tun Ghafar telah sama-sama menterjemahkan erti berpakat dan bersatu memahami soal kebebasan soal tanah air, soal kedaulatan, soal maruah dan masa hadapan bangsa. Tun turut memulakan perjuangan secara teratur dan tersusun, menentang penjajah, memerdekakan tanah air, memerintah sendiri, membangunkan bangsa dan memajukan negara. Di Dewan yang mulia ini, kita ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi takziah kepada kaum keluarganya dan anak-anaknya. Mudah-mudahan roh Tun Ghafar sentiasa mendapat kerahmatan dan dicucuri Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid selepas itu Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

11.46 pagi

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam ucapan usul ... takziah atas Allahyarham Tun Ghafar ini kerana Tun Ghafar merupakan bekas Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan dan juga Pengerusi Barisan Nasional Wilayah Persekutuan yang telah banyak berjasa dan telah banyak menyelesaikan masalah UMNO di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kembalinya seorang Negarawan terulung dan pejuang yang sukar dicari ganti. Tun Ghafar telah menghabiskan hampir seluruh sisa hidupnya kepada perjuangan bangsa, agama dan negara. Bukan sekadar pejuang kemerdekaan, tetapi juga pengisi kepada kemerdekaan melalui sumbangannya dalam penubuhan dan mengerakkan agensi-agensi yang membantu orang miskin dan rakyat di kawasan luar bandar.

Beliau tidak pernah kenal erti kekecewaan apatah lagi erti kemewahan. Walaupun menjadi Timbalan Perdana Menteri, perwatakannya tidak akan pernah berubah. Semangat kesetiannya sentiasa ada dalam pada dirinya. Perjuangannya tidak mengira masa dan tenaga. Sentiasa mengutamakan kepentingan parti daripada kepentingan diri sendiri dan keluarga. Sebagai seorang Ketua Bahagian yang hidup di zamannya, saya merasakan bahawa jasa dan pengorbanannya terhadap UMNO khususnya orang-orang Melayu di Wilayah Persekutuan begitu banyak. Tun Ghafar yang saya lebih kenali sebagai Pak Ghafar telah menjadi Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan dan Barisan Nasional Wilayah Persekutuan dari tahun 1981 hingga 1993.

Beliau mengambil alih jawatan ini dari Allahyarham Tun Hussein Onn, saya mula mengenali beliau dalam tahun 1985 apabila menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO

Bahagian Kepong dan lebih rapat lagi apabila saya menjadi Ketua UMNO Bahagian Kepong pada tahun 1989. Sebagai seorang Ketua Pemuda UMNO Bahagian, dari tahun 1985 hingga tahun 1989, dan menjadi ahli EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dari tahun 1988. Saya amat berterima kasih kepadanya kerana beliau yang menempatkan semula saya dalam Jawatankuasa Penaja UMNO Bahagian setelah UMNO diharamkan. Nama saya dan nama Yang Berhormat bagi Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil telah terkeluar dari senarai Jawatankuasa Penaja UMNO Bahagian. Tun Ghafarlah orang yang bertanggungjawab memasukkan semula nama kami dalam Barisan Jawatankuasa Penaja UMNO Bahagian. Pergolakan di bahagian, nama kami sengaja disingkirkan.

Tun Ghafar memberikan nyawa politik baru kepada saya sehingga akhirnya saya dapat hidup sebagai Ketua UMNO Bahagian sehinggakan hari ini. Sukacita saya ingin menceritakan kisah suka duka saya bersama beliau. Saya anggap beliau sebagai bapa saya sendiri. Kalau sekarang kita ada Pak Lah, zaman dahulu kita ada Pak Ghafar. Saya amat terharu, apabila mengenang semula peristiwa pahit manis bersama beliau. Beliau adalah seorang yang amat suka didampingi. Yang paling saya ingati adalah kerana sifat beliau yang sangat sayang kepada pengikutnya. Saya menjadi pengikutnya ketika beliau menjadi ketua saya. Semua jemputan majlis yang saya anjurkan tidak pernah ditolak oleh beliau. Beliau amat berjasa kepada UMNO bahagian saya sendiri.

Apabila beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, saya menjemput beliau untuk merasmikan bangunan UMNO bahagian saya. Beliau tidak pernah menolak. Beliau juga telah turun ke padang berkempen semasa Pilihan Raya Umum 1990 dan melancarkan Kempen Keluarga Bahagia di tempat saya. Apabila saya menjadi Timbalan Presiden Persatuan Pencetak-pencetak Melayu Malaysia, pada tahun 1992, beliau telah menerima pelawaan saya untuk hadir ke Majlis Makan Malam bagi mengenang jasa tokoh-tokoh dalam persatuan kami. Pada satu ketika, apabila dalam tempoh dua hari, saya telah menjemput Tun Ghafar untuk mencuba menaiki pesawat eksekutif baru untuk pemimpin negara. Beliau menerima pelawaan saya dan saya amat terharu sekali. Saya telah dijemput bukan sahaja sekali dua tetapi beratus-ratus kali bersama rombongan beliau tidak kira di luar ataupun di dalam negeri.

Tun Ghafar Baba lahir dari keluarga yang miskin dan menjadi anak yatim ketika umur 11 tahun. Sebab itulah beliau amat sederhana orangnya. Menjadi Ketua Menteri Melaka tahun 1959. Menteri Kabinet paling lama, sembilan tahun dari tahun 1967 sehingga tahun 1976. Menjadi Pengerusi Mara yang pertama pada tahun 1967. Rehat sekejap, lantik semula sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1986 hingga 1993 iaitu selama tujuh tahun. Jumlah khidmat beliau sebagai Menteri selama 16 tahun, menjadikan beliau paling lama sebagai Menteri Kabinet.

Beliau menjadi pendamai dalam krisis kepimpinan dalam MCA. Menjadi Presiden "de facto", MCA dalam tahun 1985 dan berjaya membawa masuk UMNO ke Sabah dalam tahun 1986. Ada juga kisah lucu semasa beliau menjadi Timbalan Presiden UMNO dan Ketua Penaja UMNO Bahagian Seputeh pada tahun 1988 ini. Beliau sebenarnya tidak tahan dengan kerenah pemimpin UMNO peringkat bawahan. Sebagai Ketua Bahagian, beliau terpaksa mendengar rintihan rakyat yang dibawa oleh Jawatankuasa Bahagian sehingga pukul 3.00 pagi. Satu hari mesyuarat UMNO Bahagian Seputeh terpaksa berlangsung sehingga pukul 3.00 pagi semata-mata kerana hendak bincang soal pokok tumbang.

Beliau adalah seorang yang suka mengadakan mesyuarat yang ringkas dan padat. Agenda pertama dalam mesyuarat jawatankuasa ialah ucapan Pengerusi. Selalunya beliau anggap selesai apabila beliau datang berceletoh dengan Jawatankuasa Bahagian, itulah dia ucapan Pengerusi. UMNO Bahagian Seputeh ketika itu mempunyai, kalau tidak salah lapan cawangan. Walaupun lapan cawangan, tetapi berbincang bagai nak rak, macam lapan masalah. Paling lucu, beliau pernah menceritakan kepada saya Mesyuarat Agung bahagian selesai dengan mudah hanya dengan atas bas, iaitu naik bas dari Kuala Lumpur ke Port Dickson kerana ada lapan cawangan, boleh selesai dengan mudah, sampai Port Dickson selesai masalah Mesyuarat Agung Bahagian.

Tetapi apabila sampai ke Ucapan Penangguhan, bas itu tidak boleh berhenti di Port Dickson terpaksa terus ke Melaka kerana banyak perwakilan ingin bercakap mengenai masalah-masalah di tempat mereka. Sebab itu beliau mengambil keputusan tidak mahu bertanding dalam pemilihan Ketua UMNO Bahagian tahun 1989, amat membosankan beliau. Yang penting bagi beliau adalah Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri. Banyak masalah parti dan negara yang harus difikirkan oleh beliau daripada masalah remeh-temeh UMNO bahagian. Yang kedua, beliau terpaksa menumpukan jawatannya di Melaka sebagai Ahli Parlimen Jasin.

Satu perkara tentang prinsip yang betul dan konsisten yang dipegang oleh beliau ialah setia kepada pemimpin. Beliau tidak pernah menentang ketua hatta Perdana Menteri atau Presiden Parti. Kita, kalau tidak bersetuju dengan Tun Hussein Onn, beliau mengambil keputusan untuk mengundur diri secara terhormat, tetapi masih membantu Tun Hussein Onn dalam masalah parti sebagai Naib Presiden. Semasa UMNO diharamkan, beliau seorang sahaja yang tidak pernah lari daripada Tun Dr. Mahathir. Tengku Razali dan Dato' Musa Hitam terang-terang menentang Tun Dr. Mahathir. Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn sendiri tidak pernah menyebelahi Tun Dr. Mahathir hatta Pak Lah sendiri bersama Tengku Razali dan Musa Hitam menentang Dr. Mahathir. Akan tetapi Tun Ghafar sentiasa bersama-sama Tun Dr. Mahathir dari awal hingga ke akhir untuk menyelamatkan UMNO. Sejarah telah menunjukkan betapa setianya Tun Ghafar kepada Parti dan pemimpin.

Namun demikian, oleh kerana pemilihan UMNO pada tahun 1993, merasakan Tun Dr. Mahathir sendiri tidak lagi mempertahankan beliau sebagai orang nombor dua dalam Parti, beliau telah berundur secara sukarela menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Parti menunjukkan langkahnya bukanlah sebagai seorang yang kecewa, Tun Ghafar berundur demi menjaga kestabilan dan perpaduan parti. Itulah yang lebih penting dari segala-galanya. Dalam hidupnya, sifat kesederhanaan adalah sifat semula jadi dan sehati pada dirinya.

Yang pertamanya apabila beliau menjadi Ketua Menteri Melaka, beliau tidak pernah minta Kerajaan Negeri membina kediaman baru dan besar untuk beliau, sesuai sebagai Ketua Menteri, beliau masih tinggal di rumahnya yang kecil di Peringggit yang sekarang ini menjadi Muzium Tun Ghafar.

Yang kedua, semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau tidak pernah berpindah ke kediaman rasmi ataupun rumah kuarters kerajaan yang disediakan, tetapi masih tinggal di rumahnya di Taman Bukit Pantai Bangsar.

Yang ketiga, beliau tidak mahu menerima apa-apa anugerah kebesaran ketika memegang jawatan dalam kerajaan sehinggalah apabila beliau bersara dalam politik dan atas desakan kawan-kawan, bagi menghormati Tun Dr. Mahathir, beliau akhirnya menerima pelawaan untuk Anugerah Tertinggi Negara membawa gelaran Tun.

Yang keempat, semasa berkempen dalam pilihan raya di Kelantan pada tahun 1990, sebagai Timbalan Perdana Menteri beliau meminta supaya kereta polis dan pengiring motosikalnya tidak digunakan kerana ianya boleh mengganggu ketenteraman orang ramai di Kelantan.

Satu lagi kisah kesederhanaan beliau, semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri dan sebelum itu pun beliau lebih suka memandu keretanya sendiri. Satu hari keretanya rosak di Jalan Tun Razak. Beliau terpaksa membonceng motosikal yang ditahannya untuk meminta dihantar pulang kediamannya di Bukit Pantai sehingga penunggang motosikal itu tidak menyedari orang yang menumpang beliau itu adalah Ghafar Baba. Penunggang motosikal itu hanya menyedari keesokan harinya apabila bertanya dengan rakan sekerja bahawa orang yang ditumpangi itu adalah Ghafar Baba.

Akhir sekali, oleh sebab pengorbanannya begitu banyak kepada bangsa, negara, parti UMNO dan juga Barisan Nasional, sebagai tokoh besar yang pernah memimpin negara pemergiannya amatlah kita rasai. Bak kata pepatah, "Harimau mati meninggalkan belangnya, manusia mati meninggalkan namanya". Jika di Dewan Rakyat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mencadangkan nama kawasan FELDA di Jasin diabadikan dengan nama Tun Ghafar Baba, saya juga ingin mencadangkan di sini di

Dewan Negara ini supaya nama Tun Ghafar Baba perlu diabadikan di beberapa tempat di ibu kota kita. Yang pertamanya Jalan Lingkaran Tengah satu yang disebut MRR1 telah diberi nama Jalan Tun Razak.

Saya ingin cadangkan supaya jalan MRR2 iaitu Jalan Lingkaran Tengah Dua yang penuh dengan kontroversi, dengan kerosakan tiang-tiang jejambatnya harus diberi dan ditukar nama kepada Jalan Tun Ghafar. Semoga dengan nama ini jejambat ini selalu disebut dengan Jalan Tun Ghafar dan jejambat ini tidak akan lagi menimbulkan kontroversi. Selain daripada nama jalan, nama beliau juga harus diabadikan kepada sebuah bangunan. Sebagai contoh beliau telah menghabiskan banyak masa sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar. Oleh itu ada lebih baiknya bangunan Kementerian Kemajuan Luar Bandar di Putrajaya ditukar menjadi Bangunan Tun Ghafar Baba.

Tun Ghafar juga telah banyak berjasa ke arah pendidikan terutama di Maktab Perguruan Sultan Idris dan juga Institut Teknologi Mara. Nama beliau juga harus diabadikan pada sebuah universiti di negara kita dengan nama Universiti Tun Ghafar. Begitu juga dengan kediaman beliau di Taman Bukit Pantai di Bangsar, saya juga ingin cadangkan kalau boleh, pihak bandar raya tukarkanlah nama dengan Taman Tun Ghafar. Semoga dengan namanya yang diabadikan di beberapa tempat, maka orang akan sentiasa mengingati jasa dan pengorbanan beliau yang begitu banyak untuk negara, agama dan bangsa. Perjuangan yang murni semoga Allah S.W.T. sentiasa mencucuri rahmat ke atas rohnyanya, ditempatkan bersama-sama dengan orang yang beriman, Amin.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini memohon menyokong usul ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

12.03 tgh.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pemergian Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba, seorang Negerawan merupakan satu kehilangan besar kepada rakyat dan negara. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada seluruh anggota keluarganya. Allahyarham adalah pemimpin berjiwa rakyat yang komited, prihatin dan selalu mengambil kira pandangan rakyat biasa. Dari seorang miskin biasa, Allahyarham telah menjadi seorang tokoh negara yang luar biasa. Seorang pemimpin yang tidak lupa akar umbinya. Walaupun dari keluarga yang miskin, Allahyarham tidak membenarkan kemiskinan itu dijadikan satu alasan kegagalan. Kemiskinan juga tidak menjadi satu penghalang untuk berjuang untuk rakyat, berjuang untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, latar belakang dan kemiskinan yang dialami oleh beliau tiada kasut, tiada pen, tiada makanan semasa kecil dan semasa bersekolah, kemiskinan itu bukan sahaja tidak melemahkan semangat untuk berjaya tetapi kemiskinan itu telah mendorongkan semangat Allahyarham untuk bekerja kuat, bertungkus-lumus, kemiskinan itu juga menghasilkan keperibadian beliau yang begitu keprihatinan dan juga semangat kesederhanaan, sikap rendah diri, walaupun menjadi seorang Timbalan Perdana Menteri. Allahyarham yang memberi sumbangan dan jasa kepada semua rakyat tanpa mengira kaum dan telah menghasilkan kehormatan yang tinggi daripada semua lapisan rakyat Malaysia.

Kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membawa usul di Dewan Rakyat dan hari ini membawa usul di Dewan yang mulia ini telah berkata, "Allahyarham adalah pemimpin yang sentiasa komited untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara tanpa mengira penat lelah, agama, bangsa dan status sosial".

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Ghafar bin Baba adalah sahabat seperjuangan MCA dalam pembelaan nasib rakyat. Dalam pembangunan negara, beliau juga memainkan peranan penting dalam pencapaian kedamaian semasa krisis MCA 20 tahun lalu, ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau.

Beliau juga bukan sahaja menolong dan memastikan kedamaian MCA. Allahyarham juga *instrumental*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *instrumental* dalam permulaan perbincangan Kerajaan Malaysia dengan Parti Komunis Malaya. Ini telah membawa kepada peringkat tandatangan perjanjian damai kelak. Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bapa, beliau walaupun sibuk dengan tugas dan perjuangan untuk rakyat, beliau tidak lupa menyemak pelajaran anak-anaknya semasa mereka di bangku sekolah. Allahyarham juga menunjukkan minatnya dalam penguasaan bahasa selain daripada bahasa Malaysia, beliau juga dapat bertutur dan bercakap dalam bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Jepun dan juga menjadi cikgu bahasa Jepun dan bahasa Korea.

Multilingual satu pendekatan dalam era globalisasi tetapi bagi Allahyarham, *multilingual* itu adalah satu kebiasaan. Nilai-nilai murni Allahyarham, prinsip-prinsip yang dipegang oleh beliau, Allahyarham Tun Ghafar Baba telah menjadi teladan kepada semua generasi, kepada generasi sekarang dan juga menjadi teladan kepada generasi yang akan datang. Allahyarham telah menjadi teladan kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

12.09 tgh.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan rasa amat terharu dan teramat sedih bagi pihak semua rakyat dan ahli-ahli UMNO di Sabah, izinkanlah saya merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Yang Amat Berbahagia Allahyarham Tun Ghafar Baba, yang telah kembali ke Rahmatullah pada 23 hari bulan April tahun 2006. Pemergian Allahyarham ke Rahmatullah adalah satu kehilangan besar kepada negara dan amat dirasai oleh rakyat Malaysia di Sabah terutamanya ahli-ahli UMNO.

Jasa Yang Amat Berbahagia Tun Ghafar Baba, pemimpin yang bertanggungjawab membawa UMNO ke Sabah ketika Sabah berhadapan dengan kemelut politik tidak akan dapat dilupakan oleh parti dan rakyat dan akibat kemasukan UMNO ke Sabah, ianya telah memberi nafas dan wajah baru kepada erti perjuangan dan merealisasikan nikmat pembangunan yang mampu menterjemahkan harapan rakyat untuk meningkatkan kualiti hidup sebagai rakyat Malaysia di Sabah dan berjaya memperkukuhkan integrasi antara rakyat Sabah dan Semenanjung dan seterusnya membawa Sabah ke arus perdana.

Allahyarham yang berjiwa rakyat mempunyai sifat lemah-lembut, mudah didekati, tidak segan mengakui yang beliau datang dari kalangan orang yang susah dan akibat latar belakang yang susah inilah, yang telah membakar semangat beliau untuk berjuang dan membela orang-orang Melayu khasnya dan rakyat Malaysia amnya. Allahyarham bukan sahaja terlibat semasa menuntut kemerdekaan tetapi terus berjuang dengan gigih untuk mengisikan erti kemerdekaan untuk rakyat dan negara yang tercinta. Sifat beliau yang tegas, yang ikhlas dan bertanggungjawab telah menambat hati ahli-ahli parti UMNO sehingga Allahyarham dilantik menjadi Timbalan Presiden Parti dan seterusnya Timbalan Perdana Menteri. Yang Amat Berbahagia Tun bukan sahaja berjaya memimpin parti dan negara dalam kapasiti yang pernah dipegang oleh Allahyarham akan tetapi Allahyarham juga berjaya menambat hati Pengerusi Barisan Nasional pada ketika itu.

Sifat ikhlas, terbuka, lemah-lembut, tegas telah mendorong Pengerusi Barisan Nasional melantik beliau sebagai Setiausaha Agong Barisan Nasional. Penglibatan Allahyarham dalam Barisan Nasional telah menghasilkan satu kepercayaan yang amat mendalam sehingga beliau telah dilantik sebagai Presiden MCA semasa MCA berhadapan dengan krisis kepimpinan parti yang serius. Untuk seorang anak Melayu mendapat kepercayaan dan penghormatan dari satu parti kaum Cina sehingga mereka sanggup melantik beliau menjadi presiden selama lapan bulan pastinya dapat mencerminkan keperibadian yang unik, yang ada pada Allahyarham dan sewajarnya dipuji, dirakam, dikenang dan juga dicontohi.

Ketaatan beliau kepada parti UMNO secara konsisten sama ada semasa memegang jawatan ataupun tidak, dikagumi dan disegani ramai. Pimpinan Allahyarham sebagai Pengerusi MARA pada tahun 1967 dan FELDA sentiasa akan memberi manfaat dan nikmat kepada rakyat dan akan dikenang sepanjang zaman. Saya teringat kepada satu peristiwa semasa berhadapan dengan pilihan raya umum negeri dan ketika itu saya menjadi calon dalam Pilihan Raya N37 Lumadan.

Yang Amat Berbahagia Tun pada ketika itu Timbalan Perdana Menteri dan daripada pagi sampai ke petang, *hopping* dari satu bahagian ke satu bahagian menaiki helikopter membantu berkempen semasa pilihan raya tersebut, terukir keletihan dari raut muka beliau, tetapi dengan tabah dan dengan bahasa yang rendah, beliau menangani kerenah pengundi-pengundi dan saya tidak dapat melupakan kegembiraan penduduk Kampung Gadong Lumadan yang mempunyai penduduk Islam yang terbanyak tetapi tidak mempunyai masjid.

Apabila Allahyarham Tun meluluskan pembinaan sebuah masjid di Kampung Gadong, terpancar kegembiraan di setiap muka yang hadir. Mudah-mudahan Allah membalas budi Allahyarham setimpal dengan kebaikan yang Allahyarham telah lakukan semasa hayatnya. Memang terlalu banyak sumbangan Allahyarham yang tidak boleh kita perincikan satu persatu dalam ungkapan ataupun ucapan ringkas rakaman takziah ini. Yang tidak boleh kita nafikan ialah bahawasanya pemergian Allahyarham Tun Ghafar Baba amat dirasai oleh rakyat di semua peringkat yang berbilang kaum dan berbilang agama di negara kita.

Sememangnya kita kehilangan seorang bapa, seorang rakan, seorang pemimpin, seorang tokoh dan seorang Negarawan yang sukar dicari ganti. Seorang pemimpin yang tidak mementingkan darjat, pangkat ataupun kedudukan, sejarah kehidupan dan perjuangan Allahyarham wajar dicontohi dan diteladani oleh kita semua dan generasi muda di negara kita.

Berpadananlah Allahyarham dihiasi seperti pepatah, "Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Sesuai diungkapkan dengan pantun:

*Pisang emas bawa belayar,
Masak sebiji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati*

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.*

Saya mengambil kesempatan ini, sekali lagi untuk merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham dan mendoakan agar keluarga Allahyarham dapat kekuatan berhadapan dengan kesedihan dan dugaan Allah. Marilah kita semua mendoakan agar roh Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Ghafar Baba, diletakkan di kalangan orang-orang yang soleh dan sentiasa dirahmati dan dilindungi Allah S.W.T. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah Abdul Samad, dan selepas itu Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Bagi Yang Berhormat lain-lain yang bercadang untuk membahaskan usul. Yang Berhormat dipersilakan.

12.16 tgh.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Allahyarham Tun Ghafar Baba, adalah bekas ketua bahagian saya di Seputeh. Saya rasa sifat-sifat beliau telah diterangkan oleh Yang Berhormat Dato' Ridhuan. Beliau bukanlah seorang pemimpin yang ekstrem, tetapi beliau adalah seorang pemimpin yang senantiasa

mempraktikkan tidak lupa pada daratan, tidak lokek dengan nasihat-nasihat. Senantiasa menasihatkan kami supaya menentukan perpaduan. Senantiasa menekankan perpaduan itu amat penting dan senantiasa memberi semangat untuk kami menyayangi dan mempertahankan parti yang dicintai. Dengan dukacitanya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham supaya banyak-banyak bersabar dengan dugaan Allah S.W.T, kerana Allah S.W.T lebih menyayangi beliau dan saya juga mendoakan agar Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas Allahyarham dan ditempatkan di tempat-tempat orang yang soleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya ingin menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk melafazkan ucapan takziah yang tidak terhingga itu kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, bukannya senang untuk seseorang itu mendapat gelaran Negarawan. Sekarang, di negara kita satu negara yang berbilang bangsa, berbilang kaum, berbilang agama dan sebagainya. Adalah lebih sukar bagi seseorang pemimpin itu menjadi Negarawan.

Bagi saya, adalah senang bagi seorang menjadi pemimpin politik. Pemimpin politik itu kita ada ramai. Tetapi diberi gelaran Negarawan itu bagi saya memerlukan ciri-ciri yang tersendiri, yang ditunjuk oleh seorang pemimpin. Tadi kita telah mendengar jasa baik Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba itu dan apabila kita menilaikan semua, saya bersetuju gelaran yang kita berikan itu amat sesuai, amat tepat dan kita memerlukan lebih Negarawan di negara kita untuk membawa negara kita ke satu tahap yang boleh menghadapi semua cabaran globalisasi itu.

Tuan Yang di-Pertua, setahu kita, Tun Abdul Ghafar bin Baba itu lebih suka dikenali sebagai Encik Abdul Ghafar bin Baba. Sepanjang hayat Allahyarham itu, maka beliau tidak mahu apa gelaran. Hanya Encik Abdul Ghafar bin Baba.

Ini adalah satu teladan yang sangat mustahak, yang ditunjuk oleh Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba itu. Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar latar belakang Allahyarham dan kita tahu bahawa beliau datang dari keluarga miskin. Semasa beliau masih di bangku sekolah, beliau telah tahu kesusahannya untuk mencari pendidikan dan beliau pun tahu bahawa sekolah-sekolah yang lebih baik dari segi pendidikan itu berada di bandar. Satu masalah ialah bagaimana penduduk-penduduk dan budak sekolah dari luar bandar itu dapat sampai ke bandar. Kerana masa itu tidak ada bas sekolah seperti yang sudah ada pada ketika ini. Apabila Allahyarham Tun Abdul Ghafar menjadi Ketua Menteri di Melaka, beliau telah memperkenalkan skim pinjaman basikal untuk membolehkan budak-budak sekolah itu supaya senang sampai ke sekolah untuk mendapat pendidikan.

Ini adalah satu petunjuk yang menunjukkan bahawa seseorang itu tidak kehilangan latar belakangnya sendiri dan bagaimana ia telah mencapai satu jawatan yang tinggi, menggunakan itu untuk kebaikan rakyat. Kita juga mendengar bagaimana Allahyarham Tun Abdul Ghafar itu membantu dalam menyelesaikan masalah di kalangan MCA itu. Ada baiknya masalah itu tidak dihadapi di parti Gerakan. Kalau ada, kita pun mungkin memerlukan bantuan daripada Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba itu. Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar panjang lebar apa sumbangan yang baik kepada negara dan bagi saya, yang penting sekali ialah sebagai seorang Negarawan, beliau telah menunjukkan bagaimana tolak ansur, bagaimana perundingan dan bagaimana hormat-menghormati adalah sikap yang paling baik dalam membawa negara kita ke satu tahap yang lebih tinggi.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba itu, kerana kehilangan seorang Negarawan negara. Saya berharap, negara akan selalu mengingati jasa baik dan sumbangan beliau itu. Kita telah mendengar bahawa Kolej Sains MARA telah ditukarkan nama kepada Kolej Sains Tun Abdul Ghafar, tetapi kita pun telah mendengar bahawa ada

baiknya kalau ada aspek-aspek yang lebih penting itu juga diberi perhatian oleh kerajaan supaya diingati jasa baik Allahyarham Tun itu dan dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

12.25 tgh.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan dan juga sama-sama menyokong usul takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Ghafar bin Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri yang telah kembali ke Rahmatullah pada 23 April 2006 yang lalu. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan Parti Islam se-Malaysia seluruhnya, ingin merakamkan perasaan dukacita dan setinggi-tinggi takziah kepada keluarga Allahyarham dan mendoakan semoga pemergian Allahyarham ke Rahmatullah mendapat rahmat daripada Allah dan keampunan daripada Allah. Semoga rohnya ditempatkan bersama golongan orang-orang yang soleh.

Tuan Yang di-Pertua, kematian adalah satu nasihat yang besar bagi kita semua. Ia wajib dilalui bagi setiap insan dan kematian adalah penghubung antara kehidupan dunia dan akhirat. Setiap makhluk yang bernyawa akan merasai mati. Apabila sampai waktu ajal, tidak boleh ditangguhkan walaupun sesaat. Kematian akan datang sama ada kita berada dalam keadaan sihat atau sakit. Muda ataupun tua, kaya ataupun miskin. Rakyat ataupun pemimpin. Tiada siapa yang boleh lari daripada kematian dan di akhirat semua manusia akan dihitung dan diadili. Segala amalan baik dan amalan jahat yang dilakukan di dunia semuanya akan dibalas oleh Allah S.W.T.

Orang yang berjaya ialah orang yang berjaya untuk dirinya untuk mencari keredaan Allah, sebagaimana Sabda Rasulullah SAW, maksud satu hadis, "*Sepintar-pintar manusia, orang yang paling cerdik di dunia ini ialah orang yang paling banyak mengingati mati dan orang yang membuat persiapan untuk menghadapi mati*". Kematian mengingatkan kita bahawa kehidupan dunia ini adalah sementara. Oleh itu, setiap manusia, hendaklah kita menghargai umur yang Allah berikan kepada kita. Hendaklah kita gunakan sebaik mungkin untuk amal yang baik dan hendaklah kita jauhi segala maksiat dan dosa.

Sebagaimana Sabda Nabi, maksudnya, "*Apabila mati anak Adam, terputuslah segala amalan, kecuali tiga perkara, iaitu yang pertama, sedekah jariah, yang kedua, ilmu yang bermanfaat dan yang ketiga anak yang soleh yang sentiasa mendoakan kedua ibu-bapa*". Oleh itu, marilah sama-sama kita mengambil iktibar daripada kematian ini dan kita hendaklah mengambil peluang lima perkara, sebelum datang lima perkara iaitu, masa muda sebelum tua, masa sihat sebelum sakit, masa kaya sebelum miskin, masa lapang sebelum sibuk, masa hidup sebelum mati.

Tuan Yang di-Pertua, pemergian Allahyarham Tun Abdul Ghafar merupakan satu kehilangan besar kepada rakyat dan negara. Terlalu banyak jasa yang ditaburkan untuk rakyat dan negara seluruhnya. Allahyarham Tun adalah seorang yang gigih berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara dan juga untuk mengisi kemerdekaan. Allahyarham Tun melalui tiga zaman, zaman sebelum merdeka, zaman selepas merdeka, zaman kemuncak kemerdekaan. Walaupun beliau pernah menjawat jawatan orang nombor dua dalam negara sebagai Timbalan Perdana Menteri, namun beliau mengakhiri rakyatnya sebagai rakyat biasa yang penuh dengan kehidupan yang sederhana. Sisa-sisa waktu beliau digunakan untuk merenung dan mencongak masa depan politik bangsanya. Walaupun dalam keadaan uzur, di akhir usia beliau, beliau masih lagi setia untuk memikirkan cara yang terbaik untuk menyelamatkan bangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Ghafar pernah meluahkan rasa tidak senangnya terhadap perkembangan parti UMNO di akhir-akhir hayat beliau, di mana Allahyarham melahirkan rasa kecewa kerana UMNO seolah-olah tidak lagi memberi tumpuan kepada perjuangan membela Melayu yang menjadi agenda utama perjuangan sejak dahulu. Isu politik wang yang melanda UMNO sungguh membimbangkannya sampai Allahyarham Tun

Ghafar pernah menyatakan, kalau tidak dibatasi gejala politik wang yang ini, mungkin UMNO akan dikuasai oleh orang-orang yang banyak wang dan UMNO boleh dilelong.

Perkara ini seharusnya diberi perhatian oleh semua pendukung UMNO walaupun saya daripada parti pembangkang tetapi saya menghargai jasa-jasa beliau terhadap bangsa dan negara. Saya kira ini adalah satu peringatan yang serius oleh Tun Ghafar untuk semua ahli dan pemimpin UMNO seluruhnya.

Sejauh mana seluruh ahli dan pemimpin UMNO hari ini mengambil berat terhadap harapan terakhir beliau dan bertindak dalam menyelamatkan bangsa. Prihatin dan kepedulian Allahyarham Tun Ghafar mengenai politik wang begitu serius sehingga beliau menyerahkan petisyen lima perkara kepada Presiden UMNO, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang bertarikh 10 Mei 2005 yang mendesak supaya politik wang haruslah dibanteras habis-habisan sebelum terlambat. UMNO hendaklah memulihkan demokrasi dalam pemilihan pucuk pimpinan dengan menghapuskan sekatan yang ada terhadap seseorang yang hendak bertanding dalam apa jua jawatan, dan hendaklah mewujudkan satu *blueprint* untuk menentukan penyertaan sekurang-kurangnya 30% ekuiti orang Melayu dalam ekonomi negara menjelang 2020, dan bagaimana beliau menyarankan dan mengingatkan supaya usaha memartabatkan sekolah kebangsaan hendaklah diutamakan supaya sekolah kebangsaan menjadi sekolah pilihan utama bagi semua kaum, bukan sahaja untuk bangsa Melayu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tanda kasih kita kepada pemimpin yang meletakkan agenda bangsa, agenda negara yang paling utama daripada kepentingan diri yang harus kita semua mengambil iktibar dan pengajaran. Seharusnya kita meneliti dan mengambil tindakan sewajarnya di atas semua saranan Allahyarham untuk masa depan bangsa dan negara. Jadi saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar dan kita menyanjung tinggi di atas sumbangan dan jasa yang tidak ada tepi kepada bangsa dan negara.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya bagi peluang kepada Ahli Dewan Negara yang baru dipilih bagi Dewan Undangan Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dato' Wan Ahmad Farid, silakan.

12.32 tgh.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak UMNO dan Kerajaan Negeri Terengganu, saya pun merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Yang Berbahagia Tun Ghafar Baba.

Sementara sahabat saya memperingatkan kita bahawa Allahyarham pernah memberikan ulasan tentang politik wang di dalam UMNO dan kesedihan Allahyarham terhadap politik wang. Ingin saya mengatakan bahawa sememangnya UMNO begitu prihatin terhadap politik wang dan pelbagai usaha telah dibuat untuk mengatasi masalah itu. Sementara Allahyarham mengatakan bahawa politik wang itu merupakan satu masalah penting yang kemungkinan mengancam orang-orang Melayu tetapi untuk tujuan rekod, tidak pernah pada bila-bila masa Allahyarham mencadangkan PAS sebagai alternatif kepada UMNO dalam keadaan yang sedemikian.

Saya juga pohon mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, agar sebutan *Hansard* berhubung dengan usul ini dapat dipetik dan diberikan salinannya kepada keluarga Allahyarham sebagai penghargaan Dewan yang mulia ini terhadap jasa-jasa Allahyarham. Saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

12.34 tgh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mewakili Dewan ini membahaskan dan berucap menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar bin Baba. Kepada Ahli-ahli Dewan yang lain yang saya nampak berminat untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Ucapan Takziah Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba ini, saya mohon maaf kerana tidak mendapat kesempatan untuk mereka mengambil bahagian, tetapi saya percaya bahawa mereka juga akan memberikan kata-kata yang sama seperti mana yang telah pun dilafazkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum mereka.

Jadi saya harap supaya Yang Berhormat tidak merasa kecewa kerana kita ambil kira juga apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat sebelum ini sebagai juga kata-kata yang akan dilafazkan oleh mereka, yang tidak berkesempatan untuk mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah dalam perbahasan sebentar tadi kita dengar berbagai-bagai cerita berkenaan dengan jasa beliau dan ada juga di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menceritakan tentang peristiwa-peristiwa lucu, anekdot yang saya percaya ramai di kalangan kita juga mempunyai cerita-cerita yang memberikan kenangan yang manis tentang hubungan kita secara peribadi dengan Allahyarham Tun Abdul Ghafar. Jadi saya ucapkan jugalah terima kasih kepada mereka kerana apa yang dibangkit itu bukan sahaja menampakkan tentang secara umum jasa yang telah diberikan oleh Allahyarham Tun Abdul Ghafar, tetapi juga menceritakan berkenaan dengan pengalaman-pengalaman peribadi yang telah dilalui dan saya percaya sebagaimana saya telah sebut sebentar tadi ia juga merupakan banyak cerita yang dialami oleh kita waktu kita bersama dengan Allahyarham Tun Abdul Ghafar.

Di antara perbahasan sebentar tadi ada juga cadangan yang baik daripada Yang Berhormat walaupun Senator yang baru sahaja dilantik, tetapi nampaknya pemikiran dia sama juga dengan saya, iaitu saya sememangnya bercadang untuk setelah perbahasan ini dibukukan di dalam *Hansard* secara di *print*, dengan izin, dengan elok, saya juga bercadang untuk menghantar *Hansard* ini bukan sahaja apa yang telah berlaku di dalam Dewan Negara tetapi juga di Dewan Rakyat. Insya-Allah seperti mana yang Yang Berhormat cadangkan itu selaku Menteri yang bertanggungjawab ke atas Parlimen, insya-Allah akan saya sampaikan kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar.

Begitulah juga dalam perbahasan seperti biasa tidak ada perkara yang menghairankan. Kalau pembangkang berucap, nadanya sama sahajalah, tidak tahu hendak membezakan waktu kita membuat Usul Ucapan Takziah kepada keluarga yang telah meninggal dunia. Kepada mereka, seperti biasa menangguk di air keroh. Apa yang dikata tidak ikhlas, mengambil kesempatan untuk menyindir terhadap kerajaan yang ada pada hari ini, parti yang memerintah, walhal saya percaya kalau ini dilakukan oleh Ketua Pembangkang di dalam Dewan Rakyat, saya cukup fahamlah. Kemungkinan dia tidak faham tentang cara orang-orang Islam andainya kita berpolitik sepanjang masa, tetapi ada ketikanya kita mesti mengetepikan perbezaan pendapat kita dan memberikan takziah seikhlasnya kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar.

Di Dewan ini, yang berucap ini, saya tengok terutamanya mewakili parti Islam, keduanya perempuan pula itu tidak menampakkan sebenarnya keperibadian seorang wanita dan seorang Islam tetapi tidak mengapalah, saya faham iaitu sememangnya dalam perkara seperti ini, ini perkara yang mereka lakukan, sudah menjadi kebiasaan, tidak dapat hendak membezakan acara, waktu kita bersedih ataupun waktu kita gembira. Jadi sebab itu saya harap supaya dalam apa hal sekalipun, waktu kita mengusulkan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Abdul Ghafar yang telah pun meninggalkan kita buat selamalamanya....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya kira adalah elok supaya segala takziah yang kita berikan itu biarlah ikhlas dan tidak menanggung di air keroh, mengambil kesempatan untuk menyindir dalam suasana, acara yang cukup sedih bagi saya dalam kita menyampaikan Usul Takziah.

Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan kita sama-samalah memanjatkan doa ke hadrat Allah S.W.T. Semoga Allah mencururi rahmat ke atas rohnyanya dan ditempatkan di kalangan para solihin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memang tidak bercadang hendak beri laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Habis. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

USUL

MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

12.40 tgh.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Usul saya adalah seperti berikut;

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.”

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah kerana dengan izin Allah S.W.T sekali lagi kita dapat berkumpul dalam Dewan yang mulia ini untuk melaksanakan satu amanah dan tanggungjawab. Marilah kita memanjatkan syukur kerana masih diberikan kekuatan dan hidayah oleh Allah S.W.T untuk kita meneruskan perjuangan dengan penuh rasa insaf dan bertanggungjawab untuk kepentingan rakyat dan negara.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail kerana telah memperkenankan untuk menyambung perkhidmatan saya sebagai Ahli Dewan Negara bagi penggal kedua. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, bekas Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Seri

Tengku Adnan bin Tengku Mansor dan kepada Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan yang baru, Dato' Zulhasnan Rafique yang telah menyokong pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana kita tahu pada hari semalam beliau telah mengumumkan bahawa akan menubuhkan Institut Kerjasama Pelbagai Hala Antarabangsa Memerangi Keganasan Siber atau IMPAC yang pertama di dunia. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kesinambungan Perdana Menteri daripada Tun Mahathir kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan tahniah juga kepada Malaysia kerana akan mengadakan Kongres Sedunia Mengenai Teknologi Maklumat Tahun 2008 di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara, kita sekarang berada dalam kerangka Rancangan Malaysia Kesembilan, lima tahun pembangunan negara iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 31 Mac 2006 di Dewan Rakyat. Rancangan Pelan Pembangunan terperinci tersebut adalah lanjutan kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan.

Walaupun sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan terdapat sedikit sebanyak kekurangan dan kelemahan, tetapi kita yakin bahawa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan yang berada dalam fasa 15 tahun kedua untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 akan beroleh kejayaan, dan menepati sasaran khususnya dalam usaha kerajaan meningkatkan tahap kualiti kehidupan rakyat, menjadikan Malaysia sebuah negara progresif yang bertunjangkan sains dan teknologi tentang matlamat pembasmian, kemiskinan segar yang mana pada tahun 2004 berada pada kadar 5.7%.

Sesungguhnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dengan format yang baru, yang telah diberi penekanan serius oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan meletakkan lima teras, iaitu meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi, meningkatkan tahap kualiti hidup pengagihan dengan pertumbuhan dan penekanan kepada mekanisme pelaksanaan yang kukuh perlu digerakkan oleh semua peringkat termasuk di sektor awam dan swasta.

Kita juga percaya dan yakin bahawa penubuhan sekretariat Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) yang turut dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan memantapkan lagi usaha pihak kerajaan untuk mengukuhkan aspek penyelarasan dan pemantauan bagi mengelak berulangnya beban dan masalah besar terhadap sesuatu projek terutamanya berkaitan beberapa buah kementerian tertentu.

Saya juga ingin mencadangkan pada kerajaan supaya badan ini juga ditubuhkan di peringkat kementerian untuk projek-projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerana saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita tidak memantau projek-projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan begitu teliti, saya khuatir banyak projek seperti Rancangan Malaysia Kelapan, yang terjadi di Rancangan Malaysia Kelapan akan terjadi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Justeru itu kita berharap penubuhan BBPN akan turut memberi fokus ataupun perhatian menyelaraskan pelaksanaan projek-projek yang mempunyai impak besar bagi menjana pertumbuhan ekonomi mapan, di samping memastikan matlamat Program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan tercapai atau sekurang-kurangnya menepati matlamat sasaran awal.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan bahawa kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan seperti yang bersungguh-sungguh diberi perhatian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi akan bergantung kepada usaha gigih semua pihak. Dan kita mestilah meletakkan kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua tadi Yang Berhormat telah pun membentangkan iaitu satu pembentangan yang baik, iaitu tentang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kalau kita lihat daripada Rancangan Malaysia Kelapan ada kelemahan-kelemahan yang berlaku, jadi apakah pandangan Yang Berhormat, yang mustahak sekarang bukanlah kewangan. Melihat peruntukan yang begitu besar sekali dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi kita takut hari ini adalah pelaksanaan dia, apa pandangan Yang Berhormat pelaksanaan ini banyak ditumpukan adalah kepada kakitangan kerajaan. Kerana hari ini kita lihat banyak yang telah diperkatakan dalam surat khabar hari ini bahawa ahli-ahli politik, Ahli-ahli Parlimen tidak boleh lagi mencampuri urusan pentadbiran. Jadi bagaimanakah hari ini kalau orang sebagai Ahli Parlimen kita juga iaitu Misi Nasional. Misi Nasional semua orang kena bertanggungjawab.

Kalaulah kita juga tidak boleh memberi sesuatu pandangan kepada pegawai kerajaan, jadi bagaimanakah pelaksanaannya akan berlaku? Sudah tentulah kelemahan-kelemahan tidak boleh diperbaiki. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa ahli-ahli politik, Ahli Parlimen mahupun Ahli Dewan Negara kita harus bekerjasama dengan pegawai-pegawai kerajaan. Saya melihat bahawa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini cukup penting kerana kita tahu bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan beberapa projek yang telah pun diluluskan, seperti Yang Berhormat kata tadi, bukan kita tidak ada wang, wang pun telah diberi, peruntukan telah pun diberi tetapi pelaksanaannya tidak dapat dijalankan. Saya hendak bagi contoh kepada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat bangkitkan tentang bagaimana projek-projek ini dapat dijalankan tanpa ada apa-apa penyebab gagal untuk dijalankan.

Sebuah masjid telah diperuntukkan di kawasan Parlimen saya pada Rancangan Malaysia Kelapan dan telah diluluskan dalam Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada tahun 2004, masjid itu akan dibangunkan. Malangnya Yang Berhormat, sebanyak peruntukan RM8 juta diperuntukkan sehinggalah masuk ke Rancangan Malaysia Kesembilan projek itu tidak dilaksanakan. Di mana silap dia? Peruntukan telah diberi maka kita harus lihat daripada segi pelaksanaan.

Pelaksanaan daripada siapa? Daripada kakitangan kerajaan. Ini tanggungjawab tuan-tuan yang bekerja dengan kerajaan mendapat bayaran setiap bulan. Ini amanah, tanggungjawab kerajaan telah memberi peruntukan tetapi peruntukan yang diberikan gagal dijalankan kerana pelaksanaan yang patut dipikul oleh kakitangan tersebut tidak berjalan. Inilah yang kita harap supaya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.....

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang Berhormat. Terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat tentang pembinaan sebuah masjid. Baru-baru ini saya telah pun mengutarakan pandangan saya dalam Majlis Tindakan Negeri. Saya percaya kakitangan kerajaan ini terlalu ikut buku hendak buat sesuatu perkara itu terlalu ikut peraturan dalam buku. Perkara ini boleh diselesaikan dengan mudah kerana kalau hendak tunggu mengikut buku peruntukan RM8 juta, 10 tahun pun masjid ini tidak boleh dibina. Kita bekerja kena ikut fikiran terbuka bukan ikut buku. Ini kepentingan orang ramai, jadi saya telah mencadangkan kalau pemaju tidak boleh bayar RM30 juta kepada pejabat tanah bayaran premiumnya, masalah ini harus diletak tepi, masalah kedua.

Masalahnya bina masjid dahulu. Masalah hutang pemaju dengan pejabat tanah itu masalah antara dia dengan kerajaan, pemaju boleh dikenakan saman oleh kerajaan. Tetapi kepentingan orang ramai, orang kerajaan harus berfikiran terbuka jangan berlaku ikut buku. Mulai pada tahun ini duit banyak Rancangan Malaysia Kesembilan bina segera masjid di Taman Miharja ini. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Ini satu lagi Yang Berhormat terima kasih saya hendak bagi tahu. Seperti Yang

Berhormat maklumkan pegawai kerajaan terlalu ikut buku, saya bersetuju. Kerana di sebelah tapak masjid tersebut ada tanah untuk buat sekolah. Sekolah sudah siap empat tahun, kenapa sekolah boleh buat? Kerana para pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran melihatkan bahawa tanah tersebut walaupun ada masalah antara pemaju dengan bayaran premium tetapi sekolah tersebut dibina. Jadi saya melihat kalau sekolah boleh dibina kenapa tidak masjid?

Jadi saya harap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tolong ambil perhatian dan gunakanlah peruntukan tersebut. Saya tidak mahu Yang Berhormat, kalau kita ada peruntukan tersebut disalahgunakan, diambil, diberi kepada projek lain. Itu saya khuatir saya harap ini tidak terjadi.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bangun.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua mohon laluan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mohon sedikit penjelasan. Kalau saya tidak salah Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, sekarang sedang mencadangkan bahawa ucapan pada titah ucapan dibahaskan tetapi adakah boleh dalam ucapan yang seumpama ini masalah Rancangan Malaysia Kesembilan digabungkan bersama-sama? Kerana saya rasakan tidak salah ada yang keempat, iaitu mencadangkan usul yang ada hubungannya dengan Rancangan Malaysia Kesembilan. Pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada disentuh berkenaan dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya boleh membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbahas menyentuh berkenaan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan ini dalam Titah Ucapan Diraja, walaupun kita ada usul khusus untuk pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan di dalam Dewan Negara ini.

Dan saya minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang khusus disebut dalam Ucapan Titah Diraja. Dan kalau ada perkara-perkara yang lebih khusus berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kesembilan, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengambil bahagian semasa RMK-9 ini dibentangkan dalam Dewan Negara nanti. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bagi penjelasan sedikit kepada Yang Berhormat bahawa dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beliau ada menyentuh tentang perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Dan saya telah pun mendapat kebenaran daripada Setiausaha Dewan ketika menyiapkan teks ucapan saya.

Masa lima tahun Tuan Yang di-Pertua dalam pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah satu tempoh yang agak kritikal kerana itu ianya perlu digerakkan secara bersungguh-sungguh dan telus oleh semua pihak termasuk penjawat awam seperti apa yang kita cakap tadi. Kerana pelaksanaan kepada rancangan tersebut adalah satu perancangan rapi dan tersusun yang dilakukan oleh kerajaan untuk masa depan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, kita juga amat berharap bahawa dasar perdagangan ideal yang diperkenalkan oleh kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasih, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selain berusaha mencegah dan memerangi perdagangan secara tidak adil, pemberian kontrak yang tidak telus dan penuh muslihat, kerena birokrasi dan amalan rasuah. Dasar tersebut juga perlu dimestikan memberi manfaat kepada seluruh anggota masyarakat terutamanya dari segi mutu perkhidmatan yang berkualiti.

Dalam hal ini kita percaya kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan usaha memerangi gejala rasuah dalam semua bidang termasuk di sektor awam dan kerajaan yang turut menjadi rukun kepada pelaksanaan konsep Islam Hadhari

akan mendapat sokongan padu daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Dewan Negara yang berada dalam Dewan yang mulia ini.

Usaha memerangi gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan membendung salah laku dalam semua aspek kehidupan sememangnya menjadi tuntutan bagi menjana pembangunan insan yang bermoral, beretika, sempurna ke arah pembinaan sebuah bangsa yang bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa amat bangga dengan usaha gigih kerajaan dan agensi-agensi yang terbabit dalam usaha mengimbangi perkembangan ekologi dengan pembangunan fizikal negara dan kehidupan sejagat. Ini amat penting kerana kualiti alam sekitar yang tidak terkawal akan mendatangkan kemudaratan kepada manusia dan musibah kepada negara.

Dengan peruntukan RM1.9 bilion menerusi Bajet 2006 kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk melaksanakan pembangunan, pemuliharaan alam sekitar, kita berharap pembangunan dapat diselarakan dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kita amat berharap masalah ataupun isu seperti pencemaran alam sekitar, masalah perparitan, loji pembetungan, pembuangan dan pengurusan sisa pepejal dan tebatan sungai dapat dilaksanakan sebagai satu agenda pembangunan mapan seperti yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bukan lagi bahan retorik yang berterusan mencengkam keselesaan, kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil perhatian pada hari ini bahawa kita lihat sejak akhir-akhir ini berlaku sindrom melaga-lagakan pemimpin negara secara arus. Melalui media massa ataupun media elektronik yang pada hemat saya merugikan rakyat dan negara. Minta maaf bukan niat saya untuk mempertikaikan kebebasan akhbar. Betul Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara Demokrasi Berparlimen. Semua orang boleh beri pandangan dan kritikan membina.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa telah pun cukup. Kita tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Betul Malaysia sebuah negara Demokrasi Berparlimen. Semua rakyat boleh beri pandangan dan kritikan yang membina tetapi pada hemat saya, rasanya kurang elok dan kurang manis isu tersebut dimainkan oleh pihak media secara terbuka dalam surat khabar. Apatah lagi yang melibatkan bekas Perdana Menteri kita, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan kerajaan.

Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, apabila akhbar melaga-lagakan pimpinan negara ini secara halus, timbul rasa resah, gelisah di kalangan rakyat. Kerana ini melibatkan kepercayaan terhadap kepimpinan negara, maruah bangsa Melayu dan martabat negara. Singapura ketawa. Tun Dr. Mahathir tidak rugi apa-apa, masa beliau sudah berlalu. Sewajarnya beliau menjadi tempat rujukan, bukannya rakan bertikam lidah di khalayak ramai tetapi rakan dialog yang dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita ditegur, dikritik, kita jangan cepat melatah. Saya melihat akhbar hari ini, akhbar-akhbar nasional memainkan isu ini, hari ini dia pergi jumpa

Tun, minta Tun bagi komen. Tun bagi komen, esok keluar surat khabar. Dalam akhbar kita ada pengarang, kita ada ketua pengarang. Kadang-kadang jawapan yang diberi boleh ditapis oleh pengarang-pengarang tersebut. Saya hairan Tuan Yang di-Pertua, ayat-ayat yang dikeluarkan seperti ayat-ayat yang mahu jawapan daripada pihak-pihak tertentu seolah-olah melaga-lagakan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Yang Berhormat, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat. Wajar ataupun tidak bekas Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan akan perkataan "*half-past-six government*", selain daripada kita menyalahkan pihak media. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih. Itulah tadi Tuan Yang di-Pertua, saya baru cakap, dalam akhbar ada pengarang, ada ketua pengarang. Jadi apabila sesuatu kenyataan dibuat, kita kena tengok implikasinya sekiranya kita menyiarkan kenyataan tersebut. Serupa juga macam sahabat saya kata tadi, kenyataan yang dikeluarkan oleh Tun Mahathir, begitu juga kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Mohamed Nazri. Ketika itu soalan diajukan kepada beliau, dalam Utusan Malaysia, dalam akhbar lain saya tak nampak. Dalam Utusan Malaysia mengeluarkan kenyataan daripada Dato' Nazri mengatakan seolah-olah "kalau Dr. Mahathir jawab, saya akan jawab, kita tengok siapa letih". Apa makna, manfaat ini mereka nak siarkan? Sepatutnya akhbar tidak perlu menyiarkan apa yang Tun kata macam *half-past-six nation*, begitu juga sekiranya Dato' Nazri kata, saya tak tahu Dato' Nazri kata tak kata, kadang-kadang akhbar ini dia ambil dia masukkan sahaja. Perkara-perkara inilah pengarang ataupun ketua pengarang harus melihat implikasi sekiranya ayat-ayat tersebut dikeluarkan.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada akhbar, apa jua kenyataan dikeluarkan, yang akan dikeluarkan, kita tengok, kita halusi sebelum kita siarkan kepada rakyat Malaysia. Saya menerima banyak SMS, banyak panggilan telefon, di manakah budi bahasa? Di mana hormatnya kita kepada orang yang lebih tua daripada kita? Orang yang telah berjasa. 22 tahun Tun Mahathir mengepalai sebagai Perdana Menteri Malaysia, adakah ini balasan kita? Apabila "Habis madu, sepah dibuang".

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin bangun di belakang.

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil di atas kenyataan Yang Berhormat yang mengatakan akhbar melaga-lagakan pemimpin kita. Kita amat sedih dan terharu di atas kenyataan-kenyataan yang dibuat itu, dia boleh menjejaskan, menjejaskan kepimpinan negara. Dan juga kalau kita lihat dalam masyarakat kita, ia mempunyai dua golongan masyarakat. Satu ialah golongan masyarakat yang melihat kalau ada dua orang bergaduh, kita akan cari jalan bagaimana untuk menyelesaikan dan membaikkan mereka semula. Satu lagi masyarakat ialah melihat orang berbaik-baik, dia mencari jalan bagaimana nak memecahbelahkan mereka. Jadi marilah kita jadi masyarakat yang pertama. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, itulah yang saya katakan tadi, saya tak tergamak Tuan Yang di-Pertua. Tun Dr. Mahathir bekas pemimpin Negarawan kita, tadi kita ada usul untuk Tun Ghafar bagaimana rakan-rakan saya melafazkan apa yang telah Tun Ghafar sebagai Timbalan Perdana Menteri semasa hayat beliau dan sebagainya. Saya rasa kalau kita nak gambarkan Tun Dr. Mahathir 22 tahun, saya ingat bagi 10 hari pun tak habis kita nak menceritakan. Sebab itulah akhbar-akhbar harus bertanggungjawab dalam isu-isu yang nak mengeluarkan, apa pandangan daripada pemimpin-pemimpin kita?

Tuan Yang di-Pertua, kita nak kritik, kita nak beri pandangan, dibolehkan tetapi akhbar-akhbar harus lebih bertanggungjawab. Janganlah asal kata orang cabar, kena keluarkan ...

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira. Tentang isu tanggungjawab akhbar dan juga media, adakah pada pendapat Yang

Berhormat Datuk Wira Syed Ali sudah sampai masa di Malaysia untuk kita mengadakan satu majlis akhbar *Press Council*? Yang mana industri itu sendiri mengawasi sikap, kelakuan dan juga perbuatan akhbar itu sendiri kerana kalau kerajaan ambil tindakan, mungkin itu disalahkatakan, itu sudah sekat kebebasan akhbar tapi kalau media sendiri mengambil tindakan terhadap mereka, mungkin itu pandangan lain. Jadi adakah ketidakadaan satu majlis seumpama itu telah menimbulkan keadaan-keadaan tidak bertanggungjawab seperti yang Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat, mesti ada satu badan ataupun Majlis untuk mengawasi akhbar-akhbar ini. Untuk saya, sebagai akhbar nasional negara kita, mereka harus bertanggungjawab untuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan daripada pemimpin-pemimpin kita, seolah-olah hari ini kita lihat isu ini terus. Saya ingat dah habis, tetapi ada Tuan Yang di-Pertua hari ini dalam akhbar *New Straits Times*, kalau tuan-tuan tengok, karikatur Nabi Muhammad, kita marah, kita semua marah. Hari ini dia buat Dato' Seri Nazri dengan Tun Mahathir. Tun Mahathir duduk dalam kereta *tank*, bawa kereta *tank* nak tembak Dato' Seri Nazri. Apakah matlamat dan agenda media massa ini? Apa dia? Tengok ni....

Saya kadang-kadang naik takut, kenapa perkara ini sampai begini? Pemimpin-pemimpin Singapura kalau kita tengok yang dah habis menjadi Menteri Kanan itu dihormati. Kita dah sampai seperti saya kata, "Habis madu sepah dibuang". Kenapa kita agung-agungkan pemimpin kita ketika ada jawatan? Apabila tidak ada jawatan, kita terus tidak menghormati pemimpin kita. Ini bukan cara kita orang Malaysia. Saya harap pihak media ini, Tuan Yang di-Pertua, Tun Mahathir naik kereta *tank* nak tembak Dato' Nazri.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, mohon laluan. Minta Yang Berhormat betul ayat sikit, bukan "kita", pihak media. Bila sebut "kita" tu, macam kita semua pula ini. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, ya lah saya dok cakap pasal pihak media inilah.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan sedikit.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tahu, adakah dalam isu pembatalan jambatan bengkok itu, dalam pengetahuan Yang Berhormat, adakah dirujuk kepada Tun Mahathir yang idea itu asalnya daripada dia sebelum perkara itu dibatalkan. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih. Saya berpandangan, kita mempunyai kerajaan, kita ada Perdana Menteri, Tun Mahathir dah bersara sebagai bekas Perdana Menteri. Sekarang sebagai rakyat Malaysia, rakyat biasa, macam kita juga tetapi kita tak perlulah Tun Mahathir dah tak ada jawatan, kita tak perlulah untuk membuat keratan lukisan seperti ini, kenyataan-kenyataan yang tidak baik.

Untuk saya, isu jambatan ini kerajaan sudah putus. Kita sebagai ahli-ahli kerajaan kita akur dengan Perdana Menteri kita. Dia kata, *after* dia tengok semua dan sebagainya dia ambil keputusan kita membatalkan isu jambatan. Kita terima. Kita rakyat Malaysia terima. Kalau Tun tidak bersetuju sebagai bekas Perdana Menteri dia hendak mengeluarkan kenyataan, saya cadangkan wakil-wakil kerajaan jumpa Tun apa yang dia tidak puas hati. Hari ini Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kalau keputusan kerajaan, kita akur. Kalau Tun tidak bersetuju, dia menyuarakan ketidakpuasan hati, maka tempat yang lebih baik kita bermusyawarah dengan Tun. Pegawai-pegawai atau menteri-menteri yang tertentu dilantik untuk berbincang dengan Tun apa yang Tun tidak puas hati. Sudah semestinya kerajaan mempunyai asas kenapa jambatan bengkok tidak jadi dibuat di Tambak Johor.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini cukup penting kerana kita tidak mahu melihat akhbar-akhbar kita mengambil kesempatan sebab pemimpin-pemimpin kita kena hormat Tuan Yang di-Pertua. Yang telah berjasa banyak bertahun-tahun. Dahulu Tuan Yang di-Pertua masa Tun balik daripada luar negara ramai pergi sambut. Cium

tangan Tun, hormat. Bila Tun tidak ada? Saya khawatir nanti Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Sekarang orang jumpa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pergi sambut. Satu hari nanti jadi macam Tun. Kita tidak mahu macam itu. Budaya kita bukan diajar begitu Tuan Yang di-Pertua. Harus kita beri penghormatan yang tinggi kepada mereka.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik walaupun saya baru sampai tentang media. Kita lihat boleh jadi media di Malaysia ini cuba melaga-lagakan pemimpin yang ada di Malaysia ini. Jadi ada satu agenda tersendiri media massa ini. Dan saya rasa kerajaan tidak boleh lagi mengawasi media massa. Di mana media massa ini sudah bebas boleh buat sewenang-wenangnya, boleh buat apa sahaja dalam Malaysia ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ke situlah saya bercakap tadi mengenai dengan kawalan terhadap akhbar-akhbar. Tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng pun sudah mencadangkan supaya satu majlis untuk mengawasi akhbar-akhbar ini dan sebagainya. Itu perlu dilihat oleh kerajaan kerana kita tidak mahu isu ini dimainkan, disemarakkan sehingga menjadi satu isu yang rakyat tidak menghormati lagi pemimpin-pemimpin kita.

Sebab itu saya kata sekiranya kita melihat isu ini perlu diperbetulkan sepatutnya kerajaan ambil tindakan jumpa dengan Tun Mahathir apa dia tidak puas hati. Dia sudah buat semua. Sekarang Pak Lah sedang menyambung tugas-tugas beliau. Sepatutnya beri sokongan. Kalau dia tidak puas hari kita dengar apa yang dia tidak puas hati tapi jangan mainkan isu ini hingga mengeruhkan keadaan dan suasana negara kita. Banyak orang bercakap. Seperti saya katakan tadi orang SMS kepada saya Tuan Yang di-Pertua. Jadi akhbar hari ini pergi minta Tun komen. Lepas Tun komen cari pula.

Saya hendak puji Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, tidak ada satu komen keluar mengenai apa yang Tun keluarkan. Sepatutnya kita ikut macam itulah. Kita hormat tidak apalah. Dia adalah bekas Perdana Menteri. Dia hendak cakap biar pergilah dia cakap. Kerajaan hari ini kita buat keputusan kita buat keputusanlah. Memanglah kalau sesuatu keputusan hendak buat mana ada semua orang akan sokong, akan berbelah bahagi tetapi kita dengan kerajaan kita akan akur keputusan kerajaan.

Jadi saya harap media-media massa lebih berhati-hati dan sensitif dengan isu ini. Saya takut kita akan rugi satu hari nanti kerana dengan perbalahan ini. Rakyat tengok tafsiran yang berbeza-beza di bawah. Macam mana isu ini boleh jadi macam ini. Kalau pihak akhbar tidak berhati-hati dan kita memperlekehkan pemimpin dan bekas pemimpin kita satu hari nanti mereka akan hilang rasa hormat. Jadi saya harap akhbar, kita minta mana-mana akhbar supaya perlu menjadikan berita perbezaan pendapat sesama kita jangan jadi berita isu utama. Dimasukkan di ruangan utama lepas itu minta orang komen dan sebagainya kerana yang rugi pemimpin kita juga.

Dato' Omar bin Faudzar: Tuan Yang di-Pertua minta laluan. Minta laluan. Saya hendak tanya sedikit kepada Yang Berhormat. Mungkin media bertanyakan kepada Tun mengenai isu-isu ini sebab isu-isu ini adalah isu lama yang telah diluluskan pada ketika itu dan saya sendiri pun dapat surat. Saya rasa mungkin Yang Berhormat sendiri pun mendapat surat daripada bekas Perdana Menteri yang Tun sendiri hantar, mengatakan bahawa sudah ada perbincangan mengenai jambatan yang hendak dibuat itu dan telah pun dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Jadi berkemungkinan besar bila kerajaan sekarang membatalkan apa yang telah dipersetujui dahulu jadi surat khabar, saya bukan hendak memihak kepada surat khabar mungkin hendak pergi balik kepada isu lama. Ini kerja yang..., dahulu sudah lulus sekarang tak diluluskan. Jadi dia hendak tahu balik apa yang sebenarnya berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kerja surat khabar. Kalau dia tengok satu-satu isu itu dia boleh ambil untuk dibesarkan dia akan buatlah. Isu jambatan seperti yang kita sedia maklum

memang zaman Tun Dr. Mahathir kita sudah bersetuju. Mula jambatan lurus kemudian *scenic bridge* akhirnya dibatalkan.

Kita kena terima hakikat bahawa apa jua keputusan yang kerajaan kita buat hari ini mesti ada sebabnya. Sebagai penyokong kepada kerajaan kita akur kepada pemimpin yang ada sekarang. Tun Dr. Mahathir mempunyai alasan-alasan beliau. Sebab itu saya kata, pihak kerajaan boleh berjumpa dengan Tun. Apa yang Tun tidak puas hati. Kerajaan mempunyai alasan-alasan dan sebab munasabah kenapa dibatalkan isu jambatan. Tidak perlulah kita ke media massa untuk mencerca antara satu sama lain. Tidak pasal-pasal kita nanti perlekehkan bekas kepimpinan kita. Pak Lah sebagai Perdana Menteri tersepit di tengah-tengah. Saya lebih...

Dato' Omar bin Faudzar: Minta laluan sedikit lagi. Yang saya hendak bertanya Yang Berhormat kerajaan yang ada sekarang, bila membatalkan sesuatu siapa yang harus pergi kepada media dan siapa yang harus pergi kepada bekas Perdana Menteri untuk menceritakan apa yang telah dirancang dahulu tidak dapat diteruskan.

Yang mana satu yang harus dibuat dahulu, sama ada dia harus pergi jumpa dengan bekas Perdana Menteri dahulu mengatakan bahawa apa yang telah dirancang dahulu tidak boleh dijalankan disebabkan oleh perkara-perkara tertentu sebelum dihebahkan kepada perkara media. Bila sudah dihebahkan kepada media maka sudah tentulah media ada satu lagi cara yang terbaik.

Jadi ini adalah satu keputusan yang telah dibuat. Kerajaan sekarang memutuskan bahawa keputusan yang dibuat dahulu tidak boleh diteruskan. Bila tidak boleh diteruskan sekurang-kurangnya kalau kita kata kita menghormati, jadi kita maklum jugalah kepada bekas Perdana Menteri yang telah membuat keputusan sebelum kita ke media. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa isu ini adalah satu isu nasional. Memang besar isu ini berkenaan dengan jambatan. Dah lama rundingan demi rundingan hendak buat tidak buat. *Straight bridge*, bengkok dan sebagainya. Untuk saya, kerajaan hari ini buat keputusan kita terima. Sudah semestinya Tun Dr. Mahathir ketika kepimpinan beliau kemungkinan saya tidak tahu rasa tidak puas hati mengenai pembatalan pembinaan jambatan.

Untuk saya, kalau sudah Tun tidak puas hati sepatutnya kerajaan hantarlah wakil duduk berbincang maklum kepada Tun cara terhormat. Itu sahaja.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tidak payah kita main media massa. Secara tidak langsung bila kita main media massa kita akan memperlekehkan...

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: ...Bekas kepimpinan yang lalu. Silakan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Saya tidak bersetuju peranan media menentukan sesuatu isu itu perlu dipaparkan ataupun tidak. Sekiranya berita yang disiarkan boleh membawa kesan yang negatif, media boleh memainkan peranan untuk menyiarkan ataupun tidak. Saya bersetuju tetapi di waktu yang sama di dalam hati kecil saya, saya juga tertanya-tanya sebagai seorang bekas Perdana Menteri yang telah mentadbir negara selama 22 tahun yang banyak berjasa, yang banyak memberi khidmat bakti kepada negara, tentulah ada dalam hati seorang bekas Perdana Menteri boleh memikirkan sama ada elok ataupun tidak untuk beliau mengeluarkan komen, kata-kata kepada kerajaan yang dahulu dipimpin sekarang diberi kepada orang lain untuk memimpin mengeluarkan kata-kata sama ada patut ataupun tidak.

Saya melihat *trend* pemimpin Malaysia, bila dia tidak jadi pemimpin, dia tidak boleh duduk diam, dia mula mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang secara tidak langsung boleh menyinggung kepimpinan yang sedang menerajui ini. Ini perkara-perkara yang saya

rasa bekas Perdana Menteri yang kita sanjung perlu sedar dan menyedari, bahawa kalau ada perkara-perkara yang beliau tidak berpuas hati, media tidak boleh dijadikan perantaraannya untuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan ini kerana kenyataan beliau ini masih didengar dan masih diberi perhatian.

Saya berpendapat bahawa pemimpin yang menjadi pemimpin, yang telah menjadi pemimpin mestilah belajar pada apa yang berlaku di kalangan pemimpin-pemimpin maju di Barat. Setelah mereka mentadbir mereka akan duduk memberi nasihat yang positif secara belakang, tetapi tidak memberi nasihat secara kecaman ataupun penghinaan kepada pemimpin baru. Saya melihat bahawa dalam konteks ini bukan sahaja media bersalah tetapi bekas Perdana Menteri juga bersalah. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa media massa adalah satu penyambungan yang cukup penting antara kerajaan dan rakyat. Kita tahu bahawa bekas Perdana Menteri kita Tun Dr. Mahathir Mohamad, saya tengok dia pun sudah lama pun dia senyap. Tiba masa jambatan dibatalkan saya nampak beliau bersuara. Untuk saya dan pandangan saya ketika itu sepatutnya kerajaan pergi jumpa Tun, sekiranya dia ada apa masalah sebelum perkara ini diperbesar-besarkan dan dimainkan oleh...

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Saya tidak bersetuju bahawa bekas Perdana Menteri senyap sekian lama hanya membangkitkan ketika kerajaan membatalkan jambatan. Sebelum daripada itu sudah ada rentetan khususnya soal Proton dan perkara itu hangat diperkatakan oleh bekas Perdana Menteri. Sambungan daripada itu ada banyak isu lagi. Perkara-perkara yang dikeluarkan tetapi tidak disiarkan oleh media. Dan yang paling akhir kenyataan beliau yang paling keras, pedih kepada kerajaan yang memerintah hari ini ialah soal jambatan. Kebimbangan kita kalau tidak ada siapa menasihati bekas Perdana Menteri kita yang kita sanjung ini akan ada lagi perkara-perkara yang pedih, pedas, keras yang akan dikeluarkan di masa depan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap sebelum Yang Berhormat bangun sekali lagi untuk minta laluan ingat bahawa saya tidak boleh membiarkan perbahasan ini merosot menjadi pertengkaran atau pertelingkahan. Yang Berhormat pun sebelum beri laluan bantu saya supaya jangan perbahasan merosot jadi pertelingkahan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Untuk saya, Proton adalah satu perkara lain, kerana Tun Mahathir adalah penasihat Proton. Isu jambatan ini yang saya rasa Tun Mahathir menyuarakan ketidakpuasan hati, sebab itu saya minta kerajaan kalau boleh hantarlah menteri-menteri kanankah atau sesiapa pergi jumpa apa yang Tun tidak puas hati. Ini Tun sudah beri kontinuiti, yang ada ini adalah menteri-menteri yang meneruskan kesinambungan untuk Wawasan 2020. Sebab itu sepatutnya ada satu orang tengah, iaitu kerajaan memainkan peranan pergi jumpa Tun, apa salah jumpa Tun. Salahkah beberapa orang menteri-menteri kanan dipilih untuk berjumpa Tun? Apa masalah Tun.

Kerajaan buat keputusan, kita semua sokong kerajaan. Tun kalau tidak setuju beritahu apa yang Tun tidak setuju. Jangan pula Tun.... Saya tidak tahu, mungkin dia ada sesuatu yang dia hendak meluahkan, pergi jumlah dengan kerajaan, berbincang dengan kerajaan. Hari ini kalau kita bahas, di dalam akhbar-akhbar tempatan persepsi orang ramai berlainan. Ada puak-puak menyokong dan sebagainya. Itu yang saya tidak mahu. Sebab itu saya minta kalau boleh kerajaan atur satu rombongan untuk.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, untuk saya menjelaskan, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus akan berpeluang mengemukakan hujah-hujah yang bertentangan apabila sampai giliran Yang Berhormat berucap nanti. Tidak semestinya semuanya dihabiskan melalui kemudahan minta laluan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir yang kita hormat, beliau telah banyak berjasa untuk membangunkan negara dan rakyat. Yang itu kita kena ingat. Beliau seorang Negarawan

besar, bukan di Malaysia malah di dunia. Sudah sewajarnya kita rakyat Malaysia menghormati beliau dan sekurang-kurangnya anggaplah Dr. Mahathir sebagai bapa. Sesekali teringin juga dia hendak menegur anak-anaknya yang sudah besar dan kita sebagai anak tidak perlulah hendak melenting dan naik angin.

Biarlah apa salah dia hendak komen, komenlah. Keputusan kita buat. Jadi saya tidak mahulah media massa ini, perkara-perkara ini pergi ambil kesempatan. Kasihanilah Pak Lah, kasihanilah bekas Perdana Menteri kita Tun Mahathir, kalau kita melaga-lagakan mereka....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan sedikit. Saya ingat Yang Berhormat, perkara ini begitu panjang sekali. Apakah tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, bolehkah perkara ini..... Tun Dr. Mahathir tidak tahu dialah pemimpin agung. Kadang-kadang bapa juga boleh telefon dekat anak, sebab menteri-menteri yang ada dalam Kabinet, menteri-menteri beliau yang dahulu. Tidak bolehkah beliau telefon, datang jumpa kalau mereka tidak mahu pergi beliau juga boleh tetapi kalau kita bercakap soal akhbar, akhbar ini memanglah, berita sensasi ini dia cukup seronok. Jadi kita berasalah, pemimpin juga kadang-kadang, walau bukan pemimpin pun jangan banyak bercakap dalam surat akhbar. Akhbar akan gunakan berita sensasi ini, jadi itulah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya setuju, dua-dua belah pihak harus...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bangun lagi, saya anggapkan cuba bawa perbincangan kita merosot menjadi pertengkaran. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya setuju, dua-dua belah pihak harus memainkan peranan. Sebab itulah belah kerajaan pun main peranan dan Tun pun kena berusaha sama-sama. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu, saya takut nanti lagi panjang lagi dia orang....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat beri laluan, tetapi janganlah bagi laluan kepada satu-satu orang banyak kali sangat. Dia jadi pertengkaran.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Baik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri laluan satu kah, sekali dua kali tetapi jangan banyak-banyak kali sangat beri laluan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak bawa dalam Dewan yang mulia ini, adalah apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dan begitu juga Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong yang mana beliau mahukan pendekatan Islam Hadhari dilaksanakan oleh kerajaan dan melahirkan generasi berilmu, beradab dan cintakan kemajuan dan ketamadunan.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya kena bawa dalam Dewan yang mulia ini. Dalam akhbar *New Straits Times* bertarikh 27 April, sebenarnya saya pun baca tetapi tidak ambil berat, saya dapat surat khabar ini daripada seorang sahabat saya daripada Kedah, dia hantar dekat saya. Dia kata, "Datuk, tolonglah cakap dalam Dewan Negara". Muka surat dua, muka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan buku merah dia. Sebelah dia tuan-tuan, gambar *Tiger Beer*.

Ini *Tiger Beer* sebelah ini. Tidak pekakah surat khabar ini? Ini muka Perdana Menteri, orang buka-buka sebelah, *Tiger Beer*. Saya hendak tanya pihak yang bertanggungjawab, yang saya tahu rokok tidak boleh iklan dalam akhbar. Saya tidak tahu betul atau tidak betul, rokok tidak boleh iklan. Rokok itu untuk orang Islam, makruh tetapi minuman haram macam ini boleh diiklankan sebelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Ini orang kampung minta tolong saya, saya pun tidak tengok Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap tolonglah lebih prihatin, akhbar-akhbar ini hendak cari *advertisement* ini, letaklah tempat lain. Janganlah letak sebelah muka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Begitu juga dengan akhbar, *The Star*. Ini akhbar *The Star*, *Tiger Beer*. Sebelah muka Timbalan Perdana Menteri.

Kita bercakap pasal Islam Hadhari, *paper* pun tidak ambil berat. Ini pemimpin kita punya muka. Orang luar baca, orang-orang Arab baca pun, eh, cakap pasal Islam Hadhari, sebelah ini bagi *Tiger Beer*, "*London coolest, beer just got cooler*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap, saya bukan hendak bermusuh dengan pihak media tetapi pihak media kena bertanggungjawab dalam iklan, dalam menyiarkan berita-berita, kerana kita khuatir, kita sama kita akan bertelagah.

Pagi tadi saya jumpa Datuk Nazri, saya cakap dengan Datuk Nazri, saya kata, "Datuk, saya tahu kadang-kadang media ini dia suka provokasi kita. Dia tanya soalan-soalan ini, kadang-kadang tidak perlulah siarkan benda ini. Kenapa dia hendak siarkan?" Apa tujuan dan maksud hendak menyiarkan kenyataan-kenyataan ini? Saya takut ada agenda. Tolonglah, janganlah. Ini Perdana Menteri, pemimpin-pemimpin, bekas pemimpin kita, yang kita sayang. Jadi kita kena saling bantu membantu, hormat menghormati.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi Tuan Yang di-Pertua ada menyebut satu perkataan yang saya rasa cukup bermakna iaitu "keterbukaan". Saya rasa keterbukaan ini satu produk baru Tuan Yang di-Pertua, yang sedang dinikmati oleh banyak pihak, termasuklah akhbar. Tidakkah Yang Berhormat Datuk Syed memikirkan apa yang Datuk Syed sebut, termasuklah penyiaran, penempatan gambar-gambar tadi merupakan kaedah yang dilahirkan oleh sifat keterbukaan yang sedang dipelopori oleh Perdana Menteri kita sekarang tetapi ada tempat-tempat yang tertentu, pihak-pihak yang tertentu telah menggunakan kaedah keterbukaannya lebih daripada yang sepatutnya. Tidakkah begitu Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebelum Yang Berhormat menjawab, saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus dan Yang Berhormat Datuk Musa, sekarang perkara baru kalau hendak minta laluan, boleh semulalah.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang saya setuju dengan Yang Berhormat, sifat keterbukaan ini. Sebab itu kita dalam Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kita banyak menyuarakan pandangan, pendapat secara terbuka.

Tuan Yang di-Pertua: Keterbukaan ini baik atau tidak baik?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ada baik, ada tidak baik Tuan Yang di-Pertua. Seperti contoh yang tadi saya cakap, keterbukaan ini bebas, kita buka, kita berbahas tetapi jangan ada *over the limit* sehingga seperti saya katakan tadi, *advertisement* sebelah-sebelah, macam tiada tempat lain ke nak letak *beer* itu, hendak letak sebelah Perdana Menteri kita? Walhal kita dilihat sebuah negara Islam, disanjung. Sampai hendak keterbukaan, boleh letak pula. Ini saya harap pihak media, kalau boleh alih, sebab kita sekarang, fokus kita Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat telah sempurnakan penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Datuk Rashid tadi?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya, ya saya telah bagi penjelasan dah.

Tuan Yang di-Pertua: Telah sempurna, silakan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan isu *openness*, dengan izin, iaitu keterbukaan yang akhir-akhir ini menjadi satu isu yang cukup penting dan media sering menggunakan hujah *openness* ini sebagai hujah untuk mereka menimbulkan banyak perkara dan saya amat tertarik dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua, iaitu ada kebaikan ke ataupun lebih banyak keburukan. Sebenarnya kalau kita lihat dasar keterbukaan, *openness* ini memang banyak kebaikan. Sebagai contohnya pendedahan oleh media, TV dan sebagainya tentang isu-isu alam sekitar, projek-projek yang terbengkalai yang sering disiarkan dalam TV3 dan sebagainya.

Dan ini perkara baik, perkara menarik kerana ia membantu supaya kita ini amat peka dengan isu-isu seperti ini tetapi apabila timbul soal apakah negatifnya, maka di sinilah timbul iaitu ada media dan saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk berkongsi dengan Yang Berhormat Datuk Syed Ali apabila menyebut tentang NST atau *New Straits Times*. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apakah akhbar ini mempunyai agendanya tersendiri? Dengan kalau kita tengok dengan rencana pengarang dia, rencana-rencana yang ditulis oleh beberapa orang penulis kanan dia. Yang mengambil kesempatan isu *openness* ini dengan menimbulkan isu-isu yang boleh menyebabkan timbul ketegangan, salah faham antara kaum.

Saya ambil contoh, iaitu apabila isu ketuk ketampi, isu satu kaum yang dibotakkan kepalanya kerana berjudi, kemudian isu tentang kes hukuman yang dikenakan kepada dalam kes pembunuhan Darren, ibunya menyatakan tidak puas hati bahawa hukuman itu terlalu ringan. Dan ini *New Straits Times* letak muka depan dan buat ulasan yang besar dan diulang-ulang seolah-olah hanya satu kaum yang teraniaya dan polis ini suka menganiaya satu kaum, seolah-olah polis ini semuanya tidak betul dan ini menimbulkan suasana yang tidak sihat sebenarnya.

Dan kita merasakan siapa sebenarnya yang berperanan, siapa yang menentukan dalam soal-soal dasar dalam NST ini. Kita hendak tahu dan apakah ini tujuannya adalah untuk kebaikan sedangkan menimbulkan salah faham sehingga seolah-olah polis ini tidak baik semuanya. Dan kita tahu bahawa polis adalah pasukan yang cukup setia. Dan mereka inilah yang cuba menggambar-gemburkan bahawa polis mesti ada ketelusan.

Kita tengok sahaja apa yang berlaku apabila timbul soal IPCMC. Maka seolah-olah dengan menimbulkan cerita-cerita seperti ini maka IPCMC ini perlu disegerakan, seolah-olah polis semuanya tidak betul sedangkan dalam kes reformasi jalanan, yang benar-benar mempertahankan kerajaan ketika itu ialah polis. Polis yang bertungkus-lumus untuk dua tiga bulan kita berhadapan dalam isu reformasi jalanan yang berlaku pada tahun 2000. Polis sebenarnya. Jadi sebab itulah, saya sebenarnya amat dukacita isu tudung dibangkitkan sebegitu rupa dalam keadaan seolah-olah mereka tidak faham asasnya apa. Semuanya hendak dipersoalkan. Seolah-olah menimbulkan satu rasa tidak sihat, seolah-olah hanya satu pihak teraniaya dan satu pihak lagi haknya dirampas dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, apakah akhbar ini mempunyai agenda sehingga menyebabkan akhbar lain seperti *The Star*, *The Sun* pun semakin berani sekarang ini apabila melihat NST sebegitu berani. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah tadi dalam ucapan saya sebelum saya masuk isu-isu dalam akhbar ini, sebab itu saya kata tadi, adakah mereka ini, akhbar-akhbar ini mempunyai agenda? Hari ini kalau akhbar diberi keterbukaan, agenda utama adalah meneruskan misi Perdana Menteri kita, iaitu kita fokus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi ini tidak terjadi, seperti kata Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd Puad. Isu sepuluh kepala orang dibotakkan, isu tudung, ini dijadikan isu. Setiap hari diperbesar-besarkan di dalam akhbar-akhbar.

Sama ada dia ini mempunyai agenda atau tidak, saya rasa rakyat Malaysia boleh menilai. Adakah ini penting hendak dimainkan, sedangkan kita sedang sibuk untuk memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merupakan misi nasional, yang cukup padat, kemas, berwibawa untuk negara kita, kita tidak ambil berat.

Akhbar kena memainkan peranan kerana akhbar adalah tempat yang terbaik untuk rakyat mengetahui perkembangan. Kalau akhbar tidak memainkan isu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ataupun memberikan liputan *first class*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, atas tindakan cemerlang yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi, dalam usaha murni untuk menjayakan dan melaksanakan RMK-9. Harus dimainkan, rakyat harus kena tengok apa perancangan dan sebagainya yang hendak buat. Bukan seperti Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd Puad kata, isu-isu perkauman, isu-isu sensitiviti.

Kita ada pengarang, ketua pengarang, banyak yang boleh tengok, saya tidak tahulah, mungkin ini boleh melariskan akhbar dan sebagainya, saya tidak tahu, tetapi saya mintalah lebih fokus kepada Rancangan Malaysia Kesembilan. Barulah kita dapat, rakyat dapat mengetahui apa dia perancangan *detail*, beritahu bagaimana kerajaan hari ini meneruskan kesinambungan hendak memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini berjalan dengan lancar. Kita tidak mahu macam RMK-8, tadi saya bercakap pasal RMK-8 banyak projek yang tergendala, yang tidak dapat di buat walaupun peruntukkan telah diberi kepada projek-projek tersebut.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat saya ingin beri satu pandangan kepada Yang Berhormat, dalam media massa sekarang ini, kita lihat mungkin persaingan sekarang ini, menjadi satu daripada *trend* media massa di Malaysia ini. Kita lihat kita ada RTM1, RTM2, ASTRO, kita ada TV3, jadi mereka ini bersaing antara satu sama lain untuk mendapat minat daripada rakyat, supaya rakyat ini menonton televisyen ataupun RTM ini.

Kita lihat SMS, dulu kita dalam Dewan bercakap tentang SMS AF, tak silap saya ASTRO, dalam AF kita kata membazirkan tapi hari ini satu persaingan dapat sambutan daripada rakyat, RTM1, RTM2 tentang bola pun dah mula SMS. Bukan satu persaingan, memberi kebaikan kepada media massa, apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya setuju Yang Berhormat. Yang mana boleh bagi kebaikan kepada rakyat buatlah yang baik, tidak ada masalah, saya setuju benda-benda ini untuk rakyat kita sama-sama cari kita buat. Akhbar harus bertanggungjawab untuk saya. Harus bertanggungjawab dengan laporan-laporan. Kadang-kadang isu-isu yang sensitif, yang patut saya rasa ketua pengarang ataupun pengarang boleh... Benda ini tidak perlu keluar.

Kita ada ramai pengarang dalam akhbar-akhbar, akhir sekali ketua pengarang yang boleh melihat keadaan ini. Jadi, kalau kita biarkan sewenang-wenangnya, kita mengeluarkan, ambil kenyataan, hari ini pergi jumpa orang, berjumpa Perdana Menteri minta kenyataan, lepas itu jumpa menteri, jumpa rakyat minta dia punya komen dan sebagainya, kalau benda untuk kebaikan rakyat dan negara tidak apa, tetapi jangan perkara-perkara yang boleh memporak-perandakan dan memberi... *Divided*, dengan izin, kepada rakyat ini, rakyat *confused*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dia melihat laporan-laporan yang dilihat dalam akhbar, "Eh, tengok akhbar *New Straits Time* lapor macam ini, akhbar *Utusan* macam ini, *Berita Harian* macam ini." Kalau mereka sudah melihat akhbar melaporkan sesuatu, sudah pastinya rakyat di bawah juga...

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam sebuah negara demokrasi seperti Malaysia, tentulah sikap keterbukaan itu perlu, dan juga kebebasan akhbar juga perlu tetapi apa pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya kita ada satu dasar baru, mencadangkan satu dasar baru. Di dalam melaksanakan akhbar-akhbar ini, kebebasan akhbar ini kita menyarankan dasar demokrasi terpimpin, jadi bererti kita memimpin sesuatu. Walaupun ada kebebasan yang kita beri, tetapi apa yang dilaksanakan itu dipimpin. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat yang kemukakan persoalan itu, saya berminat hendak tanya, bagaimana pula *the freedom of artistic expression*?

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memanglah di dalam bidang seni kita juga mempunyai kebebasan *artistic*, atau *artistic freedom* dengan izin, dalam masa yang sama kita harus juga mempunyai bertanggungjawab dan kita selalu di dalam bidang perfileman, kita panggil *choice and responsibility*, dengan izin. Jadi pilihan dan tanggungjawab. Sesuatu yang kita pilih untuk menyampaikan pandangan dalam bidang seni *artistic freedom*, dengan izin, kita juga harus ada rasa tanggungjawab supaya ia tidak bercanggah dengan nilai-nilai budaya, nilai-nilai kemanusiaan dan juga agama. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah sifat keterbukaan ini cukup penting, banyak baik daripada buruk, saya bersetuju tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Lega saya, bila saya tanya tadi baik atau buruk, Yang Berhormat kata pun baik ada, buruk pun ada....

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Banyak baiklah...

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa bimbang.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Cara kepimpinan, cara kita hendak menyiarkan sesuatu berita, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, berita itu tidaklah sehebat mana, tetapi apabila diolah-alik, mensensasikan perkara ini, maka inilah yang terjadi.

Saya harap pihak akhbar lebih berhati-hati dalam penyiaran-penyiaran, terutamanya tajuk-tajuk utama. Ini yang membacanya rakyat, tajuk-tajuk utama itu mesti penting, kalau boleh fokus pasal RMK-9. Kita melihat kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia banyak beri penekanan dalam RMK-9 ini. Jadi, kita sebagai rakyat harus menyambut bersama-sama. Sudah tentunya media massa adalah satu tempat yang penting untuk menyalurkan perkara-perkara ini. Kita tengok Tuan Yang di-Pertua, isu perletakkan jawatan Pengerusi *Backbencher*. Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh lihat isu ini dimainkan, untuk saya Tuan Yang di-Pertua, Datuk Shahrir, Pengerusi *Backbencher*...

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Datuk bersetuju dengan saya bahawa laporan negatif di surat khabar telah menjejaskan industri pelancongan di Kuala Lumpur? Bagi tahun 2005, kami harap lebih kurang 250,000 pelancong daripada *Middle East* orang Arab, tapi di tahun itu, kami dapat hanya 127,000 sahaja.

Jadi kalau laporan negatif itu dilaporkan dan laporan ini dimasukkan ke *internet*, kerana saya dapat panggilan dari *oversea*, dari Australia, dari Taiwan dan Jepun, bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang ada pelbagai masalah tentang isu botak yang dimainkan oleh media, lagi pun sistem DBKL telah memberi saman kepada orang yang berpegang tangan di taman-taman. Jadi ini laporan negatif telah dibesarkan oleh media massa dan laporan media massa telah dimasukkan ke *internet*. Semua orang masuk *internet* dan baca berita ini, dan saya setuju bahawa kita mesti mahu sengaja *skip* tentang laporan yang negatif.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kita mestilah jaga industri pelancongan negara kita. Kerana Menteri Pelancongan telah ambil tindakan yang positif untuk menarik perhatian yang lebih pelancong dari negara asing. Sekian.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi perkara macam mana kita lihat pelancong-pelancong luar negara hendak datang ke Malaysia. Laporan-laporan negatif, ketuk-ketampi, botakkan kepala, sepuluh, kes bunuh, kes ragut, kes rogol, macam negara Malaysia ini satu negara yang tidak selamat. Mungkin benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng, mereka takut hendak *mai* negara kita setelah membaca dalam akhbar-akbar tempatan dan juga *internet*.

Sebab itulah saya kata, kalau boleh akhbar ini, dia kena mainkan peranan supaya pelancong-pelancong asing datang ke Malaysia, tidak takut apa pun tapi daripada laporan-laporan akhbar yang membuatkan pelancong-pelancong mengubah fikiran hendak datang ke Malaysia. Sebab itu, lebih baik laporan-laporan pasal kes ragut, kes rogol, kes bunuh, benda-benda ini tidak perlulah, kalau saya hendak katakan hari-hari dalam akhbar.

Carilah sesuatu yang lebih berfaedah bukan sahaja untuk rakyat negara kita malah pelancong-pelancong nak datang pun rasa selamat di negara kita. Memang negara kita selamat, mana ada negara kita boleh keluar pukul berapa pagi nak minum teh tarik, nasi lemak, roti canai, Malaysia sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi Amerika pukul 10.00 malam tidak boleh keluar, tidak selamat, orang hitam ramai, takut hendak keluar. Negara kita yang paling selamat, sepatutnya itulah yang dimainkan oleh akhbar untuk menarik pelancong-pelancong datang. Apa ada di dalam negara kita, pusat perangan, Genting Highlands ada tempat sejuk dia orang pun ada, dia nak tempat permainan di Sunway Lagoon pun ada, Langkawi ada, Pulau Pinang ada, semuanya selamat di Malaysia. Itulah yang harus dimainkan oleh media. Jadi secara tidak langsung kita boleh membawa ramai pelancong ke Malaysia.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, memang betul kita hendak melaporkan benda yang baik supaya pelancong datang dan sebagainya tetapi apa halnya kalau sekiranya kita tidak adakan *mind setting* kepada pelancong, kepada perkara yang sebenarnya di Malaysia.

Kita berjalan di Chow Kit Road, Bukit Bintang, pelancong berjalan, kita tidak set *mind setting* supaya depa berjaga dengan beg tangan depa, tiba-tiba kena ragut. Jalan tengah malam, kena rogol. *At least*, dengan izin, sekurang-kurangnya kita memaklumkan beritahu juga kepada pelancong bahawa, ianya bukan 100% selamat, kena berjaga juga. Sebab realitinya Malaysia macam itu. Pintu pagar kita yang dibuat daripada besi pun diangkat dengan lori siang hari, itulah Malaysia. Ini kenyataannya Malaysia.

Maknanya untuk benar-benar kita menarik pelancong, kita kena bereskan perkara-perkara negatif yang ada di Malaysia hari ini. Selain daripada memberi gambaran yang positif, kenyataan realitinya juga mesti positif. Kerana itu saya berpendapat bahawa beberapa dasar kerajaan, khususnya pengambilan pekerja-pekerja asing mesti dikaji semula kerana hari ini kalau kita pergilah ke mana-mana bandar, orang Vietnam, orang Cina, orang Indonesia...

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah masuk perkara lain, Yang Berhormat. Cukuplah.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tidak kata hanya melaporkan yang terbaik sahaja dalam Malaysia. Boleh! Memang di mana-mana negara kita pergi pun, ada yang negatifnya tetapi jangan terlalu banyak menggembar-gemburkan macam Malaysia ini tidak selamat! Sebab pelancong-pelancong ini hendak datang, dia memang tahu di mana-mana yang ada kes-kes tetapi kalau kita selalu dan sentiasa membawa dalam akhbar tentang kes pembunuhan, kes rogol, kes ragut dan sebagainya, seolah-olah tidak selamat. Boleh laporkan. Tidak, saya tidak kata tidak boleh laporkan, tetapi haruslah kita laporkan mengikut keadaan. Janganlah setiap kali kalau kita buka *'paper'* ada empat, lima kes. Kita carilah satu, dua kes, tidak mengapa kita masukkan. Memang negatif ada di mana-mana negara, tetapi jangan kita menakutkan pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung tadi tentang Pengerusi *Backbencher* letak jawatan. Kita tengok dalam akhbar-akhbar memainkan isu ini sebagai satu isu besar. Televisyen pun fokus, satu isu besar. Sampai jumpa dengan semua orang. Kita kena hormat keputusan Dato' Shahrir Abdul Samad sebagai Pengerusi *Backbencher*. Dia mempunyai prinsip. Dia tahu sebagai penyokong kerajaan, dia tidak seharusnya menyokong usul daripada pembangkang. Dia tahu tetapi dia cuba hendak menukar *mindset*, dengan izin, penyokong-penyokong kerajaan. Dia cuba hendak menukar. Dia hendak bawa satu pembaharuan. Malangnya, penyokong-penyokong kerajaan tidak bersetuju. Dia tidak dapat merubah *mindset* penyokong-penyokong kerajaan.

Jadi, dia ambil tanggungjawab, dia meletakkan jawatan. Kita kena hormat dengan dia. Dia letak jawatanlah sebab dia tahu sesuatu yang dia tidak boleh buat sebagai penyokong kerajaan dia buat dan dia tidak berjaya. Dia letak jawatanlah. Janganlah kita dok pergi lagi jumpa dia, suruh dia komen, cari orang itu. Berhentikanlah, banyak lagi agenda lain yang hendak dibuat!

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat tentang sokongan usul. Adakah salah pihak kerajaan menyokong usul yang dibawa oleh pembangkang? Sebab setiap kali usul yang dibawa oleh kerajaan, termasuk kami dalam Dewan Negara, memang kita memberikan sokongan yang padu, usul yang memberi kebaikan kepada rakyat dan negara, termasuk Usul Ucapan Takziah yang dibawa dalam Dewan Negara, yang baru sekejap tadi kita luluskan.

Jadi, sekiranya kalau pembangkang boleh memberi sokongan yang padu kepada usul daripada pihak kerajaan, tidak salah pihak kerajaan memberi sokongan kepada usul pembangkang yang sama-sama untuk kita memberi kebaikan kepada rakyat dan negara. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, Yang Berhormat. Selalunya, Tuan Yang di-Pertua, bila pembangkang bawa usul, dia ada undang di sebalik batu. Dia ada tujuan. Saya minta maaf. Saya tidak pernah bercakap macam ini, "Dalam Dewan ini kita ada dua sahaja pembangkang." Saya tidak pernah cakap tetapi niat dia apabila membawa sesuatu usul itu, dia ada undang di sebalik batu.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kalau kes hendak rujuk Ahli Parlimen dalam hak asasi manusia yang diminta ditubuhkan oleh pembangkang, apa guna kita ada polis, BPR dan sebagainya? Tidak perlu. Saya tahu bahawa apabila pembangkang membawa satu usul, dia ada niat yang lain. Sebab itu kita selalu dipesan oleh kerajaan kita, apabila sesuatu perkara yang kita hendak bawa biarlah kerajaan yang membawa usul tersebut kerana kita tidak ada kepentingan; kepentingan kita untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung lagi pasal Dato' Shahrir ini. Dia sudah buat keputusan, saya minta pihak media massa tidak payahlah pergi kejar, tanya lagi sama ada hendak tarik balik dan sebagainya. Janganlah, banyak isu lain yang harus kita bawa, yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Dewan yang dihormati, saya juga tertarik dan amat berbangga dengan peranan yang dimainkan oleh Panel Penasihat Perpaduan Negara sama ada di peringkat nasional ataupun di peringkat negeri, dalam usaha menggerakkan program-program perpaduan ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu, harmoni, toleransi, hormat-menghormati antara satu sama lain, selaras dengan Prinsip Rukun Negara. Ini kerana pembentukan satu bangsa Malaysia yang bersatu, walaupun berlainan agama, adat dan rumpun budaya akan mencerminkan wajah sebenar negara ini yang sejak ratusan tahun terkenal sebagai sebuah negara yang unik, yang dikagumi dengan jumlah suku kaum dan etnik yang pelbagai rupa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok di Malaysia ini, kita ada pelbagai bangsa, India, Cina, Melayu, Kristian, Kadazan, Bajau dan macam-macam etnik...

Tuan Yang di-Pertua: Arab.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Arab, Tuan Yang di-Pertua? Arab sudah jadi Malaysia.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Saya tertarik dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Di negara kita ini kita ada Dasar Kebudayaan Nasional, tetapi saya merasakan semakin lama dasar ini sudah tidak lagi dihayati dan saya merasakan bahawa generasi muda semakin ramai yang tidak faham tentang Dasar Kebudayaan Nasional yang diasaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Lebih mendukacitakan ada pula pemimpin yang sekarang ini bercakap tentang *multiculturalism*. Tidak lagi bercakap tentang soal Dasar Kebudayaan Nasional, tetapi bercakap tentang *multiculturalism* yang bersifat universal.

Jadi, apakah pada pandangan Yang Berhormat ini suatu *trend* yang baik dalam usaha kita untuk menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum, di mana sepatutnya Kebudayaan Nasional itu menjadi asas pegangan supaya barulah nampak identiti negara Malaysia yang sebenarnya, yang kita semakin hormat menghormati dan ada asas *basic* yang kuat untuk menyatupadukan mereka ini, baik dalam soal bahasa, kebudayaan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat tentang *multiculturalism* ini?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Dasar Kebudayaan Nasional - saya rasa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan di bawah Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, patut meneruskan Dasar Kebudayaan Nasional ini kerana bagi saya, negara kita seperti yang saya katakan tadi, berbilang kaum. Kalau kita pergi ke negara-negara lain seperti negara China, ramai orang Cina; negara India, ramai India. Di Malaysia ini, yang unikny ia ada berbilang kaum dan kita boleh duduk sekali. Macam dalam Dewan yang mulia ini, kita ada India, Cina dan Melayu - tak terdapatkah Arab? Tidak terdapat di negara-negara lain.

Oleh sebab itu Dasar Kebudayaan Nasional ini harus diteruskan oleh kementerian yang bertanggungjawab supaya dapat diterapkan kepada rakyat mengetahui budaya nasional kita. Ini cukup penting.

Kita jangan lupa tentang Kebudayaan Nasional negara kita. Ini satu perkara yang harus kita terapkan kalau boleh daripada sekolah lagi, perkara ini harus didedahkan kepada pelajar-pelajar daripada sekolah....? Saya tidak tahu saya mengalu-alukan mereka di sini untuk bersama-sama mendengar perbahasan kita pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah saya pula mencelah. Ke arah pencapaian perpaduan negara yang lebih jitu atau perpaduan negara yang syumul, yang *perfect*, kita perlu akur kepada:

- (a) prinsip-prinsip;
- (b) undang-undang;
- (c) dasar-dasar; dan
- (d) amalan-amalan dan institusi-institusi yang secara kolektif merupakan budaya.

Jadi kalau kita kemukakan kepada rakyat Malaysia lebih-lebih lagi anak-anak muda, begitu banyak prinsip, undang-undang, dasar-dasar, lepas itu amalan-amalan dan institusi-institusi pula sehinggakan boleh membuatkan sesiapa pun bingung bagaimana kita hendak beri sumbangan ke arah pencapaian kepada negara yang jitu tersebut. Bagaimana pandangan Yang Berhormat terhadap perkara ini?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang betul kalau kita lihat Dasar Kebudayaan Nasional ini macam Tuan Yang di-Pertua kata ada banyak prinsip, yang Tuan Yang di-Pertua bagi. Sebab itu saya kata mungkin kita boleh memperkenalkan ini di sekolah-sekolah melalui Kementerian Pelajaran dan mengenal pasti apa yang perlu ditekankan kepada pelajar-pelajar ini supaya apabila mereka dewasa mereka dapat melihat Dasar Kebudayaan Nasional apa yang kita cuba terapkan. Sebab itu Kementerian Pelajaran harus melihat bagaimana untuk memasukkan kurikulum ini dalam pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin perkara-perkara atau program-program yang berlatarbelakangkan budaya pelbagai kaum perlu diperbanyakkan dan turut dibabitkan dengan penyertaan anggota-anggota masyarakat setempat secara relevan. Program ke arah mengeratkan perpaduan kaum yang seharusnya dimainkan oleh media, yang ini

media boleh main satu lagi, termasuk stesen televisyen, pembikinan filem, Datuk Dr. Jins Shamsudin ada di sini atau drama tempatan yang tidak hanya

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat marah ni, sekarang hendak minta tolong pula.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta mainkan peranan. Saya tidak pernah marah media. Saya minta mainkan peranan yang berkesan macam saya katakan tadi untuk program-program perpaduan yang jangan menjuruskan kepada kepentingan komersial semata-mata, ini untuk perpaduan. Ini media boleh ambil - mainkan. Tak payah main isu sensitif. Kita yakin bahawa langkah tegas kerajaan yang sentiasa melipatgandakan usaha menyuburkan semangat perpaduan kaum dan rakyat akan menjadi benteng kepada negara kita dan kestabilan politik, ekonomi.....

Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat, saya minta laluan sekali lagi. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya tertarik kerana Yang Berhormat tadi menyentuh tentang filem. Kita sekarang sedang merayakan Hari Ulang Tahun Ke 60 tertubuhnya UMNO. Sudah tentulah dalam masa ini harus ada beberapa usaha menerbitkan filem-filem tentang tokoh-tokoh negara yang telah memperjuangkan negara ini hingga kita mencapai kemerdekaan tetapi yang saya ingin sentuh di sini, ingin mendapat pandangan Yang Berhormat kerana baru-baru ini ada usaha oleh sebuah syarikat filem menerbitkan filem yang diberi tajuk "*Lelaki Komunis Terakhir*" dan adakah dia sesuai dalam masa bulan yang kita hendak menyambut tertubuhnya UMNO, ada pula usaha untuk melahirkan sebuah filem yang menjurus kepada "*Lelaki Komunis Terakhir*". Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bukan orang filem tetapi saya tidak bersetuju kalau ada tajuk "*Lelaki Komunis Terakhir*" sempena dengan 60 tahun sambutan UMNO. Jadi Yang Berhormat duduk sebagai Pengerusi FINAS patut melihat perkara ini supaya tajuknya diubah. Dia tak boleh pakai "*Lelaki Komunis Terakhir*".

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan menjadi agenda yang terpenting oleh Perdana Menteri untuk menjana pembangunan negara mapan dan berdaya saing. Di samping kehidupan rakyat yang berkualiti, memiliki jati diri berteraskan kerukunan perpaduan nasional sudah tentu akan melakarkan kejayaan yang gemilang untuk masa depan negara. Kita amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pelan pengurusan pembangunan yang dirancang untuk kepentingan negara. Pembangunan modal insan, sumber manusia serta kepentingan sejagat tetap dimasukkan sebagai agenda yang berterusan bagi memperkasakan hala lulu Malaysia negara maju dan berdaulat. Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, boleh minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, tentang perpaduan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tak boleh *kelour* begitu sahaja.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, tadi tentang perpaduan apakah sudah cukup dengan mengadakan jamuan Hari Raya, Tahun Baru Cina mengadakan jamuan Tahun Baru China, Deepavali mengadakan jamuan Deepavali dan lain-lain lagi. Apakah sudah cukup mengadakan pesta-pesta ini bagi menyatukan perpaduan rakyat di Malaysia ini, apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih. Ini adalah salah satu usaha kerajaan. Saya rasa perlu banyak lagi. Perayaan-perayaan ini perayaan kaum yang diadakan di negara kita adalah salah satu daripada langkah kerajaan merapatkan hubungan kaum. Memang kita tahu bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kerajaan pun memfokuskan dalam pembangunan modal insan, kepentingan rakyat sejagat yang berterusan, agenda yang berterusan. Dan saya yakin kementerian yang bertanggungjawab akan mengadakan berbagai-bagai program lagi untuk rakyat berbilang kaum supaya kita ini dieratkan lagi antara satu sama lain seperti yang kita rasai pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong penuh Usul Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Syed Putra 'Jamaludin'. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jamalullail atau Jamaludin? Tersasul.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Maaf Tuan Yang di-Pertua, Jamalullail.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ahmad Husin.

3.48 ptg.

Tuan Ahmad bin Husin: Bismillahi Rahmani Rahim. Terima kasih Tan Sri Dato' Seri Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan untuk saya membuat ucapan sulung, ucapan terima kasih kepada hari yang bertuah ini tanggal 8 Mei 2006.

Tuan Yang di-Pertua: Membuat ucapan sulung biarlah saya katakan peraturan mesyuarat hanya memerlukan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, di Dewan Negara yang mulia ini, pertama saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas pelantikan Yang Berhormat Speaker, Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara.

Kedua, saya dengan penuh takzim ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini di atas pemilihan dan pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara oleh Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 25 April 2006 yang lepas.

Di sini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pemangku Raja Yang Amat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Tuanku Syed Putra selaku Raja Pemerintah dan kepimpinan negeri yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kasim, Menteri Besar Perlis, Barisan EXCO Kerajaan Negeri dan wakil-wakil rakyat seluruh negeri Perlis Indera Kayangan.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab, amanah yang dipikul oleh Ahli Parlimen sama ada Dewan Negara dan Dewan Rakyat amatlah berat kerana segala keputusan yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini akan mempunyai implikasi yang mendalam terhadap arah tuju negara, dan bukan sahaja melibatkan generasi sekarang tetapi juga generasi yang akan datang.

Di sini, saya ingin memperingatkan diri saya sendiri dan juga Yang Berhormat yang lain agar bekerja dengan ikhlas, pegang amanah, memperlengkapkan ilmu yang mutakhir, memikul tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negara dengan sebaik-baiknya. Janganlah biarkan diri kita mempergunakan sedikit kuasa yang ada untuk kepentingan diri sendiri, yakni *misuse of power* dengan izin.

Akan tetapi merugikan masyarakat keseluruhannya. Kepercayaan rakyat terhadap Ahli-ahli Parlimen amat penting untuk mempertahankan Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Jika sekiranya rakyat hilang kepercayaan kepada Ahli-ahli Parlimen, mungkin mereka tidak akan percaya kepada pilihan raya tetapi memilih jalan raya untuk membuat perubahan seperti di Iran. Kita tidak boleh salahkan rakyat pada ketika itu kerana kita sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab menghilangkan keyakinan mereka terhadap sistem berparlimen ini.

Dalam mengharungi alaf baru, Ahli-ahli Parlimen mestilah menyesuaikan diri mereka kepada perubahan semasa dan memberi khidmat kepada masyarakat. Saya ingin meneruskan untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Pada muka surat 2, tentang keselamatan di perairan Selat Melaka. Sejarah telah membuktikan bahawa banyak telah berlaku rompak dan juga kejadian-kejadian yang menyebabkan pelanggaran kapal di sepanjang Selat Melaka. Oleh itu, apa yang diharapkan kita dapat menyokong usaha-usaha yang dibuat oleh Petronas dan juga syarikat-syarikat lain yang ingin membuat apa yang disebut sebagai *Malaysia Land-Bridge* iaitu daripada Kuala Sanglang sampai ke Tumpat, insya-Allah.

Kalau perkara ini berlaku, maka minyak daripada Timur Tengah akan melalui Malaysia dan dihantar ke Russia dan China dan dia akan 'boom' kan ekonomi negara menjadi hak minyak di Malaysia dan akhirnya Malaysia dapat maju, membangun. Masa itu barulah kita dapat mengatakan bahawa tahun 2015 Malaysia akan jadi negara maju bukan nanti tahun 2020. Tuan Yang di-Pertua tahulah perkara ini.

Yang kedua, PPRT, saya amat memberi perhatian serius kepada Program Pembangunan ...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ini bukan pilih kasih tetapi Yang Berhormat dalam keadaan ketegangan, jadi saya tidak mahulah ganggu banyak sangat. Yang Berhormat janganlah sangka mengapa saya tidak tegur beliau sebab beliau sudah susah, kita tidak mahu menyusahkan beliau lagi. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: ...Di dalam ucapan Tuanku disebut tentang Program Pembangunan Rakyat Termiskin, iaitu agar kualiti hidup rakyat terus dipertingkatkan. Ini bermakna Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah dimulakan pada tahun 1989 oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dengan peruntukan sebanyak RM322 juta. Kalau kita lihat sampai sekarang, apakah impak kepada Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Saya harap pihak ICU dapat memberi jawapan kepada rakyat.

Yang ketiga ialah sistem penyampaian iaitu *delivery system* yang dibangkitkan dalam ucapan Tuanku. Di sini saya ingin menyeru kepada pihak Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik khususnya iaitu pegawai-pegawai PTD yang diberikan tanggungjawab agar dapat memberikan sepenuh komitmen, tanggungjawab dan akauntabiliti kepada Kementerian masing-masing dengan ikhlas, amanah, meningkatkan ilmu dan kesihatan supaya *delivery system* ini sampai terus kepada rakyat khususnya rakyat di luar bandar.

Yang kelima tentang hak istimewa orang-orang Melayu dan Dasar Ekonomi Baru 30% sekurang-kurangnya untuk bumiputera. Di sini disebutkan penyertaan pemilikan bumiputera dalam sektor-sektor utama harus ditingkatkan sesuai dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menyentuh soal-soal perdagangan yang melibatkan perkara-perkara *cartel*, pakatan tender, pengambilan untung secara berlebihan serta amalan perdagangan pengiklanan yang mengelirukan akan diperkenal suatu sistem bagi menangani perkara-perkara negatif ini. Seterusnya disebut tentang memperkasa sekolah kebangsaan.

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah menyebut bahawa bahasa Melayu ialah Bahasa Kebangsaan dan ini tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak dengan dasar kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar, memartabatkan kerjaya perguruan dan menambah baik sistem pendidikan agar bertaraf dunia.

Program-program terus bagi membanteras kemiskinan, penyediaan perumahan, khidmat kesihatan, bantuan pendidikan, bantuan sosial dan pengangkutan hendaklah di perhebatkan dan akhirnya tentang perkhidmatan awam.

Saya ingin merujuk kepada satu seminar iaitu *Dimensi Strategi Baru Ke Arah Abad ke 21* anjuran INTAN dan MAMPU pada 1 September 1995, oleh bekas Perdana Menteri,

"Kakitangan perkhidmatan awam perlu berkhidmat kepada rakyat dan negara sesuai dengan kedudukan mereka sebagai kakitangan kerajaan. Mereka hendaklah melaksanakan tanggungjawab pentadbiran secara berkesan bagi mencapai pertumbuhan dan perubahan pada struktur asas negara. Kerajaan sudah menyemak semula serta mempermudah pelbagai prosedur dan fungsi perkhidmatan awam untuk memastikan perkhidmatan terbaik dapat diberikan kepada rakyat dan negara. Perkhidmatan awam sebagai rakan dalam konsep Persyarikatan Malaysia, dengan izin, Malaysia Incorporated harus menggunakan seluruh perkhidmatan untuk mencapai pertumbuhan dan perubahan.

Perkhidmatan awam kini adalah hamba kepada rakyat dan bukan semata-mata sebuah perkhidmatan awam.”

Saya mohon...

Tuan Yang di-Pertua: Pernahkah Yang Berhormat menyertai PTD?

Tuan Ahmad bin Hussin: Saya bekas Pegawai Tadbir dan Diplomatik selama 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [*Bangun*]

Tuan Osman bin Bungsu: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Yang dua bangun tadi nama memang ada dalam senarai.

4.00 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk menyokong usul ucapan, berbilang-banyak syukur dan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Tuanku semasa Pembukaan Parlimen, Penggal Ketiga, Parlimen Kesebelas itu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan itu pada kali ini, saya dapati mempunyai banyak makna oleh kerana beberapa perkara yang penting. Tahun ini juga merupakan tahun akhir tugas Duli Yang Maha Mulia Tuanku, dan pada penghujung tahun ini, bulan Disember maka Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan tamat tempoh perkhidmatan. Dan, dalam tahun ini amatlah sesuai bagi kita.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap. Yang Berhormat adalah pembentang usul tadi, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee. Minta maaf, saya belum dapatkan sokongan untuk usul Yang Berhormat. Ahli yang menyokong?

Tuan Tay Puay Chuan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kita anggapkan ucapan tadi selepas disokong. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, ...

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa empat tahun yang lalu, semasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong, maka kita ada melihat banyak perubahan di Malaysia dan sekarang menjelang tahun ini sudah sampai masanya untuk kita masuk ke satu lagi era, iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi, dalam Titah Ucapan ini kita lihat ada mengandungi banyak aspek yang penting bagi negara dan pada saya ingatan-ingatan di dalam titah itu amat berguna. Seperti contoh Tuan Yang di-Pertua, yang mana saya memikirkan sangat penting ialah perhatian Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada golongan daif dan kurang bernasib baik seperti kanak-kanak, ibu tunggal, individu kurang upaya, warga emas dan golongan yang terdedah kepada penganiayaan. Itu semua ada dibangkitkan di dalam Titah Ucapan Tuanku itu.

Jadi, sebagai rakyat, kita harus menyokong segala usaha yang ditumpukan kepada perkara utama ini kerana sungguhpun Malaysia begitu maju, kita telah mencapai begitu banyak, tetapi di dalam masyarakat kita masih ada golongan-golongan yang memerlukan bantuan. Rancangan Malaysia demi Rancangan Malaysia telah cuba mengatasi masalah kemiskinan di masyarakat kita, tetapi sehingga hari ini kita masih jauh daripada sasaran untuk mencapai sifar kemiskinan di dalam negara kita. Kita masih melihat bahawa ada rakyat kita yang masih tidak ada bekalan air, tidak ada bekalan api yang selesa untuk membantu mereka.

Kita melihat di Malaysia masih ada banyak masalah dari segi pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah itu, Duli Yang Maha Mulia juga ada menyebut tentang pengangkutan sebagai satu daripada program teras untuk membasmi kemiskinan di bandar kerana sungguhpun banyak perhatian telah diberi kepada membasmi kemiskinan di luar bandar, kita dapati masalah kemiskinan di bandar pun sudah menjadi satu isu sosial yang besar di Malaysia. Adalah diharapkan bahawa program untuk membanteras kemiskinan seperti menyediakan perumahan, perkhidmatan kesihatan, bantuan pendidikan, bantuan sosial dan menambahbaikkan lagi sistem pengangkutan perlu dihebatkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini apabila kerajaan telah menaikkan harga minyak sebanyak 30 sen seliter, kerajaan juga membuat satu janji bahawa semua penjimatan pada ketika itu dijangka sebanyak 4.4 bilion akan diguna untuk satu tabung khas pengangkutan iaitu menambahbaikkan sistem pengangkutan.

Akan tetapi selepas itu Tuan Yang di-Pertua, harga minyak masih terus naik dan telah sampai ke Dolar Amerika 72 setong. Akibat daripada kejadian itu maka kerajaan kata duit itu sudah habis, duit 4.4 bilion itu sudah habis. Nampaknya tidak ada kemungkinan bahawa pengangkutan itu dapat ditambah baik dan apa yang hendak di perhebatkan itu nampaknya akan jadi satu kenyataan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di dalam keadaan sedemikian bagaimana seruan di dalam Titah Ucapan Tuanku supaya kerajaan memberi perhatian kepada program untuk banteras kemiskinan. Kalau rakyat itu perlu menyediakan pengangkutan sendiri ke pejabat dan berurusan dengan urusan-urusan mereka maka ini akan menimbulkan satu masalah. Saya berharap kerajaan akan memberi perhatian kepada aspek ini kerana itu adalah satu janji yang telah dibuat, dan saya menjangka bahawa harga minyak itu akan terus naik dikatakan menjelang pada akhir tahun ini mungkin boleh sampai 100 Dolar Amerika setong. Kalau demikian bagaimana kita dapat mengatasi masalah-masalah yang akan dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah, iaitu mereka yang cukup susah pada masa ini tetapi akan menghadapi lebih kesusahan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk membangkitkan perkara 32 dalam Peraturan Mesyuarat yang mana saya telah melakukan satu kesilapan yang besar di bawah Peraturan Mesyuarat 32 iaitu 32 (1) berbunyi:

“Apabila sesuatu usul itu telah dicadangkan dan disokong jika berkehendakkan disokong, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan masalah itu kepada Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis Mesyuarat sebagaimana tersusun cakupnya dalam usul itu. Setelah itu masalah ini bolehlah dibahaskan dan, dengan tertakluk kepada syarat-syarat Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, perbahasan ini bolehlah dijalankan selagi ada ahli yang berhak boleh bercakap hendak bercakap.”

Jadi di bawah Peraturan 32(1) kerana saya yang melakukan kesilapan saya hendak menghentikan ucapan Yang Berhormat buat seketika dan saya akan jemput Yang Berhormat semula untuk saya meminta kerana tertera di bawah Aturan Urusan Mesyuarat, bahawa Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan akan menyokong dan berucap. Selepas itu saya akan kemukakan atau Tuan Yang di-Pertua akan kemukakan kepada Majlis untuk

usul ini dibahaskan, selepas itu Yang Berhormat bolehlah sambung ucapan. Maka kini saya menjemput Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan bangun menyokong dan berucap.

Saya pun tergamam sebab saya tidak lihat Yang Berhormat bangun tadi. Selepas itu Yang Berhormat berucap dan masalah akan dikemukakan kepada Dewan untuk perbincangan bermula. Saya mohon maaf kepada Dewan terhadap kesilapan ini, tetapi saya telah berazam untuk membetulkan jua kesilapan yang berlaku. Biarlah dihadapi kesilapan daripada buat tidak tahu, sila Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan.

4.15 ptg.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan sokongan ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita harus berasa terima kasih dan bersyukur kepada Tuhan kerana mempunyai seorang Yang di-Pertuan Agong yang prihatin kepada kesejahteraan negara dan rakyat. Dalam Titah Ucapan Tuanku telah menyentuh tentang beberapa kementerian khususnya dan pertama sekali suka saya sentuh tentang Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Pagi ini kita telah difahamkan dan diberitahu oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian tersebut, Dato' Dr. S. Vijayarajam bahawa kerajaan pada masa ini dan juga pada masa-masa yang akan datang, akan menggalakkan penggunaan sejenis *biofuel* dengan izin, yang dikenali sebagai Envo Diesel. Syabas diucapkan kepada kementerian tersebut kerana kita telah diberitahu pun bahawa hanya 5 peratus sahaja minyak kelapa sawit akan diadunkan dengan minyak diesel petroleum untuk digunakan oleh kenderaan-kenderaan yang menggunakan diesel.

Saya menyeru agar kementerian, adakah kemungkinan untuk mempertingkatkan penggunaan minyak kelapa sawit yang biasa dikenali sebagai dengan nama kimianya *methyl ester*. Adakah kemungkinan dinaikkan peratusan tersebut? Saya faham bahawa mengikut piawai negara kita hanya 5 peratus akan digunakan.

Jadi saya mencadangkan adakah kementerian boleh mengubah kaedah ataupun piawai tersebut kalau bukan naikkan 100 peratus menggunakan minyak kelapa sawit ataupun menggunakan *methyl ester*, apakah peratusan tersebut dapat dipertingkatkan kerana dengan kenaikan peratusan minyak kelapa sawit yang diadunkan dengan minyak petrol diesel, saya rasa sudah tentu dapat menggiatkan lagi industri kelapa sawit dan seterusnya menguntungkan industri tersebut dan juga pengusaha-pengusaha atau peladang-peladang kelapa sawit dan juga pekebun-pekebun kecil kelapa sawit. Ia sudah tentu dapat mengurangkan pergantungan kita terhadap minyak petroleum yang begitu besar pada masa sekarang.

Saya difahamkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng bahawa ia adalah satu industri ataupun satu teknologi yang begitu mahal dan modal yang besar harus dikeluarkan untuk berkecimpung dalam usaha biokimia ini dan bio-diesel ini. Statistik yang diberikan oleh kementerian pada tahun lepas ialah cuma ada dua syarikat asing yang melabur dalam bidang bioteknologi dalam negara kita. Jadi saya rasa kalau kita dapat menggalakkan atau menaikkan penglibatan penggunaan minyak kelapa sawit ini, sudah tentu dapat menarik lebih ramai pelabur asing masuk ke dalam negara kita, seterusnya memindahkan teknologi mereka yang sudah tentu akan memberikan manfaat kepada kita secara khususnya.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Pertanian. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada khususnya kepada Menteri Pertanian kerana prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh nelayan kerana selama ini mereka terpaksa berbelanja besar untuk membeli minyak diesel.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebagai menyahut seruan mereka, kerajaan ataupun kementerian telah meluluskan untuk hanya memberi ataupun menjual seliter minyak diesel RM1 kepada

nelayan. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru agar kementerian mungkin dapat mengkaji semula keputusan kementerian untuk mewajibkan semua nelayan yang keluar turun ke laut bila mereka balik daripada usaha mereka, penangkapan ikan harus melaporkan hasil tangkapan mereka setiap kali mereka turun dan balik dari laut.

Jadi saya rasa itu merupakan satu masalah yang besar kepada nelayan dan saya tahu tujuan kementerian adalah baik kerana untuk mencegah aktiviti penyeludupan dan perbuatan yang tidak sihat, yang tidak jujur oleh sebilangan nelayan. Cuma, saya harap dari segi penguatkuasaan, baru kita dapat menyelesaikan masalah sepenuhnya iaitu penguatkuasaan penyeludupan.

Saya juga menyambut baik kementerian mengambil keputusan untuk memperuntukkan sebanyak RM200 juta untuk membeli tanah dari kerajaan negeri supaya petani yang ingin mengusahakan rancangan kementerian dapat berjalan dengan lancar, dan saya berterima kasih kepada kementerian kerana maklumat yang dibekalkan kepada saya pada tahun lepas adalah sangat lengkap di mana tidak banyak kementerian kalau kita tanya soalan akan dibekalkan dengan jawapan yang begitu lengkap sekali. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian. Kalau mengikut statistik yang diberikan untuk projek-projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang lebih dikenali.

Kalau kita perhatikan, projek tersebut ada secara kumulatif. Saya hanya ingin mengambil statistik tahun 2003 tentang pencapaian projek TKPM tersebut. Kalau kita lihat, bilangan projek yang dijalankan pada tahun 2003 hanyalah 25 projek sahaja dan tidak melibatkan peserta yang ramai. Hanya 314 peserta. Luas fizikal hanya 1,682 hektar dan nilai pengeluaran cuma RM11 juta. Tidak begitu menggalakkan ialah hasil daripada projek tersebut, pendapatan peserta tidak begitu memuaskan. Pendapatan yang kurang daripada RM1,000 ada sebanyak 162, antara RM1,000 hingga RM1,999 – 83 peserta. Daripada RM2,000 hingga RM3,000 - 30 peserta dan lebih daripada RM3,000 sebulan hanya 39 peserta. Saya menyebut secara *detail* kerana saya rasa saya patut berkongsi maklumat tersebut dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, mahupun pegawai-pegawai kerajaan, khususnya Pegawai Kementerian Pertanian dalam Dewan pada hari ini.

Jadi kalau kita perhatikan pendapatan tidak begitu memuaskan, kalau pendapatan tidak memuaskan, bermaksud program tersebut tidak mendapat hasil yang diharapkan. Jadi saya rasa dalam projek tersebut, pada masa-masa hadapan, mungkin kita harus mengambil satu cara pendekatan yang lebih berkesan dan menggalakkan lebih lagi ramai peserta yang menyertai program-program tersebut. Yang penting sekali ialah hasilnya iaitu pendapatan hendaklah lumayan, setimpal dengan usaha, titik peluh yang dikeluarkan oleh peserta-peserta tersebut. Saya juga ingin menyentuh tentang projek kelompok.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2003, bilangan projek yang terlibat ialah 4,309 projek. Bilangan peserta 148,000 dan luas fizikal lebih kurang 200 hektar. Nilai pengeluaran RM866 juta. Tetapi, malangnya purata pendapatan kasar setiap peserta, setiap bulan hanyalah RM486 sahaja. Jadi dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan ataupun memperkasakan perusahaan ataupun industri pertanian, saya rasa kita harus mengambil berat tentang projek-projek yang tidak begitu mendapat hasil yang memuaskan pada masa-masa lampau kerana kalau kita lihat pendapatan sebulan hanya sekadar RM486. Itu saya rasa adalah lebih kurang masih tergolong dalam golongan miskin, RM486 kerana purata pendapatan sebulan kalau kurang daripada RM500 dikirakan miskin.

Jadi, kalau begitu keadaan berlarutan, maka saya rasa tidak ramai lagi ataupun sudah tentu projek-projek kerajaan sedemikian tidak akan mendapat sambutan daripada peserta-peserta, khususnya kaum-kaum bumiputera di desa-desa dan kampung-kampung yang pada kelazimannya pendapatan bulanan mereka adalah begitu rendah sekali. Jadi saya rasa golongan tersebut harus diberi perhatian yang secukupnya dengan diberikan projek-projek yang lebih menjamin pendapatan mereka pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pampasan yang diberikan kepada penternak itik dan ayam khususnya di negeri Perak semasa negara kita dilanda penyakit selesema burung, *bird flu*. Saya ingin menyeru agar kerajaan lebih peka kepada golongan-golongan yang terpaksa ataupun pengusaha-pengusaha, penternak ini yang terpaksa menghapus, membinasakan itik dan ayam yang mereka ternak kerana

kerajaan nampaknya mengambil masa yang begitu lama, yang begitu panjang untuk memutuskan berapa jumlah yang harus diberi untuk seekor itik ataupun ayam yang telah dihapuskan oleh penternak-penternak berskala besar.

Dan kita tahu bahawa kalau kerajaan lambat memberi pampasan, maka mereka akan menghadapi masalah kos operasi mereka. Jadi saya ingin mencadangkan agar pada masa hadapan, mungkin kita boleh tubuhkan badan-badan khas yang khusus untuk menangani masalah-masalah epidemik tersebut.

Dan juga penternak-penternak merasakan bahawa mereka tidak diberi perhatian yang secukupnya, kerana saya difahamkan mereka telah pun sekian lama meluahkan perasaan untuk kerajaan membuat undang-undang untuk bahan makanan ternakan dalam lebih daripada 30 tahun mereka masih menunggu Akta Bahan Makanan Ternakan dapat digubal di Parlimen yang mulia ini, kerana kita tahu bahawa kualiti bahan makanan ternakan pada masa sekarang di pasaran adalah tidak terjamin dan tidak memuaskan dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini 90% bahan makanan ternakan adalah diimport daripada luar negara.

Jadi kalau kita tidak adakan satu akta yang dapat melindungi industri tersebut, maka yang menguntungkan adalah pengeksport-pengeksport luar negara bukannya pengusaha-pengusaha bahan-bahan makanan ternakan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh tentang Kementerian Dalam Negeri. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi peruntukan yang besar kepada Pasukan Polis Diraja setelah menghalusi laporan daripada Suruhanjaya Penambahbaikan Pengurusan Polis, terutama sekali memperbaiki kebajikan polis dari segi logistik khususnya.

Kerana kita tahu bahawa adalah menyedihkan bahawa ramai anggota polis tidak mendapat tempat tinggal yang selesa terutama sekali di kota-kota besar seperti Kuala Lumpur ini. Dengan elaun yang diberikan, tidak cukup untuk mereka sewa sebuah rumah yang kita bukan katakan mereka anggota polis ini inginkan tempat yang mewah untuk didiami atau dihuni, tetapi sekurang-kurangnya selesa, selamat ditinggal. Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri dalam aspek ini. Saya juga menyambut baik usaha PDRM mengambil tindakan segera cadangan Suruhanjaya tersebut dengan mewajibkan semua Ketua Polis Daerah untuk menghadiri kursus Hak Asasi Manusia seperti yang dicadangkan oleh Suruhanjaya tersebut.

Cuma saya ingin mencadangkan sekiranya boleh agar polis juga mewajibkan semua Ketua Siasatan Jenayah, Pegawai Penyiasat serta Ketua Balai Polis untuk mewajibkan mereka menghadiri kursus tersebut kerana mereka inilah yang terlibat secara langsung dengan proses penangkapan, penahanan, penyiasatan dan seterusnya dan pendakwaan.

Seterusnya saya juga ingin mengeluarkan rasa tidak puas hati saya kepada pimpinan pasukan polis. Saya tidak puas hati sebab cuma satu insiden sahaja, saya mesti *qualified* dengan izin iaitu kita tahu seorang Pegawai Kanan Polis, Pegawai Pemimpin Tertinggi Polis telah menyuarkan rasa tidak setuju.

Pendek kata menentang keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menubuhkan Jawatankuasa IPCMC tersebut, iaitu Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis. Keputusan tersebut adalah keputusan awal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sedihnya pegawai polis tersebut telah secara terus terang terbuka di hadapan Perdana Menteri di satu majlis, menyatakan polis tidak setuju dengan cadangan ataupun keputusan Perdana Menteri kita. Saya rasa perbuatan tersebut adalah satu tingkah laku yang tidak menghormati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Ketua Kerajaan, sebagai pemimpin negara kita yang teragung. Saya berasa sedih kerana saya pernah dididik oleh pasukan polis juga.

Kita diajar harus berdisiplin tidak menentang secara terbuka keputusan pegawai atasan kita. Kalau kita menentang secara terbuka, maka ia adalah tidak berdisiplin. Jadi kalau kita dapat membuat satu analogi yang sama, perbuatan pegawai polis tersebut, kita boleh katakan beliau tidak berdisiplin dan tiada jalan lain. Saya rasa kalau seseorang

kakitangan kerajaan ataupun penjawat awam, kalau kita tidak setuju dengan keputusan ketua kita, lebih-lebih lagi Perdana Menteri sebagai Ketua Kerajaan, maka cuma ada dua jalan, satu beliau dibuang kerja ataupun yang kedua memilih untuk sendiri untuk meletak jawatan. Saya rasa saya tidak mempersoalkan bahawa hak asasi pegawai tersebut untuk tidak bersetuju.

Cuma kalau tidak bersetuju maka kita boleh menggunakan cara yang lebih halus. Mungkin boleh meminta Perdana Menteri mempertimbangkan semula keputusan tersebut ataupun cadangan tersebut. Meminta mempertimbangkan, bukan dengan secara terus terang kata, saya tidak setuju. Jadi, saya rasa itu bukan budaya kita lebih-lebih lagi berlaku dalam pasukan polis. Saya selama ini begitu sanjung dengan pegawai tersebut.

Saya tidak faham mengapa kata-kata sedemikian keluar daripada mulut beliau. Saya rasa mungkin ada masalah ataupun *predicament* dengan izin beliau. Cuma saya harap bahawa perkara-perkara yang sedemikian tidak berlaku pada masa hadapan dan seterusnya saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana dalam Titah Ucapan Tuanku, juga menyentuh tentang agensi penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Tuanku cukup prihatin dengan keselamatan perairan negara kita dan saya rasa dengan tertubuhnya agensi tersebut, sudah tentu kedaulatan negara kita dapat dipertahankan agar perairan kita tidak dicerobohi, dan keduanya ia juga akan menggalakkan pedagang-pedagang antarabangsa untuk memilih Malaysia sebagai destinasi utama ataupun pusat dagangan utama dengan membiarkan ataupun membolehkan barangan-barangan mereka diangkut melalui pengangkutan air dengan kapal-kapal dagang mereka melalui perairan negara kita.

Seterusnya juga saya berpendapat bahawa selama ini nelayan-nelayan kita juga menghadapi masalah diancam oleh kegiatan-kegiatan rompak oleh lanun-lanun di perairan khususnya di Selat Melaka seperti yang diucapkan oleh Yang Berhormat Ahmad bin Husin tadi.

Saya suka lebih khusus mengatakan bahawa insiden-insiden sedemikian selalunya berlaku di perairan negeri Johor kerana saya selalu baca akhbar dan juga didatangi oleh nelayan memberitahu masalah yang dihadapi oleh mereka semasa mereka beroperasi di perairan kita, antara perairan kita dengan perairan negara Indonesia dan selalunya mereka dirompak oleh lanun-lanun dari seberang sana. Jadi saya ingin menyeru agar penguatkuasaan yang lebih ketat dilakukan di perairan-perairan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Jabatan Perkhidmatan Awam. Syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi peruntukan tambahan ataupun memberi peruntukan kos saraan hidup tambahan sebanyak RM150 sebulan untuk kakitangan awam yang berkhidmat di kawasan bandar besar ataupun kota, dan sudah tentu penambahan tersebut dapat membantu kehidupan mereka dan sekali gus menambahkan semangat mereka untuk bekerja dengan lebih kuat lagi. Kita baru-baru ini, kebelakangan ini banyak diperkatakan tentang mutu dan sikap pekerja ataupun sikap kerja penjawat awam kita.

Kes yang terbaru ialah mengenai kes saman dan pampasan DBKL, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kita semua tahu bahawa melalui akhbar, "*mayor*"nya telah pun membayar sejumlah pampasan yang besar kepada plaintif yang menyaman DBKL. Sungguhpun ia hanya pada tahap yang masih tahap permulaan namun ia menunjukkan bahawa kerana sikap tidak acuh atau tidak ambil berat tentang kes tersebut, maka penghakiman ingkar dimasukkan ke atas DBKL dan selepas penghakiman ingkar dimasukkan, *diserve* ataupun diserahkan penghakiman ingkar itu kepada DBKL tetapi DBKL ataupun penasihat undang-undang ataupun peguamnya tidak mengambil sebarang tindakan untuk mengetepikan penghakiman ingkar tersebut menyebabkan bila masa dah tamat, plaintif melalui peguamnya mendapat perintah mahkamah untuk *writ and seizure*, dengan izin menyita untuk melelongkan semua harta-benda DBKL.

Jadi kalau kita lihat perkara sedemikian, kalau mempunyai sikap yang penuh dedikasi atau bertanggungjawab maka *it won't happen in the first place* dengan izin, tidak seharusnya berlaku. Jadi, pihak-pihak yang bertanggungjawab atas kealpaan ataupun kecuaiannya ini haruslah diambil tindakan yang setegas-tegasnya dan saya rasa sedih hati

bahawa sikap tersebut bukan sahaja ada di Dewan Bandaraya tersebut malah banyak berlaku di jabatan-jabatan kerajaan yang lain, seperti JKR seperti majlis-majlis tempatan ataupun Pihak Berkuasa Tempatan.

Misalannya sekiranya jalan berlubang, jalan ataupun longkang tiada penutupnya, pada kebiasaannya bila sesuatu insiden tersebut dilaporkan ataupun hal tersebut dilaporkan ke pengetahuan pihak-pihak berkenaan, jarang ada ambil tindakan yang sertaserta. Saya selalu mendapat aduan daripada orang ramai, sebab itu saya berani mengatakan tiada tindakan yang diambil sertaserta dan jika berlaku sesuatu kemalangan, maka orang yang mengalami atau ditimpa kemalangan tersebut akan mengheret kita ke mahkamah untuk menuntut ganti rugi.

Jadi pada akhirnya siapa yang akan rugi, bukan pegawai tersebut, duit kerajaan, kerajaan yang rugi. Kalau kerajaan yang rugi siapa yang rugi, rakyat yang rugi kerana duit itu duit rakyat, duit tersebut digunakan untuk pembangunan untuk kesejahteraan rakyat dan negara kita. Jadi sukacita saya ingin menarik perhatian pihak-pihak yang bertanggungjawab atas perkara-perkara tersebut. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru Perdana Menteri agar dapat mempertimbangkan semula, ini saya meminta beliau untuk pertimbangan semula keputusan beliau untuk mengambil perkhidmatan Universiti Harvard untuk mengkaji kelemahan-kelemahan sistem penyampaian kerajaan kita.

Saya rasa saya tidak begitu setuju kita menghabiskan wang yang besar untuk menjemput pakar-pakar Harvard untuk mengatasi masalah ini kerana kalau kita berbuat demikian, bermaksud seolah-olah kita tidak dapat menyelesaikan masalah kita dengan cara kita tersendiri. Saya rasa semua orang faham bahawa masalah utama ialah masalah sikap seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali sebentar tadi bahawa sikap, tanggungjawab yang diberikan oleh kerajaan kepada penjawat awam adalah satu amanah. Jadi harus kita laksanakan amanah tersebut dengan penuh dedikasi, dengan penuh kerelaan kita. Jadi bukan cara paksaan, cara kita memberi komen negatif seperti apa yang saya sedang buat sekarang.

Jadi kita tidak usah menunggu kritikan, kita harus sedar bahawa kerajaan memberi kerja kepada kita, tadi saya kata ada dua pilihan. Satu kita kalau tidak sudi menjalankan tanggungjawab sebagai seorang kakitangan awam maka kita letak jawatan ataupun kita minta dibuang kerja, itu sahaja. Jadi saya menyeru semua kakitangan kerajaan agar betul-betul kita secara jujur menjalankan tanggungjawab kita sebagai penjawat awam dan jangan sampai satu masa terpaksa kita cadangkan kepada kerajaan, bahawa kenaikan gaji kepada penjawat awam jangan dijadikan satu *as of right* minta maaf, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bermaksud kenaikan gaji itu adalah satu hak tiap-tiap tahun kerja tidak kerja, prestasi memuaskan atau tidak itu tidak menjadi pokok utama. Yang penting tiap-tiap tahun saya dapat kenaikan gaji.

Jadi jangan ada satu masa Yang Berhormat-Yang Berhormat ataupun pihak-pihak yang lain mencadangkan kepada kerajaan untuk berbuat demikian. Saya rasa belum sampai ke tahap itu, masih kita boleh memperbaiki keadaan kerana saya rasa majoriti kakitangan kerajaan masih berjaya menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi dan berjayanya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang Tenaga Nasional Berhad. Kalau kita baca laporan akhbar Tenaga Nasional Berhad telah pun menyiarkan melalui akhbar pelanggan-pelanggan yang berhutang dengan institusi tersebut dan kita mendapati ada badan-badan ataupun *customer*, pelanggan yang berhutang berjuta-juta ringgit dengan mereka.

Jadi saya rasa TNB harus mengambil tindakan yang tegas ke atas badan-badan tersebut bukan mengambil tindakan tegas ke atas penghuni-penghuni individu ataupun *household*, dengan izin, kerana saya mendapati amalan TNB sekarang ialah pergi ke setiap premis terutama sekali kedai-kedai kecil ataupun rumah-rumah untuk memeriksa meter elektrik mereka. Sekiranya mendapati ataupun ada perasaan syak wasangka ataupun curiga terhadap meter tersebut mungkin telah di *tampered*, dengan izin ataupun diusik,

maka Tenaga Nasional Berhad akan mengambil tindakan untuk menuntut *less charge* yang telah berlaku di premis tersebut.

Saya tidak mempersoalkan hak TNB untuk memeriksa dan seterusnya menuntut balik *less charge* tersebut, cuma saya rasa kadangkala kesalahan bukan dilakukan oleh pengguna individu ataupun rumah tersebut kerana meter sekiranya telah lama dipakai mungkin berlaku kerosakan. Jadi kalau kita menegaskan bahawa meter itu rosak bukan rosak secara semula jadi ataupun kerana lama telah dipakai. Kalau kita tegaskan bahawa ia adalah diusik adalah tidak adil kepada pengguna.

Saya rasa adalah menjadi tanggungjawab TNB untuk daripada semasa ke semasa memeriksa meter dan sekiranya meter tersebut telah rosak, maka adalah menjadi tanggungjawab TNB untuk memasang semula ataupun menukar meter yang baru di premis tersebut. Supaya tidak berlaku *dispute* pada hari kemudian ataupun pertelingkahan antara pengguna dengan TNB.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Kewangan. Saya mengucapkan syabas sekali lagi kepada kerajaan kerana telah mengambil usaha yang positif dengan menambahkan tawaran pelaburan kepada orang ramai untuk melabur dalam Amanah Saham Malaysia. Baru-baru ini, sebanyak RM100 juta lagi. Cuma saya rasa

Timbalan Yang di-Pertua: RM1 bilion Yang Berhormat.

Tuan Tay Puay Chuan: RM100 bilion? Ya, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: RM1 bilion.

Tuan Tay Puay Chuan: *One billion*, satu ribu juta. Terima kasih kerana memperbetulkan saya Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun bagi kita satu ribu juta itu satu jumlah yang besar, tetapi telah habis dijual, kurang daripada dua jam. Saya tahu hasrat kerajaan adalah murni. Cuma skim tersebut ada kelemahannya kerana tidak mengehendkan pelabur individu. Saya rasa pada masa hadapan, harus diadakan satu skim agar dihadkan pelaburan jumlah maksimum yang boleh dilaburkan oleh seseorang individu ataupun badan-badan tertentu. Bila saya sebut ini, tentang masalah ini, saya nampak Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarajnam senyum. Sebab saya tahu presiden beliau. Bukan presiden, minta maaf. Ketua kaum India, hah, di Malaysia MIC. Dato' Seri S. Samy Vellu juga ada menyatakan, meluahkan rasa tidak puas hati beliau. Saya rasa pada masa hadapan, kita harus kalau boleh...

Tuan M. Munusamy: Minta laluan.

Tuan Tay Puay Chuan: Ya.

Tuan M. Munusamy: Yang Berhormat, cuma adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya saya mencadangkan supaya Amanah Saham Nasional seperti ini, apabila dilancarkan juga diberi kuota bagi kaum. Sebab apabila mereka membeli saham, walaupun dia habis dalam dua jam ini, sebelum dua jam, ada rungutan juga ramai yang ingin beli tetapi tidak dapat. Dengan mengadakan had bagi individu, boleh tak Yang Berhormat bersetuju atau tidak, sekiranya ada juga kuota bagi masyarakat mengikut kaum?

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat kerana kalau kita perhatikan Titah Ucapan Baginda Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, juga menitahkan bahawa ekonomi negara kita haruslah lebih seimbang antara kumpulan-kumpulan etnik di dalam negara kita. Jadi, saya rasa ada baiknya kalau di masa hadapan, saya setuju dengan adanya penguatkuasaan kuota supaya semua kaum dapat mengecap skim tersebut. Saya rasa itu satu cadangan yang baik.

Saya juga ingin mencadangkan sekiranya boleh kerajaan tawarkan lebih banyak lagi pada masa-masa hadapan untuk rakyat kita melabur dalam ASM. Kerana kita tahu rata-rata pulangan pelaburan dalam badan-badan seperti ini adalah lebih tinggi jika sekiranya dibandingkan dengan bank-bank komersial yang lain. Menyentuh tentang bank-bank komersial, saya juga ingin menyeru agar kerajaan mendesak supaya institusi

perbankan di negara kita menaikkan faedah penyimpanan tetap di dalam bank-bank mereka.

Kerana pada masa kini, kaedah pinjam bank ataupun BLR dengan izin, *base lending rate*, telah pun dinaikkan oleh bank tetapi kadar faedah simpanan tetap, sungguhpun ada kenaikannya tetapi tidak begitu memuaskan kerana kita tahu kadar kenaikan tersebut adalah kurang daripada kadar inflasi yang kita alami sekarang. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyeru kerajaan bahawa pada masa-masa hadapan, sekiranya ada sesuatu program ataupun skim yang memberi manfaat kepada semua rakyat. Maka haruslah diberi publisiti ataupun penerangan yang secukupnya. Terutama sekali kepada golongan-golongan minoriti di dalam negara kita. Saya mendapati banyak berlaku salah faham daripada kaum Cina.

Saya tidak tahu perkara ini. Saya tidak tahu hal ini, tentang kaum India tetapi kalau kaum Cina, selalunya salah faham bahawa kerajaan tidak menjaga kepentingan mereka. Sebenarnya itu adalah satu tanggapan yang salah. Kalau kita tahu, dapat imbas kembali bahawa SMI, *Small and Medium Industry*. Kerajaan telah mengehendaki institusi-institusi perbankan untuk memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha SMI ini. Cuma oleh sebab tiada publisiti yang secukupnya, maka tidak ramai pengusaha ataupun pengilang-pengilang keturunan Cina yang tahu tentang skim tersebut ataupun kemudahan yang ditawarkan oleh kerajaan. Maka mereka terlepas peluang untuk meminjam daripada bank.

Dari segi peminjaman dari bank, saya juga ingin memohon agar Kementerian Kewangan menghendaki pada-pada masa hadapan, institusi perbankan betul-betul jujur untuk memberi pinjaman kepada SMI. Kerana syarat-syarat yang dikenakan adalah agak ketat, saya tahu syarat-syarat itu dikenakan oleh kerajaan tetapi ada syarat-syarat sampingan yang dikenakan oleh bank-bank mengikut keadaan ataupun situasi mereka. Jadi saya rasa sekiranya ada syarat-syarat tambahan, maka itu adalah tidak adil kerana syarat tersebut bukan ditentukan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkenaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah ucapan juga menegaskan bahawa sektor swasta perlu kembali sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi. Jadi saya rasa kita harus dalam aspek ini pada masa sekarang kita kena kurangkan kerenah ataupun *red tape* birokrasi jabatan-jabatan kerajaan seperti yang dikatakan oleh Menteri MITI, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz sendiri mengaku bahawa banyak berlaku kelemahan di dalam kementerian beliau yang dipimpin oleh beliau terutama sekali sikap-sikap pegawainya yang masih di tahap yang tidak memuaskan.

Jadi saya rasa mereka adalah sebagai *frontier* yang duduk di barisan hadapan yang selalu berdepan dengan pelanggan, baik dalam negeri ataupun luar negara. Jadi dari segi pasaran antarabangsa ini saya juga ingin menyentuh tentang produk halal. Saya rasa kita, Malaysia, boleh menjadi satu hab pasaran produk halal ini memandangkan kita ada pelanggan ataupun *market* yang begitu besar, *huge market*, dengan izin, terutama sekali negara-negara Timur Tengah ataupun negara-negara Islam yang lain yang mempunyai perhubungan baik dengan Malaysia. Saya rasa kalau kita dapat meningkatkan industri ataupun memajukan industri produk halal ini sudah tentu dapat menaikkan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar terutama sekali penduduk yang beragama Islam.

Saya perhatikan bahawa mereka sesuai untuk mengendalikan program-program ataupun aktiviti-aktiviti menghasilkan produk halal ini. Jadi saya rasa kerajaan dalam aspek ini harus menghulurkan bantuan, khususnya kepada kaum bumiputera yang di kawasan pedalaman dan mewujudkan satu skim supaya mereka dapat berkecimpung dalam industri ini secara berkelompok-kelompok untuk memastikan bahawa hasilnya akan lebih memuaskan.

Saya juga ingin menyentuh tentang Malaysia ketinggalan di belakang India dan negara China untuk menjadi pusat *outsourcing* antarabangsa. Saya rasa masih ada ruang untuk Malaysia memperbaiki kedudukan tersebut kerana saya tahu misalannya negara India, Amerika Syarikat banyak bergantung kepada perkhidmatan negara India dalam bidang *outsourcing* ini, khususnya saya telah melalui satu rancangan dokumentari mendapat tahu bahawa surat-surat tuntutan bank ataupun *legal notice, notice of demand*,

dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, semuanya ditaip di India dan pegawai-pegawai bank di Amerika Syarikat, mereka hanya kena tekan butang *printer* sahaja. Tekan sahaja butang *printing*, maka notis tuntutan tersebut akan keluar di negara Amerika Syarikat.

Jadi saya rasa negara kita mempunyai kemahiran dalam bidang ini kerana rata-rata penduduk kita mempunyai mutu pelajaran yang memuaskan yang saya rasa sesuai juga kalau kita diberi peluang untuk memberikan perkhidmatan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat; masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang berbunyi:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.”

Dikemukakan kepada majlis sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

5.06 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang menyokong usul yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Di dalam kita membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ada juga disebutkan tentang perpaduan di kalangan rakyat dan Tuanku telah menyeru supaya kita hendaklah berterusan dengan perpaduan di kalangan rakyat kita dan telah membangkitkan bahawa Panel Penasihat Perpaduan Negara dan juga Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri itu harus menjayakan program-program perpaduan yang menjurus ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah satu perhatian yang sangat tepat dan kerajaan bukan sahaja Kerajaan Persekutuan tetapi juga kerajaan-kerajaan negeri telah menumpukan banyak usaha, kewangan dan perhatian kepada aspek perpaduan di kalangan rakyat kita ini tetapi malangnya sehingga sekarang perkara ini masih terus diperjuangkan. Apa yang menarik ialah usaha-usaha ini masih diteruskan dan banyak peruntukan telah diagihkan tetapi pencapaian di semua peringkat itu masih tidak seperti memuaskan dan kita kena mengkaji kenapa ini berlaku.

Pada pendapat saya ini bukan kerana kita tidak ada usaha yang mencukupi, bukan kerana kita tidak ada peruntukan yang mencukupi, tetapi mungkin ada masalah-masalah yang lebih rumit, yang harus diatasi sebelum kita boleh mencapai sasaran dan hasrat kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus melihat perkara ini sebagai satu yang penting bagi kemajuan dan kemakmuran negara dan kalau tidak diatasi dengan baik, maka kita akan terus menghadapi isu dan masalah ini pada masa akan datang. Sampai bila saya pun tidak tahu. Dan sekarang kita ada satu Menteri Perpaduan, Jabatan Perdana Menteri dan beliau ini datang dari Sabah dan mempunyai latar belakang yang kuat untuk mengkaji perkara ini. Dan juga pada masa yang sama ada satu panel yang melawat seluruh negara, satu Jawatankuasa Khas Parlimen dan panel ini telah datang ke tempat demi tempat untuk mendapat cadangan-cadangan dan idea-idea daripada semua golongan. Perjumpaan panel

ini di bandar-bandar dan juga di luar bandar itu sudah diaturkan dan saya harap dengan input daripada semua golongan itu, maka kita dapat mengatasi masalah perpaduan di kalangan rakyat seperti yang telah dititahkan dalam ucapan Tuanku itu.

Tadi rakan saya Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan telah menyatakan tentang aspek-aspek *outsourcing* atau satu perkhidmatan perkongsian dan sumber luar, iaitu secara ringkas dipanggil SSO atau *Shared Services and Outsourcing*. Baru-baru ini Perdana Menteri kita ke Austin, Texas untuk menghadiri satu persidangan yang dipanggil WCIT 2006 dan semasa berada di sana telah dapat satu panggilan telefon daripada Presiden Amerika Syarikat iaitu Presiden George Bush. Di Persidangan WCIT atau WCIT ialah *World Congress on Information Technology*. Di sana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan satu kumpulan, satu rombongan seramai 300 orang termasuk seorang Ketua Menteri Pulau Pinang dan Menteri Besar Pahang, telah dapat berjumpa dengan semua pemain utama dalam teknologi maklumat itu.

Jadi dalam Titah Ucapan itu ada disebutkan tentang peranan Malaysia dalam SSO dan kita diberitahu bahawa dari segi perkhidmatan ini, perkhidmatan perkongsian atau *Shared Services and Outsourcing* itu, Malaysia duduk dalam ketiga teratas dalam dunia selepas India dan juga Republik Rakyat China, selepas itu datang Malaysia. Dan nampaknya kita masih ada kekurangan dalam aspek ini dan di dalam persidangan antarabangsa itu ada dikenal pasti bahawa kalau Malaysia ingin mencapai kedudukan yang lebih tinggi, maka kita kena meningkat lagi pengetahuan sumber manusia kita dalam perkara ini. Kalau tidak meningkat lagi maka kita tidak boleh memperbaiki kedudukan kita dari tempat ketiga ke satu atau dua. Kita tidak sempat kerana kita masih ketinggalan dari segi aspek-aspek. Tetapi sebagai satu industri yang baru, maka SSO itu akan menjadi satu kegiatan yang lebih penting di Malaysia.

Dan dijangka bahawa industri SSO ini akan mewujudkan sebanyak 100,000 pekerjaan dalam masa singkat yang akan datang tetapi seperti yang saya katakan itu, ia memerlukan kakitangan yang lebih tinggi di dalam kemahiran mereka atau mereka yang lebih tinggi dalam *value change* yang disebutkan itu. Jadi, adakah universiti-universiti dan pusat pengajian tinggi di Malaysia kita sudah sanggup untuk memberi latihan kepada golongan ini supaya kita dapat mencapai hasrat seperti yang dititahkan dalam ucapan itu iaitu SSO. Dan Malaysia seperti yang kita diberitahu akan menjadi tuan rumah pada 2008 kerana persidangan ini diadakan dua tahun sekali dan pada kali yang akan datang iaitu tahun 2008 Malaysia akan menjadi tuan rumah. Di persidangan ini Malaysia juga cadangkan satu idea yang baru yang dipanggil "Impak", iaitu bagaimana dalam pembentangan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali itu telah menyatakan tentang impak iaitu tentang satu kegiatan, keganasan siber, bagaimana kita dapat mengatasi ini. Kita memerlukan kerjasama di antara semua kerajaan global itu untuk atasi masalah ini.

Jadi cabaran dalam aspek ini sangat penting. Saya setuju bahawa perkara ini harus diberi perhatian. Tadi kita juga mendengar tentang satu agensi baru yang diberi tugas penguatkuasaan, iaitu dipanggil Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah... dalam Titah menyatakan bahawa kita harus mempertahankan keselamatan seperti pemerhatian dari langit. Ini satu pemerhatian yang barulah, pemerhatian dari langit atau *eyes in the sky initiative*. Kita kena lihat lanun-lanun itu dan bagaimana mengatasi masalah kerana di Selat Melaka sekarang, semua firma insurans itu menganggapkan bahawa ini adalah satu zon perang atau *war zone*. Dan oleh kerana ini dianggap sebagai satu zon perang maka premium insurans kapal itu yang paling tinggi. Kita kata Selat Melaka selamat mungkin ada insiden-insiden lanun, tetapi firma antarabangsa insurans itu kata lain.

Dia kata ini satu zon perang. Bila-bila masa ada keganasan. Dan kalau kita mahu bahawa Selat ini yang di bawah bidang kuasa Malaysia itu selamat untuk semua kapal, maka kita harus mengatasi masalah ini dan menukar imej zon perang ini kepada satu zon aman. Satu zon aman di mana perdagangan dapat dijalankan tanpa apa-apa halangan dan satu perairan yang selamat untuk segala jenis kapal. Itu harus kita buat. Sama ada kita

dapat mengatasi atau tidak, itu terpulanglah kepada agensi yang baru kita tubuhkan itu iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Sungguhpun agensi ini baru sahaja, tetapi dari segi tugas dan bidang penguatkuasaan mereka, ini mereka sudah ada pengalaman kerana dulu semuanya adalah polis marin, ia sekarang ditubuhkan di bawah satu agensi baru dan kita telah luluskan peruntukan bagi mereka membeli kapal baru, membeli kapal terbang, helikopter dan sebagainya untuk menjalankan tugas. Dan dengan itu saya harap mereka dapat memainkan tugas dengan lebih berkesan lagi.

Tadi kita juga mendengar tentang sikap polis dan akibat daripada itu, maka satu Suruhanjaya telah ditubuhkan untuk mengkaji perkara ini. Dan satu daripada 125 perakuan mereka ialah supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya bebas untuk menyiasat aduan terhadap polis. Tadi rakan kita Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan telah menyatakan ketidakpuasan beliau tentang seorang pegawai tinggi polis yang menyoalkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita telah minta semua rakyat, semua golongan, semua agensi, semua NGO yang ada itu supaya memberi pendapat tentang kesesuaian diadakan satu lagi Suruhanjaya. Dan baru-baru ini kita telah mendengar bahawa mungkin kita akan memperkenalkan satu sistem yang dipanggil sistem *ombudsman*, iaitu satu sistem yang mana publik atau rakyat itu ada peluang untuk membuat aduan kepada satu agensi yang ada keyakinan, bahawa boleh menyelesaikan apa yang diterima secara bebas dan secara dengan kuasa sendiri boleh mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap segala aduan yang diterima itu.

Saya berharap rakyat kita akan memberi pendapat mereka dan jangan melihat agensi-agensi yang mana tumpuan aduan rakyat dibuat itu agensi-agensi ini tidak harus melihat bahawa ini ialah satu gangguan kepada mereka, bagaimana mereka menjalankan dan sebagainya. Seharusnya mereka mesti melihat ini sebagai satu cabaran untuk mereka mengatasi segala kelemahan. Kita tahu bahawa di Malaysia kita sekarang, kita mempunyai kemudahan-kemudahan Dunia Pertama iaitu *First World facilities*, kita sudah ada. Kemudahan-kemudahan Dunia Pertama iaitu kita sama taraf dengan Amerika Syarikat sebagai negara yang termaju, negara yang terkuat di dunia pada masa ini. Kita sama taraf tetapi minda kita ada sedikit gangguan. Yang Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan masih ada gangguan dalam mentaliti kita. Kita masih dalam mentaliti kita anggap kita sebagai Dunia Ketiga.

Jadi bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini mempunyai kemudahan Dunia Pertama tetapi mentaliti kita masih ke belakang, masih *Third World*. Ini adalah satu cabaran yang juga dibangkitkan dalam Titah Ucapan itu. Dan saya minta rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini supaya berkongsi pengalaman, supaya kita bersama-sama memikirkan bagaimana kita boleh membawa Malaysia ke satu tahap yang diharapkan dalam Titah Ucapan itu, supaya kita dapat mencapai satu mentaliti yang sesuai dengan kemudahan-kemudahan yang ada di Malaysia sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi tajuk yang dibangkitkan dalam Titah Ucapan ialah tentang bagaimana perlunya untuk meningkatkan keutuhan dan kewibawaan diri atau integriti. Kita telah dengar bahawa Pengerusi BBC letak jawatan kerana isu ini, kerana isu yang dibangkitkan dalam Titah Ucapan iaitu isu keutuhan dan kewibawaan diri atau integriti. Jadi kalau Parlimen sebagai satu badan itu dimuliakan dan begitu disanjung, kalau di Parlimen tidak murahnya dengan integriti, mana yang sesuai supaya integriti itu tapi dari segala aspek, kita harus melihat sesuatu dari segi ini. Dan di dalam titah itu, Seri Paduka Baginda ada menyatakan hasrat supaya mewujudkan rakyat Malaysia yang bersih dan amanah, yang adil dan beretika, yang ramah-mesra dan bersatu padu. Semua ini ialah perkataan-perkataan yang digunakan dalam Titah Ucapan.

Dan disebutkan bahawa unsur ini adalah penting untuk meningkatkan jati diri, ketahanan dan perwatakan rakyat Malaysia. Semua ini adalah harapan-harapan yang pada saya boleh ditunaikan. Bukan tinggal sebagai harapan sahaja tetapi boleh ditunaikan kalau kita mempunyai sikap yang betul itu, mempunyai sikap yang betul ini.

Jadi apa yang berlaku baru-baru ini bersesuaian dengan apa yang dibangkitkan dalam Titah Ucapan tentang isu integriti ini. Dan saya berharap pada masa yang akan datang di Dewan yang mulia ini, kita akan memberi penuh perhatian dan sokongan kepada isu-isu seperti ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa dah cukup.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Sambung esok, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan Dewan hari ini sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.